2018 merupakan tahun yang begitu mencabar. Namun, di sebalik getirnya tekanan ekonomi yang melanda, MAIPk terus mengorak langkah yang progresif bagi menjayakan perancangan yang telah disusun rapi dalam memastikan bukan sahaja hasil pungutan zakat terus meningkat malah, dalam masa yang sama turut mengoptimumkan agihan agar sampai ke kelompok sasaran. Begitu juga, usaha memantapkan pengurusan harta-harta wakaf dan baitulmal akan terus dipergiatkan agar janaan hasil daripada harta-harta berkenaan dapat dioptimumkan dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi melaksanakan aktiviti yang telah direncanakan. Gerak kerja ini sudah tentunya memerlukan kayu pengukur yang jelas bagi memantau dan menilai perancangan yang telah disusun atur, untuk mengenal pasti sejauh manakah prestasi kejayaan telah dicapai. Lantaran itu, MAIPk telah menggariskan dasar-dasar strategik utama serta pelan tindakan yang tersusun lagi definitif melalui Pelan Strategik MAIPk 2016-2021, sebagai panduan dan hala tuju seluruh warga kerja MAIPk demi merealisasikan objektif dan impak yang dihajatkan, iaitu, memelihara ketinggian syi'ar Islam dan mensejahterakan kehidupan masyarakat Islam di negeri bertuah ini. Pelan Strategik MAIPk ini telah pun melepasi separuh penggal pelaksanaannya sejak pelancarannya pada tahun 2016. Justeru, prestasi pencapaian semasa haruslah dinilai dan dikaji semula bagi membolehkan langkah-langkah penambahbaikan dibuat demi mengukuhkan pelan tindakan sedia ada agar lebih efektif dan efisien sebagai persediaan menghadapi separuh penggal yang akan datang.

**Menyemarakkan Syiar Islam**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah al-Maghfur Lah, sering menzahirkan titah yang padat dengan mutiara kata dan boleh dijadikan iktibar dan panduan lebih-lebih lagi dalam agenda menegakkan syiar Islam di negara ini. Sewaktu berangkat hadir pada majlis bersempena Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia bertarikh 26 hingga 27 September 2011, bertempat di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, baginda yang ketika itu Pemangku Sultan, telah berkenan menyampaikan titah perutusan, antara lainnya memetik perkara-perkara yang mendasari keutuhan prinsip nilai dan sosial serta menjadi asas kepada urusan pentadbiran negara, iaitu –

*"Segala yang terpahat dalam Perlembagaan adalah dalam semangat menjunjung Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu yang secara tegas menetapkan, Islam sebagai agama Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Tanah Simpanan Melayu diperuntuk dan dipertahankan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain dilindungi, kedaulatan Raja-raja Melayu memerintah negara kekal terjamin."*

Justeru, MAIPk telah menetapkan, salah satu agenda utamanya ialah berperanan sebagai institusi yang memelihara, mendukung, menyebar luas serta menyemarakkan syiar Islam. Bagi memenuhi amanah ini, antara platform utama yang seharusnya diperkuatkan semula fungsi dan peranannya dalam masyarakat adalah institusi masjid dan surau. Institusi inilah yang menjadi nadi penggerak dan tunjang utama kepada perpaduan, keterlibatan sosial, sikap prihatin dan kepedulian masyarakat Islam. Kepentingan peranan masjid dan surau ini telah diterjemahkan secara jelas di dalam salah salah satu sasaran indeks keberhasilan utama MAIPk, iaitu, di bawah dimensi strategik–memasyarakat dan merekayasakan daya upaya masjid dan surau sebagai pusat kesejahteraan komuniti. Konsep pengimarahan masjid dan surau ini bukan sahaja tertumpu sebagai tempat ibadah semata-mata, malah, diperluaskan sebagai pusat pembelajaran, pusat kegiatan sosial, rakan ekonomi komuniti serta diperkemas pula dengan struktur pentadbiran dan amalan tadbir urus pengurusan yang terbaik dan terkini. Sumber dana masjid dan surau juga tidak memfokuskan hanya dalam konteks sedekah dan sumbangan semata-mata, bahkan, dapat meneroka sumber janaan hasil lain melalui aktiviti ekonomi termasuk pemilikan, pembangunan serta kemajuan aset-aset wakaf bagi memangkin perkembangan ekonomi domestik di tengah kelompok kariah. Inisiatif sebegini, secara tidak langsung, memupuk penglibatan seluruh ahli kariah secara bersama menerapkan konsep pengimarahan yang sebenar dalam kehidupan bermasyarakat seperti dianjurkan oleh agama sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah at-Taubah ayat 18 yang bermaksud:

*"Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dari hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat, dan tidak takut kepada sesiapa pun selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk."*

Seiring dengan matlamat ini, seluruh umat Islam diseru agar sama-sama bermuafakat menjadikan masjid dan surau sebagai titik persamaan dan permulaan untuk merapatkan tali silaturrahim, mengeratkan perpaduan, bersatu padu ke arah memperkasakan Islam sebagai addin mencontohi era kegemilangan Islam di bawah pimpinan jujungan besar Rasulullah SAW. Menelusuri sirah, Rasulullah SAW bukan sahaja menjadikan Masjid Nabawi sebagai pusat ibadah, malah, menjadikannya

pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, pusat gerakan aktiviti masyarakat serta menjadi tempat rakyat menuntut hak dan keadilan. Selain itu, Masjid Nabawi turut berperanan aktif sebagai pusat kebajikan dan gedung ilmu pengetahuan. Dengan erti kata lainnya, masjid mempunyai peranan yang komprehensif dan signifikan dalam pentadbiran Islam ketika itu sebagai pusat sehenti yang menjalinkan konsep *Hablum Minallah dan Hablum Minannas.* Di sinilah bermulanya keagungan tamadun Islam dan kegemilangan syiar Islam.

**Rakaman Kejayaan 2018**

Alhamdulillah, MAIPk melabuhkan tirai 2018 dengan lakaran kejayaan dan prestasi pencapaian yang boleh dibanggakan. Hambatan kesuraman ekonomi berjaya dihadapi dengan penuh kecekalan dan ketabahan. Saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga di atas pencapaian yang telah direkodkan oleh MAIPk. Antara aktiviti teras yang sentiasa diberikan keutamaan ialah pengagihan zakat kepada asnaf, yang memfokuskan kepada kemaslahatan dan pemerkasaan sosio ekonomi ummah. Pungutan zakat berjaya merekodkan peningkatan sebanyak 3.13% dengan catatan RM176.1 juta pada tahun 2018 berbanding RM170.8 juta pada tahun 2017, memberikan sinar harapan kepada masyarakat yang memerlukan bantuan terutamanya dalam suasana persekitaran ekonomi yang semakin menekan. Secara tidak langsung, dana zakat yang berjaya dikumpulkan ini juga membolehkan MAIPk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancangkan demi meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kehidupan ummah.

Bagi merealisasikan amalan tadbir urus yang cemerlang, berintegriti dan profesionalisme yang tinggi, seluruh warga kerja MAIPk sentiasa memahat tekad dan iltizam untuk terus menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa. Selain, mewujudkan dokumentasi perancangan kerja yang terancang, terarah lagi tersusun, iaitu, Pelan Strategik MAIPk 2016-2021, pengurusan MAIPk juga memperbaiki dan menstrukturkan semula proses kerja sedia ada sebagai asas lonjakan pencapaian. Pada tahun 2018, MAIPk telah berjaya menerima pengiktirafan kualiti Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 oleh SIRIM. Kejayaan ini sebenarnya suatu amanah kepada setiap warga pekhidmat MAIPk untuk bekerja lebih gigih menggalas tanggungjawab dan peranan masing-masing dengan sebaik-baiknya bagi memastikan kewujudan MAIPk benar-benar relevan, diterima dan didukungi segenap lapisan umat Islam di negeri ini.

**Kalungan Penghargaan**

Mewakili seluruh Anggota MAIPk, para pegawai dan semua warga kerja MAIPk, saya dengan berbesar hati merafakkan setinggi-tinggi junjungan kasih dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah, di atas segala kurniaan mandat, bimbingan, panduan, nasihat dan naungan keprihatinan Baginda yang tiada penghujungnya terhadap urus tadbir MAIPk hingga ke hari ini. Sesungguhnya, patik sekalian mendoakan kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak serta seluruh kerabat Baginda sekaliannya. Semoga pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan berada di bawah limpahan rahmat dan keberkatan Ilahi.

Kalungan penghargaan dan ucapan terima kasih turut disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Kerajaan Persekutuan, badan-badan kerajaan, anak syarikat MAIPk dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang sentiasa memberikan sokongan dan dukungan berterusan kepada pentadbiran MAIPk.

Saya juga menzahirkan rasa bangga dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga MAIPk, terutamanya pihak pengurusan dan warga kerjanya dari segenap lapisan akar umbi, di atas gerak usaha dan kerja yang cemerlang berbekalkan kesungguhan, motivasi, dan semangat juang yang tinggi di samping penerapan nilai kesepunyaan dan muafakat hingga berjaya mencoretkan kejayaan cemerlang pada tahun 2018. Segala kejayaan yang dikecapi tidaklah tergapai tanpa usaha dan sokongan jitu warga MAIPk yang menjadi nadi penggerak utama. Sesungguhnya, segala komitmen, dedikasi dan kesetiaan anda kepada MAIPk menjadi aset yang amat bernilai dan berharga. Kepada Allah SWT. saya berserah dan berdoa agar ianya menjadi satu catatan amal kebajikan yang mempunyai pahala berpanjangan di sisiNya untuk kejayaan di dunia dan di akhirat.

**"Memperteguh Syariat, Melestari Adat".**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin**
*Yang Dipertua*
*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*

# LAPORAN TAHUNAN
# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk

# LAPORAN TAHUNAN
# **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk**



Segala puji dan syukur dirafakkan kehadrat Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan limpah keizinannya jua Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dapat diterbitkan.

Persekitaran suram ekonomi global dalam tahun tahun 2018 terus memberikan cabaran getir terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Ekonomi global berkembang positif pada awal tahun sebelum menjadi sederhana pada separuh kedua dengan mencatatkan pertumbuhan keseluruhan 3.7% (2017: 3.8%) . Konflik perdagangan yang semakin meningkat ekoran tarif perdagangan yang lebih tinggi menimbulkan tekanan terhadap perdagangan dan pelaburan global. Selain itu, harga komoditi yang kembali tidak menentu turut memberi kesan kepada momentum pertumbuhan dan inflasi global. Bagaimanapun, unjuran pertumbuhan tersebut dilihat masih agak tinggi berbanding purata pertumbuhan jangka panjang yang dicapai sebelum ini (1980-2017: 3.5%) .

Terkesan daripada trend ekonomi dunia, ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi pertumbuhan menggalakkan sebanyak 4.7% pada tahun 2018, merekodkan penurunan selepas mencatatkan pertumbuhan yang teguh 5.9% pada tahun 2017. Trend penurunan ini tidak hanya berlaku di Malaysia, malah turut menular kepada banyak ekonomi utama di Asia seperti Jepun (2018: 0.8%, 2017: 1.9%), Republik Rakyat China (2018: 6.6%, 2017: 6.9%), Korea (2018: 2.7%, 2017: 3.1%), Hong Kong (2018: 3.0%, 2017: 3.8%) dan Singapura (2018: 3.2%, 2017: 3.6%) .

Pertumbuhan ekonomi negara telah menunjukkan daya tahan yang teguh dalam menghadapi rintangan kegawatan yang melanda dengan berteraskan permintaan dalam negeri yang begitu menggalakkan, serta disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Manakala,

perbelanjaan sektor awam pula berkembang dengan lebih sederhana disebabkan langkah rasionalisasi perbelanjaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Berdasarkan landskap ekonomi negara, impak keberdayaan ekonomi ini dijangka memberikan kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi domestik negeri-negeri termasuklah Negeri Perak Darul Ridzuan. Berdasarkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, purata pertumbuhan ekonomi negeri Perak diunjurkan pada kadar 5.0% bagi tempoh 2018-2020 . Berbanding pertumbuhan 5.5% yang dicatatkan pada tahun 2017 , Kerajaan Negeri Perak membayangkan catatan kadar pertumbuhan akan berlegar pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2018 tetapi masih berkisar dalam julat pertumbuhan seperti yang diunjurkan.

Di sebalik persekitaran ekonomi negara yang mencabar, MAIPk terus gigih mendepani cabaran dan rintangan untuk memastikan kelestarian sumber pendanaannya agar terus mengukuh, berdaya tahan dan mampan demi kelangsungan fungsi dan peranannya selaku badan penguasa agama yang utama di negeri Perak. MAIPk, yang juga merupakan satu-satunya institusi yang diamanahkan untuk mengurus tadbir baitulmal turut berperanan penting dalam memangkin kemajuan dan kesejahteraan ummah khususnya di negeri Perak. Baitulmal, merupakan perbendaharaan kepada MAIPk, menjadi tunjang utama dan nadi penggerak ke arah merealisasikan program dan perancangan strategik yang telah dirangka. Selain itu, baitulmal yang bersumberkan zakat, wakaf dan sumber am, turut menjadi wasilah masyarakat khususnya di kalangan muslimin dan muslimat untuk mendapatkan bantuan sama ada dalam bentuk khidmat nasihat, bimbingan, pengetahuan, latihan, kemahiran, kewangan dan keperluan lainnya bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup mahupun untuk menangani kesusahan dalam meniti kelangsungan hidup menerusi pelbagai program dan skim bantuan yang disediakan.

Dengan asas ekonomi negara yang masih kondusif, alhamdulillah, MAIPk berjaya mengulangi pencapaian cemerlang pada tahun terdahulu dengan merekodkan suatu tanda aras pencapaian yang baharu. Pungutan zakat 2018 mencatatkan anjakan prestasi yang baik RM176.24 juta, meningkat 3.19% berbanding catatan pada tahun 2017 berjumlah RM170.8 juta. Kejayaan ini, sekaligus merekodkan pencapaian pungutan zakat tertinggi yang pernah dicapai semenjak penubuhan MAIPk. Selain itu, dana sumber am turut mencatatkan prestasi cemerlang dengan peningkatan pungutan 125.10% daripada RM14.74 juta pada tahun 2017 kepada RM18.44 juta pada tahun 2018.

Kejayaan ini menyuntik semangat warga kerja MAIPk, untuk terus memberikan khidmat dan komitmen kerja yang lebih gigih lagi berkualiti. Suasana ekonomi sederhana tidak merencatkan sama sekali kesungguhan jentera Pengurusan MAIPk untuk mencapai sasaran "Endgame" yang telah disenaraikan di bawah Pelan Strategik MAIPk 2016-2021, malah beriltizam jitu memadu tekad dan usaha serta terus istiqamah bagi merumuskan formula kejayaan yang efektif. Selain amalan tata kelola dalaman yang sistematik lagi holistik, faktor kejayaan MAIPk turut dimangkin sokongan berterusan warga muslimin di negeri ini yang terus memberi keyakinan dan dukungan kepada Pengurusan MAIPk menggalas amanah dan tanggungjawab memperkasa baitulmal di samping mengekalkan tadbir urus terbaik dan budaya kerja berprestasi tinggi.

## SOROTAN PENCAPAIAN

Melangkah separuh penggal pelaksanaan Pelan Strategik MAIPk 2016-2021, pihak Pengurusan MAIPk terus komited mempergiatkan usaha dalam melaksanakan setiap perancangan dan pelan tindakan yang telah disusun atur bagi memastikan objektif dan matlamat yang ditetapkan tercapai.

Pencapaian prestasi pada setiap peringkat pelaksanaan terus dipantau dan dinilai bagi memastikan segala usaha yang dipergiatkan berada pada landasan dan hala tuju yang tepat ke arah pencapaian muktamad seperti digariskan di bawah perencanaan pelan strategik MAIPk.

Justeru, bagi tahun 2018, MAIPk terus melipatgandakan ikhtiar agar penjanaan hasil terus dipertingkatkan di samping mengekalkan pula pengurusan kewangan yang cermat lagi berhemat, serta memastikan perbelanjaan dan pengagihan dana yang optimum.

Secara keseluruhannya, pada peringkat Kumpulan, MAIPk berjaya mencapai keputusan kewangan yang amat baik. Nilai Aset Bersih (NAB) Kumpulan mencatatkan RM442.82 juta (2017: RM432.47 juta), meningkat 2.39% berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Keputusan kewangan tersebut menggambarkan prestasi kewangan Kumpulan berada pada kedudukan yang kukuh dan berdaya maju. Malah, kedudukan kewangan pada peringkat MAIPk sendiri turut mengukuh dengan mencatatkan NAB RM252.43 juta (2017: RM246.63 juta), meningkat 2.35% atau RM5.80 juta berbanding pencapaian 2017.

Berdasarkan persembahan perakaunan pada peringkat Kumpulan, prestasi kewangan syarikat subsidiari milikan penuh MAIPk, iaitu, PKEINPk Sdn. Bhd. (PSB) telah disatukan dengan akaun Sumber Am MAIPk. Bagi tahun 2018, akaun disatukan Kumpulan (Sumber Am) mencatatkan penurunan pendapatan sebelum cukai dan zakat (EBITZ) sebanyak -11.53% atau RM1.49 juta daripada RM12.92 juta pada tahun 2017 kepada RM11.43 juta pada tahun 2018.

Kemerosotan prestasi berlaku disebabkan penguncupan pendapatan PSB dan kumpulannya

kesan daripada ketidaktentuan pasaran komoditi dunia terutamanya harga Minyak Sawit Mentah (MSM). Kumpulan PSB mencatatkan penurunan keuntungan sebelum cukai dan zakat (EBITZ) sebanyak -83.53% atau RM7.15 juta daripada RM8.56 juta pada tahun 2017 kepada RM1.41 juta pada tahun 2018. Harga purata MSM mengalami kejatuhan berterusan sepanjang tahun 2018, mencatatkan purata harga tahunan yang merudum 20% daripada RM2,771m/t pada tahun 2017 kepada RM2,214m/t pada tahun 2018.




Bagaimanapun, dari sudut pengurusan ladang, PSB telah berjaya menunjukkan pencapaian dan prestasi cemerlang serta mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan apabila terpilih untuk menerima Anugerah Industri Sawit Malaysia 2017/2018 di bawah Kategori Ladang (Semenanjung) berkeluasan 500 hektar hingga 1,999 hektar. Penganugerahan tersebut diterima atas pencapaian hasil sawit tertinggi di Semenanjung Malaysia dengan catatan 34 metrik tan per hektar.




Bagi pengurusan zakat, MAIPk masih berupaya mengekalkan prestasi pungutan hasil yang agak baik. Trend peningkatan berjaya dikekalkan meskipun terpaksa berdepan kegawatan ekonomi dengan mencatatkan prestasi peningkatan yang lebih sederhana 3.19% berbanding 2017. Walaupun, mencatatkan peningkatan berbanding tahun terdahulu, namun pencapaian tersebut sememangnya jauh lebih rendah berbanding purata pencapaian jangka panjang 30 tahun sebelum ini (1989-2017: 13.86%).

Sebahagian besar peningkatan prestasi tersebut disumbangkan oleh pencapaian cemerlang pungutan zakat harta yang meningkat RM12 juta atau 12.39% kepada RM108.89 juta (2017: RM96.89 juta). Pungutan zakat di bawah kategori ini mewakili para pembayar yang kebanyakannya dari kalangan individu. Trend peningkatan sebegini memberikan indikasi bahawa, keyakinan umat muslimin dan muslimat khususnya di negeri ini terhadap amalan bersedekah dan berzakat sebagai solusi terbaik dalam menghadapi getir kegawatan yang dirasai masyarakat, masih terus bertahan dan kekal teguh. Rasa keinsafan dan pengabdian diri golongan berada dalam memenuhi tuntutan Ilahi di samping membantu saudara seagama yang kurang bernasib baik dijelmakan dengan kerelaan untuk berkongsi harta yang mereka miliki.

Manakala, dari sudut pengagihan zakat pula, bagi tahun 2018, MAIPk telah menyalurkan dana berjumlah RM157.70 juta. Jumlah ini, tidak termasuk pemulangan semula wang zakat berjumlah RM18.47 juta (2017: RM18.01 juta) yang diagihkan sendiri oleh pembayar-pembayar zakat korporat dengan kerjasama MAIPk. Jika, dibandingkan catatan bagi tahun 2017 berjumlah RM149.41 juta, berlaku kenaikan pengagihan sebanyak 5.55% atau RM8.29 juta.

Dari sudut perakaunan, berdasarkan prinsip pemadanan hasil pungutan dan agihan zakat tahun semasa, telah mencatatkan sedikit lebihan bersih RM63 ribu (2017: RM3.37 juta) yang akan dimanfaatkan untuk agihan pada tempoh perakaunan berikutnya. Manakala, tinjauan dari sudut prestasi agihan berbanding bajet yang telah diluluskan tahun 2018 menyaksikan, secara keseluruhannya, sebanyak 96.35% atau RM153.04 juta daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM158.83 juta telah berjaya diagihkan kepada asnaf yang berhak sepanjang tahun 2018.

## PENGUPAYAAN MODAL INSAN

MAIPk kini semakin menghampiri fasa terakhir Pelan Strategik MAIPk 2016-2021 yang telah dibangunkan pada 27 September 2016. Bagi mengekalkan momentum pelaksanaannya, kelangsungan gerak kerja dan inisiatif tindakan yang telahpun dirintis sebelum ini akan terus dilestarikan malah sentiasa dipantau dan ditambah baik bagi memastikan matlamat yang disasarkan dapat direalisasikan dengan jayanya.

Menyedari hakikat akan peranan dan amanah besar yang telah dimandatkan kepada pihak Pengurusan MAIPk, maka, seluruh warga kerja beriltizam dengan penuh tekad dan keazaman agar sentiasa istiqamah dalam memupuk semangat kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi lagi berintegriti.

Berdasarkan kerangka pelaksanaan Pelan Strategik MAIPk 2016-2021, kaedah pengagihan zakat tidak lagi menumpukan kepada skim-skim bantuan secara konvensional berbentuk konsumtif semata-mata, yang tidak memfokuskan impak jangka panjang kepada kehidupan asnaf. Justeru, pelbagai program dan aktiviti yang lebih versatil lagi dinamik telah direkayasa dan dirancang mengikut kondisi dan keberdayaan individu asnaf masing-masing dengan matlamat untuk meningkatkan keupayaan mereka berdikari. Bagi asnaf yang berpotensi dan produktif untuk dibangunkan, mereka akan diambil bagi mengikuti Program-program Pemerkasaan Asnaf di bawah agihan zakat – fakir dan miskin. Bagaimanapun, skim-skim bantuan sedia ada yang memfokuskan kepada golongan yang tidak berdaya atau hilang keupayaan untuk mencari nafkah akibat keuzuran atau faktor lanjut usia masih diteruskan seperti biasa.

Asnaf fakir dan miskin masih merupakan pengagihan terbesar zakat dengan jumlah agihan mencecah RM96.29 juta, meningkat 12.37% atau RM10.6 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM85.69 juta. Manakala, pengagihan kedua terbesar pula, ialah asnaf fisabilillah dengan jumlah agihan RM32.82 juta, menurun -1.72% atau RM0.58 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM33.4 juta. Ketiga-tiga asnaf ini mewakili 81.87% daripada keseluruhan pengagihan zakat dalam tahun 2018.

Berteraskan prinsip keadilan, kesaksamaan dan inklusif serta nilai-nilai ihsan dan insaniyyah, setiap kes permohonan bantuan yang diterima atau dirujuk akan ditangani dan dipertimbangkan secara adil tanpa sebarang prejudis berlandaskan parameter hukum syarak tanpa mengira ras dan latar belakang. Bagi menepati prinsip inkulsif, Pengurusan MAIPk turut melaksanakan pelbagai ikhtiar memperluaskan saluran maklumat dan akses masyarakat bagi mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan. Pelbagai usaha turut dirintis bagi memastikan golongan yang benar-benar layak menerima bantuan tidak tercicir atau ketinggalan, antaranya mempergiatkan program dan aktiviti turun padang menjejaki dan mendekati asnaf sama ada menerusi Skuad Prihatin Asnaf mahupun program-program kemasyarakatan yang dirangka melibatkan penyertaan aktif pimpinan masyarakat setempat serta anak-anak kariah.

Strategi melonjakkan strata sosio-ekonomi asnaf di Program Pemerkasaan Asnaf dilaksanakan mengikut kluster keberhasilan yang telah ditentukan, iaitu, Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) dan Program Pemerkasaan Insan Asnaf.

Di bawah program PROPER A, peserta akan dilatih untuk menjadi usahawan berilmu, dinamik, mampu berdikari, berdaya tahan dan mampu bersaing dalam dunia keusahawanan. Antara program yang berjaya dilaksanakan dalam tahun 2018 adalah seperti berikut –

- Program Mentor Mentee
- Program Teknologi Francais
- Program Penjenamaan Produk
- Program Usahawan Mobile
- Program Usahawan Bimbingan MAIPk

Daripada 270 orang perserta terpilih mengikuti program ini pada tahun 2018, 223 orang (83%) telah berjaya memperolehi pendapatan melebihi had kifayah masing-masing.

Manakala, bagi asnaf yang lebih cenderung untuk berkerjaya, mereka diberi peluang menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran di bawah kluster Pemerkasaan Insan Asnaf. Program ini mensasarkan golongan belia dari kalangan asnaf yang mampu meningkatkan kompetensi dan daya saing masing-masing dalam pasaran pekerjaan setelah berjaya menamatkan latihan. Salah satu skim yang berjaya dilaksanakan ialah Skim Latihan Kemahiran Asnaf yang mula diwujudkan sejak 2012. Skim ini memberi ruang dan peluang kedua kepada golongan belia asnaf yang tercicir dari sudut akademik untuk menceburi bidang latihan dan kemahiran berimpak tinggi yang menjanjikan imbuhan lumayan selepas menamatkan latihan masing-masing. Antara kursus yang berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut –

- Kursus Pembuatan Pastri
- Kursus Kimpalan Arka 6G dan 6GR
- Kursus Automotif (Servis Pembaikan Kenderaan Ringan)
- Kursus Kulinari
- Kursus Pengendalian Jentera Berat (Mobile Crane & Excavator)
- Kursus Aircraft Manufacturing Technician (AMT)
- Lesen bas dan lori

Daripada 136 orang perserta terpilih yang berjaya menamatkan latihan pada tahun 2018, 129 orang (95%) telah berjaya mendapat pekerjaan dalam bidang pilihan masing-masing.

## MENDEPANI CABARAN

Firman Allah SWT (surah Al-Anbiya': 35): "Dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kami kamu semua akan dikembalikan".

Ekonomi negara kini terus diduga dengan cabaran dan rintangan getir dalam fasa transisi pemulihan. Namun, dengan asas yang kukuh, negara mampu membingkas bangun untuk kembali mencatatkan pertumbuhan yang stabil, malah bertambah baik dan mengukuh pada tahun berikutnya. Dugaan mendatang memberikan kekuatan kepada negara membentuk daya tahan yang mapan dan berdaya maju.

Bagi Pengurusan MAIPk pula, penerapan budaya kerja berprestasi tinggi yang menekankan aspek progresif, inovatif dan kreatif dalam pengurusan operasinya akan terus diamalkan agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, usaha meningkatkan penjanaan hasil baitulmal sama ada bersumberkan dana zakat, wakaf mahupun sumber am akan terus dirintis dan dilipatgandakan demi kemaslahatan ummah. Baitulmal yang terdiri daripada komponen zakat, wakaf dan sumber am akan kekal relevan dan menjadi sumber perbendaharaan utama dalam usaha mempertahankan survival ummah terutamanya menggiatkan pelbagai ikhtiar bagi merapatkan jurang ekonomi di kalangan masyarakat dengan penglibatan yang aktif lagi inklusif menangani insiden kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Muslim di negeri ini.

Mengorak langkah ke hadapan, Pengurusan MAIPk berkeyakinan tinggi bahawa, kelangsungan sokongan warga Muslim terhadap institusi baitulmal akan terus lestari dan mantap, malah, penjanaan sumbernya juga akan terus diperkasakan. Justeru, bersandarkan keyakinan dan tawakal kepada Rabbul Jalil, Pengurusan MAIPk berasa penuh yakin untuk mengharungi pelbagai cabaran – berdepan pelbagai rintangan serta optimis meletakkan sasaran yang lebih tinggi pada tahun hadapan.

**KALUNGAN PENGHARGAAN**

Junjungan setinggi-tinggi kasih dirafakkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan di atas kepercayaan dan keyakinan Baginda kepada seluruh warga Pengurusan MAIPk serta barisan Pengurusan Tertinggi MAIPk memikul mandat dan amanah mengurus tadbir baitulmal secara kolektif. Selain, berfungsi sebagai badan penguasa agama yang utama di Negeri Perak Darul Ridzuan, MAIPk turut berperanan sebagai wasilah rakyat khususnya di kalangan muslimin dan muslimat di negeri ini, yang akan terus komited mendukung aspirasi membangunkan ummah serta memartabatkan syiar Islam.

Pengurusan MAIPk juga amat menyedari, hakikat tugas dan tanggungjawab yang perlu digalas amatlah berat lagi mencabar. Namun, berbekalkan semangat kerja berpasukan, Pengurusan MAIPk berasa penuh yakin untuk menunaikan amanah sebagai tali penghubung yang menambatkan jurang kesejahteraan di antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang memerlukan sokongan dan bantuan. Betapa amanah yang terjunjung di atas batu jemala seluruh warga kerja Majlis akan dipikul sebaik mungkin dengan kesungguhan, tekad dan keazaman yang tinggi.

Rasa penghargaan juga turut disampaikan kepada barisan kepimpinan Anggota MAIPk atas sokongan, kepercayaan, bimbingan dan panduan serta menyumbangkan buah fikiran yang bernas dalam membantu pihak Pengurusan MAIPk mengekalkan prestasi dan kualtiti perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih disampaikan juga kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di atas sokongan yang berterusan kepada MAIPk. Tidak ketinggalan juga kepada badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang turut memberikan sokongan yang berterusan kepada MAIPk. Sesungguhnya, tanpa dokongan anda, MAIPk tidak mampu berdiri sebagai agensi pembela ummah seperti yang terzahir ketika ini.

Akhir sekali, dengan penuh rasa bangga, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja MAIPk atas sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memastikan kejayaan yang ditempa bagi tahun kewangan 2018 ini tercapai dengan begitu cemerlang. Tahniah dan syabas diucapkan.

**“Memperteguh Syariat, Melestari Adat”.**

**Shahrul Azam bin Shaari**
*Ketua Pegawai Eksekutif*
*Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak*

# ANALISA **PENGURUSAN 2018**

- KUTIPAN ZAKAT KESELURUHAN
- AGIHAN ASNAF KESELURUHAN
- BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT JENIS 2014 HINGGA 2018
- BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT DAERAH 2014 HINGGA 2018
- JUMLAH DAN BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT POTONGAN BERJADUAL 2014 HINGGA 2018
- AGIHAN ZAKAT MENGIKUT PROGRAM PEMBANGUNAN
- PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2018
- PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2018

# PRESTASI ZAKAT
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## KUTIPAN ZAKAT KESELURUHAN



# AGIHAN ASNAF KESELURUHAN



## DATA KUTIPAN ZAKAT KESELURUHAN TAHUN 2014 HINGGA 2018

| TAHUN | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | RM | RM | RM | RM | RM |
| ZAKAT FITRAH | 8,161,210 | 8,239,339 | 8,435,617 | 8,565,235 | 8,725,096 |
| ZAKAT HARTA | 66,829,151 | 75,699,491 | 83,866,583 | 96,890,585 | 108,894,778 |
| ZAKAT PERNIAGAAN | 38,135,189 | 47,472,293 | 51,655,199 | 58,167,340 | 50,565,390 |
| ZAKAT TANAMAN | 2,351,146 | 1,096,192 | 1,042,019 | 2,588,325 | 2,371,509 |
| KEUNTUNGAN BANK DAN PENDAPATAN LAIN | 4,563,909 | 3,797,807 | 6,185,551 | 4,585,544 | 5,682,259 |
| **JUMLAH KUTIPAN ZAKAT** | **120,040,605** | **136,305,122** | **151,184,969** | **170,797,029** | **176,239,032** |

## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT JENIS TAHUN 2014 HINGGA 2018

| BIL | JENIS ZAKAT | BILANGAN PEMBAYAR (ORANG) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1 | FITRAH | 1,165,887 | 1,177,048 | 1,199,628 | 1,223,605 | 1,246,442 |
| 2 | EMAS DAN PERAK | 651 | 692 | 803 | 811 | 786 |
| 3 | HARTA | 11,112 | 11,376 | 13,452 | 17,040 | 13,293 |
| 4 | RIKAZ | 2 | 0 | 2 | 0 | 0 |
| 5 | KWSP/LTAT | 1,892 | 1,802 | 2,259 | 2,226 | 2,273 |
| 6 | PELABURAN | 162 | 136 | 155 | 169 | 170 |
| 7 | PENDAPATAN | 10,152 | 10,280 | 12,006 | 12,350 | 12,540 |
| 8 | EPZB | 17,513 | 19,189 | 22,134 | 26,659 | 28,159 |
| 9 | PERNIAGAAN | 2,027 | 2,170 | 2,674 | 2,847 | 3,151 |
| 10 | PERTANIAN | 2,478 | 2,382 | 2,300 | 2,251 | 2,154 |
| 11 | SIMPANAN | 15,228 | 15,805 | 16,868 | 17,026 | 17,256 |
| 12 | TERNAKAN | 48 | 44 | 62 | 62 | 58 |
| | **JUMLAH** | **1,227,152** | **1,240,924** | **1,272,343** | **1,305,046** | **1,326,282** |

## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT DAERAH TAHUN 2014 HINGGA 2018

| BIL | DAERAH | BILANGAN PEMBAYAR | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1 | Ibu Pejabat | 34,915 | 37,081 | 42,821 | 50,910 | 47,952 |
| 2 | Batu Gajah | 1,227 | 1,558 | 1,309 | 1,407 | 1,429 |
| 3 | Bagan Serai | 1,592 | 1,414 | 1,693 | 1,651 | 1,654 |
| 4 | Gerik | 763 | 625 | 734 | 743 | 933 |
| 5 | Kampung Gajah | 1,092 | 861 | 1,108 | 1,160 | 1,149 |
| 6 | Kuala Kangsar | 2,324 | 2,208 | 2,459 | 2,654 | 2,633 |
| 7 | Kampar | 650 | 706 | 855 | 813 | 859 |
| 8 | Lenggong | 339 | 290 | 369 | 375 | 443 |
| 9 | Manjung | 3,191 | 3,220 | 3,867 | 3,847 | 3,907 |
| 10 | Parit Buntar | 1,828 | 1,918 | 1,875 | 1,839 | 1,988 |
| 11 | Pengkalan Hulu | 201 | 204 | 234 | 233 | 276 |
| 12 | Selama | 476 | 421 | 458 | 609 | 615 |
| 13 | Seri Iskandar | 1,610 | 1,699 | 1,894 | 1,892 | 1,952 |
| 14 | Muallim | 892 | 929 | 995 | 1,124 | 1,202 |
| 15 | Taiping | 3,671 | 3,809 | 4,137 | 4,094 | 4,440 |
| 16 | Teluk Intan | 2,809 | 2,731 | 3,213 | 3,345 | 3,318 |
| 17 | Tapah | 1,534 | 1,581 | 1,566 | 1,545 | 1,613 |
| 18 | UTC | 2,151 | 2,621 | 3,128 | 3,200 | 3,424 |
| 19 | BAGAN DATUK | - | - | - | - | 53 |
| | **JUMLAH** | **61,265** | **63,876** | **72,715** | **81,441** | **79,840** |

## JUMLAH DAN BILANGAN PEMBAYAR MELALUI POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (EPZB) TAHUN 2014 HINGGA 2018

| TAHUN | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| **JUMLAH (RM)** | 23,126,225.34 | 27,432,815.27 | 30,058,050.94 | 36,146,408.94 | 46,299,399.17 |
| **BILANGAN (ORANG)** | 17,513 | 19,189 | 22,134 | 26,659 | 28,159 |

## AGIHAN ZAKAT MENGIKUT PROGRAM PEMBANGUNAN



## PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2018

| BIL | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | SEWAAN HARTANAH | 2,301,652 |
| 2 | BAITULMAL AM | 795,679 |
| 3 | KEUNTUNGAN PELABURAN | 13,264,153 |
| 4 | HASIL FARAID | 196,279 |
| 5 | PELBAGAI PENDAPATAN | 1,699,880 |
| 6 | PENDAPATAN TERTUNDA | 181,025 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **18,438,668** |

| TAHUN | PENDAPATAN |
|---|---|
| 2014 | 9,851,167 |
| 2015 | 15,228,614 |
| 2016 | 13,266,290 |
| 2017 | 14,745,823 |
| 2018 | 18,438,668 |



## PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2018

| BIL | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | EMOLUMEN | 3,059,608 |
| 2 | BEKALAN DAN PERKHIDMATAN | 4,518,214 |
| 3 | PEMBANGUNAN UMMAH | 165,675 |
| 4 | PERBELANJAAN LAIN | 538,314 |
| 5 | SUSUT NILAI | 132,552 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **8,414,363** |

| TAHUN | PENDAPATAN |
|---|---|
| 2014 | 7,031,758 |
| 2015 | 9,027,281 |
| 2016 | 8,878,679 |
| 2017 | 10,386,724 |
| 2018 | 8,414,363 |



# LAPORAN KEWANGAN

- LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
- PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018
- PENYATA PRESTASI KEWANGAN ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
- PENYATA PRESTASI KEWANGAN SUMBER AM BAITULMAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
- PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
- PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
- NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih serta Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Tanpa Teguran.

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

***Emphasis of Matter***

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

**Hartanah Pelaburan**

- MAIPk telah merekodkan nilai bawaan yang berjumlah RM563,822 bagi 29 premis Baitulmal yang bertujuan untuk sewaan sebagai Hartanah Pelaburan. Nilai pasaran premis tersebut sebenarnya adalah RM17,470,022.

- MAIPk melalui Nota 2(h) telah menyatakan bahawa Hartanah Pelaburan tidak termasuk hartanah yang disewakan untuk tujuan sosial. Bagaimanapun, MAIPk dalam proses mengenal pasti tanah dan bangunan yang disewakan untuk tujuan perkhidmatan sosial menyebabkan bangunan dan tanah yang disewakan tidak diiktiraf sebagai Hartanah, Loji Dan Peralatan.

- Selaras dengan MPSAS 33 - Pembentangan Penyata Kewangan, pendedahan dalam nota hendaklah dilakukan apabila terdapat kebarangkalian ketidakpastian anggaran yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material dalam tahun kewangan akan datang. MAIPk perlu memastikan pengklasifikasian dan penilaian diselesaikan sebelum tempoh pelepasan peralihan 3 tahun yang dibenarkan di bawah MPSAS 33 berakhir, iaitu pada tahun 2020.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Majlis Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama Ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

a. Majlis perlu mempertingkatkan kawalan kualiti dan membuat semakan dengan lebih teliti terhadap penyata kewangan yang akan dikemukakan untuk diaudit terutamanya mengenai pengesahan baki akaun, sijil pelaburan, pemiutang dan penghutang yang telah dibenarkan untuk dipinda sewajarnya.

b. Laporan ini disediakan untuk Anggota Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HUSAIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
23 OGOS 2019

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Kami, **Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin** dan **Toh Seri Lela Paduka Dr. Khalid bin Ismail**, yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,

| | |
|---|---|
| ............................................ | ............................................ |
| **TOH SERI LELA PADUKA DR. KHALID BIN ISMAIL** | **TAN SRI DATO' SERI DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN** |
| Anggota | Yang Dipertua |
| Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak | Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak |
| Tarikh: 21 AUG 2019 | Tarikh: 21 AUG 2019 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Saya, **Mohd Haidi bin Sulaiman**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama )
di atas, **Mohd Haidi bin Sulaiman, No. Kad** )
**Pengenalan 680720-08-5519**, di **Ipoh, Perak Darul** )
**Ridzuan**, ) ..........................................................

pada 21 AUG 2019

Dihadapan saya;

PESURUHJAYA SUMPAH
A223
MOHD FIRDAUS
BIN ABDULLAH
01 JAN 2019 ~
31 DIS 2021
MALAYSIA

E-G-1, Greentown Square,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 012-5186386

..........................................................

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2018 | Dinyatakan semula 2017 | 2018 | Dinyatakan semula 2017 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3 | 117,796,115 | 119,025,570 | 4,691,888 | 3,891,981 |
| Hartanah pelaburan | 4 | 70,836,264 | 68,401,831 | 70,836,264 | 68,401,831 |
| Aset tak ketara | 5 | 9,540,125 | 765,385 | 546,125 | 765,385 |
| Aset dalam kemajuan | 6 | 5,029,312 | 5,212,036 | 4,458,555 | 4,720,580 |
| Perbelanjaan kemajuan tanaman | 7 | 29,607,044 | 34,949,841 | - | - |
| Pelaburan dalam subsidiari | 8 | - | - | 20,000,000 | 20,000,000 |
| Pelaburan saham | 9 | 39,466,871 | 11,510,531 | 1,208,720 | 1,573,520 |
| Pelaburan sekuriti lain | 10 | 13,257,185 | 12,992,843 | 13,257,185 | 12,992,843 |
| Pembayaran balik cukai | | - | - | - | - |
| Aset cukai tertunda | | 1,359,759 | 1,172,170 | - | - |
| **Jumlah aset bukan semasa** | | 286,892,675 | 254,030,207 | 114,998,737 | 112,346,140 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Inventori | 11 | 4,274,141 | 5,968,322 | - | - |
| Penghutang | 12 | 4,037,247 | 4,956,934 | 1,226,027 | 1,091,962 |
| Pelbagai penghutang | 13 | 23,767,545 | 15,854,144 | 767,963 | 1,321,614 |
| Deposit dengan institusi kewangan berlesen | 14 | 158,471,921 | 184,033,299 | 158,450,000 | 151,400,000 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 15 | 15,687,200 | 16,449,070 | 11,612,087 | 10,536,809 |
| **Jumlah aset semasa** | | 206,238,054 | 227,261,769 | 172,056,077 | 164,350,385 |
| **JUMLAH ASET** | | 493,130,729 | 481,291,976 | 287,054,814 | 276,696,525 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2018 | Dinyatakan semula 2017 | 2018 | Dinyatakan semula 2017 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| **DANA DAN LIABILITI** | | | | | |
| **DANA** | | | | | |
| Kumpulan wang baitulmal | 16 | 228,531,417 | 219,899,136 | 199,473,702 | 195,440,229 |
| Rizab lain | 17 | 214,291,541 | 212,573,007 | 52,953,301 | 51,193,797 |
| **Jumlah dana** | | 442,822,958 | 432,472,143 | 252,427,003 | 246,634,026 |
| **LIABILITI** | | | | | |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Pinjaman jangka panjang | 18 | 15,011,456 | 16,621,606 | 15,011,456 | 16,621,606 |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Pinjaman jangka pendek | 18 | 1,610,149 | 1,565,576 | 1,610,149 | 1,565,576 |
| Pemiutang | 19 | 19,261,150 | 14,336,207 | 17,422,397 | 11,495,307 |
| Pelbagai pemiutang | 20 | 14,425,016 | 16,296,444 | 583,809 | 380,010 |
| **Jumlah liabiliti semasa** | | 35,296,315 | 32,198,227 | 19,616,355 | 13,440,893 |
| **JUMLAH DANA DAN LIABILITI** | | 493,130,729 | 481,291,976 | 287,054,814 | 276,696,525 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN ZAKAT
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018<br>RM | Dinyatakan semula<br>2017<br>RM |
|---|---|---|---|
| **KUTIPAN ZAKAT** | | | |
| Zakat Fitrah | | 8,725,096 | 8,565,235 |
| Zakat Harta | | 108,894,778 | 96,890,585 |
| Zakat Perniagaan | | 50,565,390 | 58,167,340 |
| Zakat Tanaman | | 2,371,509 | 2,588,325 |
| Keuntungan bank dan pendapatan lain | | 5,682,259 | 4,585,544 |
| **Jumlah kutipan zakat kasar** | | 176,239,032 | 170,797,029 |
| Tolak: Pengagihan zakat secara wakalah | 21 | (18,470,908) | (18,012,287) |
| **Jumlah kutipan zakat bersih** | | 157,768,124 | 152,784,742 |
| Tolak: | | | |
| **AGIHAN ASNAF** | | | |
| Amil | 22 | 19,805,764 | 21,649,862 |
| Fakir dan Miskin | | 96,288,171 | 85,687,793 |
| Muallaf | | 7,354,231 | 6,779,350 |
| Ghorimin | | 1,017,296 | 1,230,517 |
| Ibnu Sabil | | 417,226 | 664,631 |
| Fisabilillah | 23 | 32,822,321 | 33,397,703 |
| **Jumlah agihan zakat** | | 157,705,009 | 149,409,856 |
| **Lebihan dana zakat bagi tahun** | | 63,115 | 3,374,886 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN SUMBER AM BAITULMAL
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2018 | Dinyatakan semula 2017 | 2018 | Dinyatakan semula 2017 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Pendapatan | 24 | 43,851,290 | 58,165,644 | 16,557,763 | 13,677,257 |
| Kos operasi | | (24,506,753) | (27,422,401) | - | - |
| **Lebihan pendapatan kasar** | | 19,344,537 | 30,743,243 | 16,557,763 | 13,677,257 |
| Keuntungan/(Kerugian) daripada perubahan nilai semasa tolak kos buah tandan segar pada pokok untuk dijual | | 186,586 | (154,098) | - | - |
| Nilai semasa tolak kos buah tandan segar untuk dijual pada tuaian | | (1,632,434) | (3,241,501) | - | - |
| Pendapatan-pendapatan lain | 25 | 13,450,220 | 6,199,125 | 1,880,905 | 1,068,566 |
| Perbelanjaan pentadbiran | 26 | (19,916,396) | (20,622,674) | (8,414,363) | (10,386,553) |
| **Lebihan pendapatan sebelum cukai dan zakat** | | 11,432,513 | 12,924,095 | 10,024,305 | 4,359,270 |
| Cukai | | 3,190,600 | (85,739) | - | - |
| Zakat | | - | (78,000) | - | - |
| **Lebihan pendapatan bagi tahun** | | 14,623,113 | 12,760,356 | 10,024,305 | 4,359,270 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**KUMPULAN**

| | Boleh diagih | | | | Tidak boleh diagih | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dana Zakat RM | Dana Wakaf RM | Dana Amanah RM | Dana Sumber Am (Kumpulan) RM | *Rizab Lain RM | Jumlah RM |
| Pada 1 Januari 2017 | 116,190,497 | 6,007,774 | 28,348,058 | 46,622,001 | 212,977,655 | 410,145,985 |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan | 3,374,886 | 3,582,296 | (2,126,524) | 12,760,356 | - | 17,591,014 |
| Penambahan | - | - | - | - | 50,000 | 50,000 |
| Pelunasan | - | - | - | - | (184,323) | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | - | (270,325) | (270,325) |
| Pelarasan tahun lalu | 7,335,375 | (1,147,500) | - | (1,048,083) | - | 5,139,792 |
| Pada 31 Disember 2017 | 126,900,758 | 8,442,570 | 26,221,534 | 58,334,274 | 212,573,007 | 432,472,143 |
| | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 126,900,758 | 8,442,570 | 26,221,534 | 58,334,274 | 212,573,007 | 432,472,143 |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan | 63,115 | (1,023,203) | (5,030,744) | 14,623,113 | - | 8,632,281 |
| Penambahan | - | - | - | - | 2,712,609 | 2,712,609 |
| Penggabungan perniagaan bukan keuntungan ekuiti | - | - | - | - | (40,970) | (40,970) |
| Hapus kira | - | - | - | - | (6,598) | (6,598) |
| Pelunasan | - | - | - | - | (181,025) | (181,025) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | - | (765,482) | (765,482) |
| Pelarasan tahun lalu | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2018 | 126,963,873 | 7,419,367 | 21,190,790 | 72,957,387 | 214,291,541 | 442,822,958 |

***Rizab lain terdiri daripada:**

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Sumbangan kerajaan | 1,929,686 | 2,117,308 |
| Tabung pembiayaan kakitangan | 350,000 | 350,000 |
| Rizab modal | 212,011,855 | 210,105,699 |
| | 214,291,541 | 212,573,007 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH (SAMBUNGAN)
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**MAJLIS**

| | Boleh diagih | | | | Tidak boleh diagih | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dana Zakat RM | Dana Wakaf RM | Dana Amanah RM | Dana Sumber Am (Majlis) RM | *Rizab Lain RM | Jumlah RM |
| Pada 1 Januari 2017 | 116,190,497 | 6,007,774 | 28,348,058 | 28,564,180 | 51,589,949 | 230,700,458 |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan | 3,374,886 | 3,582,296 | (2,126,524) | 4,359,270 | - | 9,189,928 |
| Penambahan | - | - | - | - | 50,000 | 50,000 |
| Pelunasan | - | - | - | - | (184,323) | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | - | (261,829) | (261,829) |
| Pelarasan tahun lalu | 7,335,375 | (1,147,500) | - | 951,917 | - | 7,139,792 |
| Pada 31 Disember 2017 | 126,900,758 | 8,442,570 | 26,221,534 | 33,875,367 | 51,193,797 | 246,634,026 |
| | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 126,900,758 | 8,442,570 | 26,221,534 | 33,875,367 | 51,193,797 | 246,634,026 |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan | 63,115 | (1,023,203) | (5,030,744) | 10,024,305 | - | 4,033,473 |
| Penambahan | - | - | - | - | 2,712,609 | 2,712,609 |
| Hapus kira | - | - | - | - | (6,598) | (6,598) |
| Pelunasan | - | - | - | - | (181,025) | (181,025) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | - | (765,482) | (765,482) |
| Pelarasan tahun lalu | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2018 | 126,963,873 | 7,419,367 | 21,190,790 | 43,899,672 | 52,953,301 | 252,427,003 |

***Rizab lain terdiri daripada:**

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Sumbangan kerajaan | 1,929,686 | 2,117,308 |
| Tabung pembiayaan kakitangan | 350,000 | 350,000 |
| Rizab modal | 50,673,615 | 48,726,489 |
| | 52,953,301 | 51,193,797 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | Dinyatakan semula 2017 | 2018 | Dinyatakan semula 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan sebelum cukai | | | | |
| • Zakat | 63,115 | 3,374,886 | 63,115 | 3,374,886 |
| • Wakaf | (1,023,203) | 3,582,296 | (1,023,203) | 3,582,296 |
| • Sumber am | 18,182,513 | 15,809,782 | 10,024,305 | 4,359,270 |
| • Amanah | (5,030,744) | (2,126,524) | (5,030,744) | (2,126,524) |
| | 12,191,681 | 20,640,440 | 4,033,473 | 9,189,928 |
| Pelarasan untuk: | | | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | 5,161,461 | 5,102,312 | 847,928 | 1,098,820 |
| Hapus kira hartanah, loji dan peralatan | 87,825 | 42,475 | 8,902 | 42,475 |
| Pelarasan tahun lalu | - | 7,139,791 | - | 7,139,791 |
| Pelunasan ke atas sumbangan kerajaan | (181,025) | (184,323) | (181,025) | (184,323) |
| Bayaran keuntungan atas pembiayaan kerajaan | 742,002 | 784,976 | 742,002 | 784,976 |
| Keuntungan atas pelaburan saham, sekuriti lain dan penempatan deposit dengan institusi kewangan berlesen | (20,141,044) | (10,036,198) | (18,815,929) | (7,334,562) |
| Perubahan nilai saksama buah tandan segar | 1,632,435 | 3,241,501 | - | - |
| Jumlah terhutang kepada pengarah dilepaskan | (601,020) | - | - | - |
| Hibah bank | (414,562) | (298,930) | (187,567) | (266,476) |
| (Kerugian)/ Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | (9,650) | (465,195) | - | (619,441) |
| Pelunasan perbelanjaan kemajuan tanaman | 12,347,487 | - | - | - |
| Peruntukan hutang ragu | - | 380,632 | - | 380,632 |
| **Lebihan/ (Kurangan) pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja** | 10,815,590 | 26,347,481 | (13,552,216) | 10,231,820 |
| Perubahan modal kerja: | | | | |
| Perubahan dalam inventori | 61,746 | (24,532) | - | - |
| Perubahan dalam penghutang | 919,687 | (398,308) | (134,065) | 4,669 |
| Perubahan dalam pelbagai penghutang | (7,821,836) | (3,077,568) | 553,651 | 508,576 |
| Perubahan dalam pemiutang | 4,924,943 | 982,985 | 5,927,090 | (267,760) |
| Perubahan dalam pelbagai pemiutang | (1,871,428) | (5,133,673) | 203,799 | (2,433,108) |
| | (3,786,888) | (7,651,096) | 6,550,475 | (2,187,623) |
| Bayaran balik cukai /(Cukai dibayar) | 3,411,166 | (2,803,248) | - | - |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN (SAMBUNGAN)
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | Dinyatakan semula 2017 | 2018 | Dinyatakan semula 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN** | | | | |
| Perolehan hartanah, loji dan peralatan | (2,718,284) | (3,925,696) | (345,869) | (2,240,449) |
| Perolehan hartanah pelaburan | (487,306) | (161,319) | (487,306) | (161,319) |
| Perolehan aset tak ketara | (8,994,000) | - | - | - |
| Perolehan aset dalam kemajuan | (829,583) | (4,521,873) | (829,583) | (4,521,873) |
| Terimaan pelupusan hartanah, loji dan peralatan | - | 514,441 | - | 514,441 |
| (Penempatan)/ Penebusan pelaburan | (26,996,025) | 18,193,174 | - | - |
| Penambahan pelaburan sekuriti lain | (264,342) | - | (264,342) | - |
| Terimaan daripada pelaburan saham, sekuriti lain dan penempatan deposit dengan institusi kewangan berlesen | 12,430,729 | 16,972,373 | 12,430,729 | 16,972,373 |
| Terimaan dividen daripada subsidiari | - | - | 6,750,000 | 2,885,687 |
| Hibah bank | 414,562 | 1,181,879 | 187,567 | 266,476 |
| **Tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti-aktiviti pelaburan** | (27,444,249) | 26,252,979 | 17,441,196 | 13,715,336 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | |
| Pengurangan dana sumbangan kerajaan | (6,598) | - | (6,598) | - |
| Penambahan dana pusingan Tabung Pembiayaan Kakitangan | - | 50,000 | - | 50,000 |
| Bayaran balik pembiayaan jangka panjang | (2,307,579) | (2,307,579) | (2,307,579) | (2,307,579) |
| Bayaran balik pembiayaan oleh subsidiari | - | - | - | (3,141,600) |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan** | (2,314,177) | (2,257,579) | (2,314,177) | (5,399,179) |
| (Penurunan)/ Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (26,323,248) | 32,094,022 | 8,125,278 | 16,360,354 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari | 200,482,369 | 168,388,347 | 161,936,809 | 145,576,455 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | 174,159,121 | 200,482,369 | 170,062,087 | 161,936,809 |

Tunai dan kesetaraan tunai yang termasuk di dalam penyata aliran tunai mengandungi amaun-amaun Penyata Kedudukan Kewangan seperti berikut –

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 15,687,200 | 16,449,070 | 11,612,087 | 10,536,809 |
| Deposit dengan institusi kewangan berlesen | 158,471,921 | 184,033,299 | 158,450,000 | 151,400,000 |
| | 174,159,121 | 200,482,369 | 170,062,087 | 161,936,809 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') merupakan sebuah badan berkanun kerajaan yang bertanggungjawab dalam menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Manakala, aktiviti utama syarikat subsidiari dihuraikan dalam Nota 8 kepada penyata-penyata kewangan ini.

Majlis dan syarikat subsidiarinya disebut sebagai 'Kumpulan'.Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam jenis-jenis aktiviti semasa Kumpulan dalam tahun kewangan ini.

Majlis diperbadankan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, berdomisil di Malaysia dan berfungsi sebagai pihak berkuasa utama selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, dalam semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan.

Ibu Pejabat Majlis terletak di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Malaysia.

Penyata-penyata kewangan ini telah diluluskan pada 21 Ogos 2019.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan seperti berikut telah digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata-penyata kewangan Majlis.

**a. Asas penyediaan**

i. Penyata-penyata kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersurat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan bagi organisasi dan jabatan kerajaan, setakat yang diterima pakai, serta Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards*) atau ringkasnya MPSAS. Bagaimanapun, dalam menyediakan penyata-penyata kewangannya, Majlis akan hanya mematuhi MPSAS setakat yang, pada pendapat Majlis, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat, fungsi dan ciri-ciri khusus yang ada pada pengurusan dan pentadbiran Majlis. Dengan mengambil kira peranan dan tanggungjawab sebagai pihak berkuasa agama yang utama di Negeri Perak Darul Ridzuan, Majlis berpendapat, penyediaan penyata-penyata kewangannya wajar berbeza daripada MPSAS dalam beberapa aspek.

ii. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama mengiktiraf dan/atau mengukur aset-aset dan/atau liabiliti-liabiliti dalam tempoh peralihan satu hingga tiga tahun. Semasa tempoh peralihan, Majlis telah mengambil peluang menggunakan pengecualian di bawah piawaian tersebut yang memberikan *relief* kepada Majlis untuk mengekalkan dasar-dasar perakaunan sedia ada sehingga tempoh peralihan berakhir.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

iii. Penyediaan penyata-penyata kewangan yang dinyatakan pada para 2.a.i. di atas, menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada, yang berkemungkinan memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta amaun pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun, pertimbangan dan andaian tersebut dibuat berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar yang dicapai mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak jika, semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut. Jika, semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa akan datang, pengiktirafan akan dibuat dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan.

Sekiranya, pertimbangan yang dibuat memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata-penyata kewangan, ia akan didedahkan dalam Nota-nota kepada Penyata-penyata Kewangan.

iv. Penyata-penyata kewangan syarikat subsidiari telah disediakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 2016 dan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* atau ringkasnya MFRS).

v. Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan peringkat Kumpulan, akaun-akaun syarikat subsidiari disatukan dengan Majlis di bawah dana sumber am.

vi. Angka-angka perbandingan di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Majlis bagi tahun sebelumnya diklasifikasi semula, mengikut mana yang berkenaan, supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

### b. Penyata pematuhan

Majlis telah memilih untuk menyediakan penyata-penyata kewangan berdasarkan pematuhan MPSAS secara efektif mulai 1 Januari 2018. Penyata-penyata kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 ini merupakan penyata-penyata kewangan pertama disediakan di bawah polisi-polisi perakaunan yang mematuhi MPSAS.

Semua perubahan dalam dasar-dasar Perakaunan Majlis telah dibuat mengikut peruntukan peralihan dalam piawaian dan interpretasi yang berkaitan, mengikut mana yang bersesuaian. Semua piawaian dan interpretasi yang diguna pakai Majlis memerlukan aplikasi retrospektif selain daripada relief peralihan yang dibenarkan serta ketetapan mengenai pemakaian MPSAS sepenuhnya seperti dinyatakan pada para 2.c. berikut.

Ringkasan kesan pemakaian piawaian dan interpretasi baharu tersebut serta kesannya terhadap penyata-penyata kewangan Majlis dinyatakan pada Nota 31 kepada Penyata-penyata Kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### c. Piawaian yang telah berkuat kuasa tetapi belum/ tidak diguna pakai

Berikut dinyatakan piawaian-piawaian perakaunan MPSAS yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara tetapi masih belum/ tidak diguna pakai oleh Majlis –

i. MPSAS 4 : *The Effect of Changes in Foreign Exchange Rates*,
ii. MPSAS 5 : *Borrowing Costs*,
iii. MPSAS 11: *Construction Contracts*,
iv. MPSAS 12: Inventori,
v. MPSAS 13: *Leases*,
vi. MPSAS 19: Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka,
vii. MPSAS 20: *Related Party Disclosure*,
viii. MPSAS 22: *Disclosure of Financial Information about the General Government Sector*,
ix. MPSAS 24: Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan,
x. MPSAS 25: *Employee Benefits*,
xi. MPSAS 27: *Agriculture*,
xii. MPSAS 28: *Financial Instruments: Presentation*,
xiii. MPSAS 29: *Financial Instruments: Recognition and Measurement*,
xiv. MPSAS 30: *Financial Instruments: Disclosure*,
xv. MPSAS 32: *Service Concession Arrangements: Grantor*,
xvi. MPSAS 36: *Investments in Associates*,
xvii. MPSAS 37: *Joint Arrangements*, dan
xviii. MPSAS 38: *Disclosure of Interest in Other Entities*,

### d. Asas pengukuran dan perakaunan

Penyata-penyata kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, melainkan dinyatakan sebaliknya.

### e. Mata wang fungsian dan persembahan

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Majlis. Kesemua maklumat kewangan dipersembahkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada digit terhampir, melainkan dinyatakan sebaliknya.

### f Asas penyatuan

#### i. Syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus untuk memperoleh faedah daripada semua aktivitinya. Secara umum, pegangan saham ke atas syarikat subsidiari diiringi lebih daripada separuh hak mengundi. Penyatuan syarikat subsidiari dibuat sepenuhnya pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada kumpulan sehingga tarikh di mana kawalan ke atas syarikat subsidiari itu berhenti.

**f Asas penyatuan (sambungan)**

**i. Syarikat subsidiari (sambungan)**

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dikira pada kos setelah ditolak kerugian penjejasan terkumpul.

Dasar-dasar perakaunan syarikat subsidiari akan dipinda mengikut keperluan bagi memastikan ia konsisten dengan dasar-dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

**ii. Kehilangan kawalan**

Apabila kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari itu berhenti, Kumpulan akan mengiktiraf perbezaan antara perolehan ke atas pelupusan subsidiari dengan amaun bawaan pada tarikh pelupusan. Jika, Kumpulan masih memegang kepentingan ke atas bekas subsidiari itu, pelaburan tersebut dikira sebagai aset kewangan bermula daripada tarikh entiti berhenti daripada menjadi subsidiari, melainkan ia menjadi syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama. Amaun bawaan pelaburan pada tarikh entiti berhenti menjadi subsidiari dianggap sebagai kos pada permulaan pengiraan aset kewangan.

**iii. Penyingkiran urusniaga semasa penyatuan**

Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan disatukan, semua urusniaga antara syarikat, baki-baki dan keuntungan tidak direalisasi serta urusniaga antara Majlis dan syarikat subsidiari, yang merupakan pihak saling berkaitan, disingkirkan sepenuhnya. Kerugian dalam Kumpulan juga disingkirkan tetapi berkemungkinan menunjukkan suatu penjejasan yang memerlukan pengiktirafan di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan.

**g. Hartanah, loji dan peralatan**

**i. Pengiktirafan dan pengiraan**

Pada permulaan, item-item hartanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, item-item hartanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos atau nilai saksama sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan serta kos dan nilai saksama aset tersebut dapat dinilai dengan munasabah. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan aset serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya, termasuk kos menanggal dan memindahkan item serta membaik pulih tapak di mana item itu berada. Kos aset dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan upahan langsung. Selepas itu, item-item hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau nilai saksama setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### g. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

#### i. Pengiktirafan dan pengiraan (sambungan)

Item bernilai kurang daripada RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) yang tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual, atau mana-mana item di bawah kategori perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk, tanpa mengira kos perolehan asal, tidak diiktiraf sebagai aset. Kos bagi item yang tidak diiktiraf sebagai aset akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia diperoleh.

Perbelanjaan perolehan perisian komputer yang melengkapkan kefungsian peralatan komputer berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian asasi daripada peralatan berkenaan.

Apabila terdapat bahagian penting daripada hartanah, loji dan peralatan yang mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia akan dikira sebagai item berasingan (komponen utama) di bawah hartanah, loji dan peralatan.

Untung atau rugi atas pelupusan mana-mana item hartanah, loji dan peralatan dikenal pasti dengan membandingkan terimaan daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih masing-masing di dalam "pelbagai pendapatan" atau "perbelanjaan lain" di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos atau nilai saksama sesuatu tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan diiktiraf sebagai aset, jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan tanah tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos atau nilai saksama tanah tersebut dapat dinilai dengan munasabah.

Penilaian semula tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan hanya dibuat oleh Majlis apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Bagi Majlis, harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, atau, oleh penilai-penilai bebas yang memegang kelayakan profesional yang diiktiraf, dan juga menerusi pengalaman terkini pihak pengurusan terhadap lokasi serta kategori tanah yang dinilai. Tanah pegangan warta tidak diiktiraf kerana hak milik yang tidak sempurna.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana item hartanah, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset. Nilai perolehan hartanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan, terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, yang memerlukannya diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### g. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

#### ii. Kos berikutan

Kos penggantian sesuatu komponen bagi sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam amaun bawaan item berkenaan jika sekiranya terdapat kemungkinan bahawa, komponen yang diganti itu dijangka memberikan peningkatan manfaat ekonomi pada masa hadapan yang akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos tersebut dapat dinilai dengan munasabah. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti itu akan dinyahiktiraf kepada untung atau rugi di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan harian yang lain dicajkan kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ia berlaku.

#### iii. Susut nilai

Susut nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat penggunaan bagi setiap komponen bagi sesuatu item hartanah, loji dan peralatan bermula daripada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Kumpulan tidak menyusutnilaikan tanah pegangan kekal kerana tiada batasan hayat kegunaan, manakala, tanah pegangan pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal. Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kadar tahunan seperti berikut:

#### iii. Susut nilai

| | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Bangunan-bangunan kekal | 2% - 2.5% |
| Bangunan-bangunan sementara | 10% |
| Kenderaan | 20% |
| Loji dan peralatan | 10% |
| Perkakas dan alatan pejabat | 10% - 25% |

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bahawa, terdapat perubahan yang ketara pada kadar susut nilai, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset, maka, susut nilai bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

### h. Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah dan/atau bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewaan atau pajakan jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki oleh Kumpulan. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut memberikan pulangan sewaan atau pajakan jangka panjang.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### h. Hartanah pelaburan (sambungan)

Pada permulaan, hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan hartanah pelaburan tersebut. Kos hartanah pelaburan yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan upahan langsung serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa hartanah pelaburan itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya. Selepas itu, hartanah pelaburan diukur pada nilai wajar, dengan setiap perubahan di dalamnya akan diiktiraf di dalam untung atau rugi bagi tempoh ia ditimbulkan. Sekiranya, pengukuran nilai wajar yang boleh dipercayai tidak dapat diperolehi tanpa melibatkan kos dan usaha yang tidak berpatutan, item berkenaan diklasifikasi sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diukur pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan apa-apa penjejasan terkumpul, sehingga pengukuran yang boleh dipercayai dapat diadakan. Pada tarikh tersebut, amaun bawaan hartanah pelaburan berkenaan menjadi kos kepadanya. Untung atau rugi nilai wajar yang timbul daripada pengkelasan semula hartanah, loji dan peralatan kepada hartanah pelaburan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Sesuatu hartanah pelaburan dinyahiktiraf apabila ia dilupuskan, atau ia tidak digunakan langsung dan dijangkakan tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan akan diiktiraf pada Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia dinyahiktiraf.

### i. Aset dalam kemajuan

Aset dalam kemajuan dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan terkumpul, sekiranya wujud, dan tidak disusutnilaikan. Kos termasuklah perbelanjaan langsung kerja-kerja pembinaan dan pembangunan aset-aset ketara dan tak ketara termasuklah kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset-aset tersebut kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya. Aset dalam kemajuan dipindahkan kepada hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan atau aset tak ketara, mengikut mana yang bersesuaian, setelah Majlis menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan yang membuktikan ia telah sedia untuk digunakan.

### j. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan, bahawa, manfaat ekonomi masa hadapan dan/atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos atau nilai saksama aset tersebut boleh diukur dengan munasabah. Pada permulaan, aset tak ketara yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, aset tak ketara yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, sekiranya ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dibangunkan secara dalaman diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia ditimbulkan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### j. Aset Tak Ketara (sambungan)

Aset tak ketara dinilai sama ada tempoh hayat boleh gunanya terbatas ataupun tidak. Aset tak ketara dengan hayat tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi perlu diuji untuk rosot nilai sekiranya terdapat sebarang petunjuk. Penilaian hayat tidak terbatas disemak semula setiap tahun bagi menentukan sama ada hayat tidak terbatas itu boleh dikekalkan ataupun tidak. Jika tidak, perubahan dalam hayat boleh guna daripada tidak terbatas kepada terbatas dilaksanakan secara prospektif.

Aset tak ketara dengan tempoh hayat yang terbatas dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan hayat boleh gunanya dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat sebarang petunjuk. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di bawah kategori perbelanjaan yang konsisten dengan fungsi aset tak ketara.

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bahawa, terdapat perubahan yang ketara pada kadar pelunasan, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset tak ketara, maka, pelunasan bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tak ketara ditentukan dengan mengukur perbezaan di antara nilai pelupusan bersih dan nilai bawaan aset tersebut serta diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ia dinyahiktiraf.

### k. Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal termasuk pelaburan dalam syarikat subsidiari. Peruntukan bagi kerugian rosot nilai saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

### l. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga kos lebih rendah (dikenal pasti atas asas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai penilaian bersih. Nilai penilaian bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan di dalam proses perniagaan yang normal ditolak kos-kos jualan dan kos pengedaran dan kesemua kos-kos lain yang dianggarkan untuk menjual inventori.

Kos baja dan bahan gunaan, ubat dan peralatan perubatan adalah termasuk kos belian asal dicampur kos langsung yang dikenakan untuk membawa inventori-inventori tersebut ke lokasi dan berada dalam keadaan sekarang.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### l. Inventori (sambungan)

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapatnya inventori yang terjejas dengan membandingkan amaun bawaan setiap item inventori atau kumpulan item yang sama, dengan harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Jika, sesuatu item inventori atau kumpulan item yang sama itu terjejas, Kumpulan akan mengurangkan amaun bawaan inventori atau kumpulan item yang sama tersebut kepada harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Pengurangan tersebut merupakan kerugian penjejasan dan diiktiraf serta-merta di dalam untung atau rugi.

Sekiranya, tidak praktikal untuk mengenal pasti harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjual inventori berdasarkan item demi item, maka, item inventori yang berkaitan dengan barisan produk yang sama, yang mempunyai tujuan atau kegunaan akhir yang sama dan dikeluarkan serta dipasarkan pada kawasan geografi yang sama dikumpulkan secara bersekali bagi tujuan menilai penjejasan ke atas inventori.

### m. Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai di tangan dan di bank, deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dan pelaburan patuh Syariah berkecairan tinggi, mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara dan sedia untuk ditukar kepada amaun tunai yang diketahui.

### n. Penjejasan aset bukan kewangan

Amaun-amaun bawaan aset-aset bukan kewangan (contohnya hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan) dikaji pada setiap akhir tempoh laporan untuk mengenal pasti sama ada wujud tanda-tanda penjejasan. Jika, wujud tanda-tanda tersebut, amaun boleh-peroleh-kembali bagi aset-aset berkenaan dianggarkan dan kemudian dibandingkan dengan amaun bawaan. Jika, amaun boleh-peroleh-kembali yang dianggarkan tersebut lebih rendah, maka, amaun bawaan akan dikurangkan kepada amaun boleh-peroleh-kembali seperti yang dianggarkan itu dan kerugian penjejasan diiktiraf serta-merta di dalam untung atau rugi.

### o. Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Peruntukan khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang tidak berbayar.

### p. Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu, pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### q. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi semasa yang konstruktif akibat peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang tepat dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan. Jumlah yang diiktiraf sebagai peruntukan adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Peruntukan dikaji semula pada akhir setiap tahun pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik.

### r. Cukai

Cukai pendapatan syarikat subsidiari ke atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar untuk pendapatan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai bawaan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap mana-mana perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna, yang boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya ia wujud daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga selain kombinasi perniagaan yang pada masa tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat mana ianya boleh digunakan ke atas keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda dikaji semula pada akhir setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga ke tahap tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasikan.

### s. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Majlis tidak termasuk di bawah agensi yang dikecualikan GST berdasarkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Jumlah bersih GST ialah perbezaan di antara cukai input dan cukai output yang kena dibayar kepada atau boleh diterima daripada pihak berkuasa pada tarikh laporan, termasuk di dalam penghutang dan pemiutang di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### t. Manfaat kakitangan

#### i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial dan bayaran manfaat kepada kakitangan kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang dan pampasan ketidakhadiran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

#### ii. Pelan caruman tetap

Majlis membuat caruman secara tetap kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi kakitangan bertaraf kontrak atau kakitangan bertaraf tetap yang tidak memilih skim perkhidmatan berpencen. Manakala, bagi kakitangan bertaraf tetap yang memilih skim perkhidmatan berpencen, caruman dibuat secara tetap kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Syarikat subsidiari membuat caruman secara tetap kepada KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangannya, mengikut mana yang berkaitan.

Kesemua caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

#### iii. Manfaat selepas persaraan

Pelan caruman terperinci ialah pelan persaraan yang mana Kumpulan mencarum secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk mencarum lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat kakitangan yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Caruman Kumpulan kepada pelan caruman terperinci iaitu, KWSP, PERKESO dan pelan caruman yang ditubuhkan khusus untuk pekhidmat kerajaan iaitu, KWAP, diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tempoh berkenaan. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi. Manfaat kakitangan selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf apabila kakitangan tersebut menamatkan perkhidmatannya.

Bagi kakitangan Majlis bertaraf tetap, sama ada memilih skim perkhidmatan berpencen ataupun tidak, yang telah sampai umur persaraan layak menerima manfaat berbentuk kewangan bagi menggantikan cuti rehat yang tidak diambil di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Manfaat ini dinamakan sebagai Ganjaran Cuti Rehat (GCR) dikira berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diterima pakai oleh Majlis.

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**t. Manfaat kakitangan (sambungan)**

**iii. Manfaat selepas persaraan (sambungan)**

Manakala, bagi kakitangan Majlis bertaraf kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan, layak menerima Ganjaran Tamat Kontrak yang dikira berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diterima pakai oleh Majlis.

Majlis tidak mengklasifikasi GCR dan Ganjaran Tamat Kontrak sebagai liabiliti dan hanya dipersembahkan di dalam penyediaan bajet tahunan. Pembayaran dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar dan diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku. Amalan ini tidak konsisten dengan piawaian yang diperuntukkan dalam MPSAS dan Majlis memilih untuk menyimpang daripada piawaian tersebut berdasarkan penjelasan pada para 2.a.i. di atas.

**u. Pengiktirafan hasil**

Hasil diiktiraf hingga ke tahap di mana wujudnya kemungkinan manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan, sama ada berkaitan dengan sesuatu urus niaga pertukaran atau urus niaga bukan pertukaran, akan mengalir kepada Kumpulan dan Majlis, dan hasil tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah. Hasil dinilai pada nilai wajar balasan diterima menggunakan asas akruan, melainkan apabila akruan tersebut tidak boleh ditentukan dengan tahap kepastian yang munasabah atau apabila penganggarannya tidak praktikal. Hasil yang tidak boleh diakrukan, diiktiraf berasaskan tunai yang diterima pada tarikh urus niaga.

Aliran masuk urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset, diiktiraf sebagai hasil setakat mana obligasi dan/atau sekatan yang menyentuh aset tersebut diselesaikan. Sekiranya tidak selesai, aliran masuk tersebut diiktiraf sebagai tertunda dan diklasifikasikan sebagai liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sehingga ia diselesaikan. Sekiranya obligasi dan/atau sekatan yang menyentuh aset tersebut selesai, amaun bawaan liabiliti dinyahiktiraf dan amaun yang sama diiktiraf sebagai hasil.

**v. Pendapatan tertunda**

Pendapatan tertunda merupakan sumbangan Kerajaan Negeri Perak atau Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan perolehan hartanah, loji dan peralatan. Pendapatan diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh hayat kegunaan aset berkenaan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### w. Aset dan liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di dalam Penyata-penyata Kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka dan akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti luar jangka juga wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

Aset luar jangka merupakan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak akan mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.

### x. Pengkelasan semasa dan bukan semasa

Kumpulan dan Majlis mempersembahkan kesemua aset dan liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan pengkelasan berikut –

Sesuatu aset dikelaskan sebagai semasa jika ia:
(i) dijangka untuk direalisasi atau ingin dijual atau digunakan dalam kitaran operasi yang normal;
(ii) dipegang terutamanya untuk tujuan niaga;
(iii) dijangka untuk direalisasi dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan, atau
(iv) tunai dan kesetaraan tunai, melainkan ia tidak boleh ditukarkan atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti selama tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Kesemua aset yang lain dikelaskan sebagai bukan semasa.

Sesuatu liabiliti dikelaskan sebagai semasa jika ia:
(i) dijangka untuk diselesaikan dalam kitaran operasi yang normal;
(ii) dipegang terutamanya untuk tujuan niaga;
(iii) genap masa untuk diselesaikan dalam lingkungan 12 bulan selepas tempoh pelaporan; atau
(iv) tiada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Kesemua liabiliti yang lain dikelaskan sebagai bukan semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

**KUMPULAN**

| | Aset biologi penghasil RM | Tanah dan bangunan RM | Kenderaan RM | Peralatan pejabat, lekapan dan lengkapan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos/ Nilaian** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 38,536,991 | 86,636,550 | 2,949,525 | 23,221,810 | 151,344,876 |
| Tambahan | 622,336 | 379,551 | 1,017,434 | 566,630 | 2,585,951 |
| Hapus kira | - | - | (328,880) | (1,208,805) | (1,537,685) |
| Pindahan daripada aset dalam kemajuan | - | 2,058,659 | - | - | 2,058,659 |
| Pindahan daripada hartanah pelaburan | - | 322,560 | - | - | 322,560 |
| Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018 | 39,159,327 | 89,397,320 | 3,638,079 | 22,579,635 | 154,774,361 |
| Tambahan | 353,808 | 725,371 | 299,068 | 1,261,255 | 2,639,502 |
| Hapus kira | - | - | (247,346) | (592,544) | (839,890) |
| Pindahan daripada aset dalam kemajuan | - | 1,091,608 | - | - | 1,091,608 |
| Pada 31 Disember 2018 | 39,513,135 | 91,214,299 | 3,689,801 | 23,248,346 | 157,665,581 |
| **Susut nilai dan kerugian penjejasan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017; | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | 12,611,586 | 2,693,524 | 1,967,650 | 15,404,874 | 32,677,634 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | - | - | - | - | - |
| | 12,611,586 | 2,693,524 | 1,967,650 | 15,404,874 | 32,677,634 |
| Susut nilai bagi tahun | 1,238,314 | 731,292 | 512,629 | 2,084,131 | 4,566,366 |
| Hapus kira | - | - | (328,879) | (1,166,330) | (1,495,209) |
| Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018; | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | 13,849,900 | 3,424,816 | 2,151,400 | 16,322,675 | 35,748,791 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | - | - | - | - | - |
| | 13,849,900 | 3,424,816 | 2,151,400 | 16,322,675 | 35,748,791 |
| Susut nilai bagi tahun | 1,377,536 | 944,696 | 465,707 | 2,154,781 | 4,942,720 |
| Hapus kira | - | - | (240,746) | (581,299) | (822,045) |
| Pada 31 Disember 2018; | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | 15,227,436 | 4,369,512 | 2,376,361 | 17,896,157 | 39,869,466 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | - | - | - | - | - |
| | 15,227,436 | 4,369,512 | 2,376,361 | 17,896,157 | 39,869,466 |
| **Amaun bawaan** | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 25,309,427 | 85,972,504 | 1,486,679 | 6,256,960 | 119,025,570 |
| Pada 31 Disember 2018 | 24,285,699 | 86,844,787 | 1,313,440 | 5,352,189 | 117,796,115 |

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

**MAJLIS**

| | Tanah dan bangunan RM | Kenderaan RM | Peralatan pejabat, lekapan dan lengkapan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| **Kos/ Nilaian** | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | - | 1,751,536 | 4,545,060 | 6,296,596 |
| Tambahan | - | 904,845 | 243,707 | 1,148,552 |
| Hapus kira | - | (174,634) | (1,208,805) | (1,383,439) |
| Pindahan daripada aset dalam kemajuan | 2,058,659 | - | - | 2,058,659 |
| Pindahan daripada hartanah pelaburan | 322,560 | - | - | 322,560 |
| Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018 | 2,381,219 | 2,481,747 | 3,579,962 | 8,442,928 |
| Tambahan | - | 219,078 | 127,310 | 346,388 |
| Hapus kira | - | (247,346) | (513,621) | (760,967) |
| Pindahan daripada aset dalam kemajuan | 1,091,608 | - | - | 1,091,608 |
| Pada 31 Disember 2018 | 3,472,827 | 2,453,479 | 3,193,651 | 9,119,957 |
| **Susut nilai dan kerugian penjejasan** | | | | |
| Pada 1 Januari 2017; | | | | |
| Susut nilai terkumpul | - | 1,222,938 | 4,044,648 | 5,267,586 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | - | - | - | - |
| | - | 1,222,938 | 4,044,648 | 5,267,586 |
| Susut nilai bagi tahun | 44,968 | 347,643 | 231,713 | 624,324 |
| Hapus kira | - | (174,633) | (1,166,330) | (1,340,963) |
| Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018 | | | | |
| Susut nilai terkumpul | 44,968 | 1,395,948 | 3,110,031 | 4,550,947 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | - | - | - | - |
| | 44,968 | 1,395,948 | 3,110,031 | 4,550,947 |
| Susut nilai bagi tahun | 66,800 | 356,455 | 205,932 | 629,187 |
| Hapus kira | - | (240,746) | (511,319) | (752,065) |
| Pada 31 Disember 2018 | | | | |
| Susut nilai terkumpul | 111,768 | 1,511,657 | 2,804,644 | 4,428,069 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | - | - | - | - |
| | 111,768 | 1,511,657 | 2,804,644 | 4,428,069 |
| **Amaun bawaan** | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 2,336,251 | 1,085,799 | 469,931 | 3,891,981 |
| Pada 31 Disember 2018 | 3,361,059 | 941,822 | 389,007 | 4,691,888 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 4. HARTANAH PELABURAN

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 68,401,831 | 67,504,725 |
| Tambahan dalam tahun | 487,307 | - |
| Perubahan dalam penilaian | 4,111,136 | 454,950 |
| Pelupusan | (2,164,010) | (765,353) |
| Pindahan daripada aset dalam kemajuan | - | 1,530,069 |
| Pindahan kepada hartanah, loji dan peralatan | - | (322,560) |
| Pada 31 Disember | 70,836,264 | 68,401,831 |

Termasuk di atas adalah:

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Pada nilai wajar; | | |
| Tanah milik bebas | 56,592,400 | 54,597,956 |
| Tanah milik pajakan | 1,394,112 | 1,394,112 |
| Tanah wakaf | 1,257 | - |
| Bangunan kekal | 12,848,495 | 12,409,763 |
| | 70,836,264 | 68,401,831 |

Nilai wajar hartanah pelaburan ditentukan menerusi penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, atau, oleh penilai-penilai bebas yang memegang kelayakan profesional yang diiktiraf, dan juga menerusi pengalaman terkini pihak pengurusan terhadap lokasi serta kategori hartanah yang dinilai.

Termasuk di dalam bangunan kekal di atas, ialah nilai bangunan Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, yang diperoleh melalui sumber kewangan seperti berikut –

(a) Pinjaman jangka panjang – telahpun diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2004

(b) Sumbangan Kerajaan Negeri – diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan secara berskala berdasarkan kadar susut nilai seperti yang dijelaskan pada Nota 2.f.iii di atas

Pendapatan sewaan yang dijana daripada hartanah pelaburan berserta kos operasi langsung adalah seperti berikut:

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Pendapatan sewaan | 2,301,652 | 2,289,928 |
| Perbelanjaan operasi langsung | (1,316,323) | (1,296,177) |

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 5. ASET TAK KETARA

| KUMPULAN | Muhibah | Perisian Komputer RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| **Kos** | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | - | 1,241,080 | 1,241,080 |
| Tambahan dalam tahun | 8,994,000 | - | 8,994,000 |
| Pada 31 Disember 2018 | 8,994,000 | 1,241,080 | 10,235,080 |
| **Pelunasan terkumpul** | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | - | 475,695 | 475,695 |
| Pelunasan dalam tahun | - | 219,260 | 219,260 |
| Pada 31 Disember 2018 | - | 694,955 | 694,955 |
| Nilai buku bersih pada 31 Disember 2018 | 8,994,000 | 546,125 | 9,540,125 |

| MAJLIS | Perisian Komputer 2018 RM | Perisian Komputer 2017 RM |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | 1,241,080 | - |
| Tambahan dalam tahun | - | 1,241,080 |
| Pada 31 Disember | 1,241,080 | 1,241,080 |
| **Pelunasan terkumpul** | | |
| Pada 1 Januari | 475,695 | - |
| Pelunasan dalam tahun | 219,260 | 475,695 |
| Pada 31 Disember | 694,955 | 475,695 |
| Nilai buku bersih | 546,125 | 765,385 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 6. ASET DALAM KEMAJUAN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | |
| Pada 1 Januari | 5,212,036 | 4,079,828 | 4,720,580 | 3,620,524 |
| Tambahan dalam tahun | 908,884 | 4,720,936 | 829,583 | 4,688,784 |
| Tolak: Pindahan kepada hartanah, loji dan peralatan | (1,091,608) | (2,058,659) | (1,091,608) | (2,058,659) |
| Tolak: Pindahan kepada hartanah pelaburan | - | (1,530,069) | - | (1,530,069) |
| Pada 31 Disember | 5,029,312 | 5,212,036 | 4,458,555 | 4,720,580 |

## 7. PERBELANJAAN KEMAJUAN TANAMAN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | |
| Pada 1 Januari | 34,949,841 | 27,254,169 | - | - |
| Tambahan dalam tahun | 7,004,690 | 7,716,515 | - | - |
| Pajakan | (12,347,487) | (20,843) | - | - |
| Pada 31 Disember | 29,607,044 | 34,949,841 | - | - |

## 8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Pada harga kos: | | |
| Saham tak tersiar harga | 20,000,000 | 20,000,000 |

Butiran bagi syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

| Nama | Tahun Ditubuhkan | Kegiatan Utama | Kepentingan efektif 2018 % | Kepentingan efektif 2017 % |
|---|---|---|---|---|
| PKEINPk Sdn. Bhd. | 2012 | Mengendalikan kerja-kerja pembangunan dan kemajuan dalam bidang pertanian, perumahan, pembuatan, perlombongan dan perdagangan | 100 | 100 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 9. PELABURAN SAHAM

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Pada harga kos:** | | | | |
| Saham-saham tersiar harga di Malaysia | 39,466,871 | 11,510,531 | 1,208,720 | 1,573,520 |
| Tolak: Elaun kemerosotan nilai | - | - | - | - |
| Jumlah pelaburan pada 31 Disember | 39,466,871 | 11,510,531 | 1,208,720 | 1,573,520 |
| **Pada nilai pasaran:** | | | | |
| Saham-saham tersiar harga di Malaysia | 39,336,951 | 18,621,011 | 1,078,800 | 8,684,000 |

## 10. PELABURAN SEKURITI LAIN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Pada harga kos:** | | | | |
| Saham-saham amanah dan pelaburan berstruktur | 13,257,185 | 12,992,843 | 13,257,185 | 12,992,843 |

## 11. INVENTORI

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | |
| Baja dan bahan gunaan | 102,463 | 336,444 | - | - |
| Ubat dan peralatan perubatan | 121,316 | 135,669 | - | - |
| **Nilai saksama tolak kos jualan** | | | | |
| Buah tandan segar | 4,050,362 | 5,496,209 | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 4,274,141 | 5,968,322 | - | - |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 12. PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sewaan ruang pejabat Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR) | 132,014 | 369,882 | 132,014 | 369,882 |
| Sewaan bangunan baitulmal | 194,038 | 222,667 | 194,038 | 222,667 |
| Sewaan tanah baitulmal | 899,975 | 499,413 | 899,975 | 499,413 |
| Wang belum diserah oleh kadi | - | 359,019 | - | 359,019 |
| Penghutang perniagaan | 2,925,836 | 4,343,679 | - | - |
| | 4,151,863 | 5,794,660 | 1,226,027 | 1,450,981 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | (114,616) | (837,726) | - | (359,019) |
| Baki pada 31 Disember | 4,037,247 | 4,956,934 | 1,226,027 | 1,091,962 |

## 13. PELBAGAI PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai penghutang | 15,124,817 | 6,260,345 | - | 21,613 |
| Pertaruhan | 507,576 | 926,608 | 294,749 | 294,748 |
| Pinjaman kenderaan | 367,880 | 419,791 | 367,880 | 419,791 |
| Pinjaman komputer | 80,312 | 83,546 | 80,312 | 83,546 |
| Pelbagai pinjaman | 25,022 | 523,529 | 25,022 | 523,529 |
| Jumlah terhutang oleh pemegang saham korporat | 8,129,218 | 8,129,218 | - | - |
| | 24,234,825 | 16,343,037 | 767,963 | 1,343,227 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | (467,280) | (488,893) | - | (21,613) |
| Baki pada 31 Disember | 23,767,545 | 15,854,144 | 767,963 | 1,321,614 |

## 14. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Deposit pelaburan di bawah skim pematuhan syariah | 158,471,921 | 184,033,299 | 158,450,000 | 151,400,000 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 15. WANG TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Zakat | 3,815,833 | 4,959,588 | 3,815,833 | 4,959,588 |
| Sumber Am | 6,708,028 | 8,815,242 | 2,632,915 | 2,902,981 |
| Wakaf | 3,603,278 | 1,401,812 | 3,603,278 | 1,401,812 |
| Akaun Pelbagai | 1,560,061 | 1,272,428 | 1,560,061 | 1,272,428 |
| Baki pada 31 Disember | 15,687,200 | 16,449,070 | 11,612,087 | 10,536,809 |

## 16. KUMPULAN WANG BAITULMAL

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| **Dana:** | RM | RM | RM | RM |
| Zakat | 126,963,873 | 126,900,758 | 126,963,873 | 126,900,758 |
| Wakaf | 7,419,367 | 8,442,570 | 7,419,367 | 8,442,570 |
| Sumber am | 72,957,387 | 58,334,274 | 43,899,672 | 33,875,367 |
| Amanah | 21,190,790 | 26,221,534 | 21,190,790 | 26,221,534 |
| Baki pada 31 Disember | 228,531,417 | 219,899,136 | 199,473,702 | 195,440,229 |

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| **16.1 Zakat** | | |
| Baki pada 1 Januari | 126,900,758 | 116,190,497 |
| (Kurangan)/ Lebihan pendapatan | 63,115 | 3,374,886 |
| Pelarasan tahun lalu | - | 7,335,375 |
| Baki pada 31 Disember | 126,963,873 | 126,900,758 |
| **16.2 Wakaf** | | |
| Baki pada 1 Januari | 8,442,570 | 6,007,774 |
| Lebihan pendapatan | (1,023,203) | 3,582,296 |
| Pelarasan tahun lalu | - | (1,147,500) |
| Baki pada 31 Disember | 7,419,367 | 8,442,570 |
| **16.3 Sumber Am** | | |
| Baki pada 1 Januari | 33,875,367 | 28,564,180 |
| Lebihan pendapatan | 10,024,305 | 4,359,270 |
| Pelarasan tahun lalu | - | 951,917 |
| Baki pada 31 Disember | 43,899,672 | 33,875,367 |

## 16. KUMPULAN WANG BAITULMAL (SAMBUNGAN)

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| **16.4 Amanah** | | |
| Baki pada 1 Januari | 26,221,534 | 28,348,058 |
| (Kurangan)/Lebihan pendapatan | (5,030,744) | (2,126,524) |
| Baki pada 31 Disember | 21,190,790 | 26,221,534 |
| | 199,473,702 | 195,440,229 |

## 17. RIZAB LAIN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sumbangan kerajaan | 1,929,686 | 2,117,308 | 1,929,686 | 2,117,308 |
| Tabung pembiayaan kakitangan | 350,000 | 350,000 | 350,000 | 350,000 |
| Rizab modal | 212,011,855 | 210,105,699 | 50,673,615 | 48,726,489 |
| Baki pada 31 Disember | 214,291,541 | 212,573,007 | 52,953,301 | 51,193,797 |

## 18. PINJAMAN JANGKA PANJANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 18,187,182 | 19,709,785 | 18,187,182 | 19,709,785 |
| Tolak: Ansuran dibayar dalam tahun | (1,565,577) | (1,522,603) | (1,565,577) | (1,522,603) |
| | 16,621,605 | 18,187,182 | 16,621,605 | 18,187,182 |
| Ansuran perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan | 1,610,149 | 1,565,576 | 1,610,149 | 1,565,576 |
| Ansuran perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan | 15,011,456 | 16,621,606 | 15,011,456 | 16,621,606 |
| Baki pada 31 Disember | 16,621,605 | 18,187,182 | 16,621,605 | 18,187,182 |

## 19. PEMIUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pemiutang perniagaan | 1,838,753 | 2,840,900 | - | - |
| Perbelanjaan pembangunan | 15,991,869 | 10,691,769 | 15,991,869 | 10,691,769 |
| Perbelanjaan mengurus | 1,430,528 | 803,538 | 1,430,528 | 803,538 |
| Baki pada 31 Disember | 19,261,150 | 14,336,207 | 17,422,397 | 11,495,307 |

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

## 20. PELBAGAI PEMIUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai pemiutang | 1,864,431 | 5,093,588 | 259,278 | 55,000 |
| Pertaruhan deposit | 1,127,954 | 325,010 | 324,531 | 325,010 |
| Bonus gaji terakru | 981,162 | 619,347 | - | - |
| Peruntukan pembahagian keuntungan | 10,451,469 | 10,176,857 | - | - |
| Cukai GST | - | 81,642 | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 14,425,016 | 16,296,444 | 583,809 | 380,010 |

## 21. PENGAGIHAN ZAKAT SECARA WAKALAH

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Upahan langsung kepada amil lantikan/ejen zakat | 3,981,949 | 3,328,943 |
| Agihan sendiri pembayar zakat kepada asnaf: | | |
| – miskin | 6,038,740 | 7,094,494 |
| – ghorimin | 2,230,436 | 1,230,399 |
| – fisabilillah | 6,219,783 | 6,358,451 |
| | 18,470,908 | 18,012,287 |

## 22. AMIL

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Emolumen | 11,014,555 | 10,028,865 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 6,993,205 | 6,617,609 |
| Inventori dan aset bernilai rendah | 141,701 | 2,922,362 |
| Perbelanjaan lain | 940,927 | 1,527,656 |
| Susut nilai | 715,376 | 553,370 |
| | 19,805,764 | 21,649,862 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 23. FISABILILLAH

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran | 16,835,952 | 17,689,564 |
| Bantuan Per Kapita Sekolah Agama Rakyat | 4,894,510 | 3,217,100 |
| Elaun guru kelas pengajian Al-Quran | 1,662,344 | 1,636,346 |
| Insentif mubaligh dan guru kelas Muallaf | 3,086,059 | 2,510,683 |
| Promosi dan dakwah zakat | 328,244 | 798,233 |
| Pembangunan Islam | 2,096,324 | 1,989,237 |
| Pembangunan modal insan | 738,564 | 735,096 |
| Bantuan bencana | 202,183 | 518,515 |
| Bantuan anak yatim | 681,450 | 549,992 |
| Sumbangan kepada pasukan keselamatan | 38,761 | 30,328 |
| Bantuan kepada Universiti Sultan Azlan Shah | 300,000 | 300,000 |
| Bantuan Fisabilillah yang lain | 1,957,930 | 3,422,609 |
| | 32,822,321 | 33,397,703 |

## 24. PENDAPATAN OPERASI

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sewaan hartanah | 2,301,652 | 2,286,308 | 2,301,652 | 2,286,308 |
| Baitulmal am | 795,679 | 7,342,178 | 795,679 | 7,342,178 |
| Keuntungan pelaburan | 6,514,153 | 659,337 | 13,264,153 | 3,545,024 |
| Hasil faraid | 196,279 | 503,747 | 196,279 | 503,747 |
| Jualan buah kelapa sawit | 28,747,378 | 43,429,077 | - | - |
| Perkhidmatan perubatan dan kesihatan | 5,296,149 | 3,944,997 | - | - |
| | 43,851,290 | 58,165,644 | 16,557,763 | 13,677,257 |

## 25. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 211,008 | 100,000 | 211,008 | 100,000 |
| Pelbagai pendapatan | 12,474,752 | 3,690,670 | 1,431,787 | 714,986 |
| Pendapatan tertunda | 181,025 | 181,025 | 181,025 | 181,025 |
| Hibah simpanan semasa | 73,787 | 105,010 | 57,085 | 72,555 |
| Keuntungan deposit bermasa | 208,648 | 1,756,420 | - | - |
| Pendapatan sewa | 301,000 | 366,000 | - | - |
| | 13,450,220 | 6,199,125 | 1,880,905 | 1,068,566 |

## 26. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Emolumen | 8,246,272 | 8,116,187 | 3,059,608 | 3,013,539 |
| Bekalan dan perkhidmatan | 4,518,214 | 3,966,795 | 4,518,214 | 3,966,795 |
| Pembangunan ummah | 165,675 | 1,203,574 | 165,675 | 1,203,574 |
| Perbelanjaan lain | 6,027,744 | 4,343,309 | 538,314 | 2,058,042 |
| Susutnilai | 958,491 | 2,992,809 | 132,552 | 144,603 |
| | 19,916,396 | 20,622,674 | 8,414,363 | 10,386,553 |

## 27. SUMBANGAN KERAJAAN

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 2,117,308 | 2,301,631 |
| Pelupusan dalam tahun | (6,597) | - |
| Pelunasan dalam tahun | (181,025) | (184,323) |
| Baki pada 31 Disember | 1,929,686 | 2,117,308 |

## 28. TABUNG PEMBIAYAAN KAKITANGAN

Ini merupakan dana pusingan bertujuan untuk membiayai pembelian kenderaan, komputer dan pendahuluan diri pekhidmat-pekhidmat Majlis yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan suntikan dana daripada sumber am baitulmal.

## 29. RIZAB MODAL

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2018 | 2017 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 48,726,489 | 48,988,317 |
| Tambahan dalam tahun | 4,111,136 | 454,950 |
| Pelupusan dalam tahun | (2,164,010) | (716,778) |
| Baki pada 31 Disember | 50,673,615 | 48,726,489 |

Ini merupakan lebihan atas kos yang berbangkit daripada penilaian semula tanah-tanah milik Majlis, berasaskan polisi yang dijelaskan di Nota 2.f.i di atas.

## 30. MAKLUMAT PERBANDINGAN

Syarikat subsidiari telah mengadaptasi piawaian MFRS 141 pada tahun kewangan semasa dan menyediakan penyata-penyata kewangan pertama Syarikat dan Kumpulannya selaras dengan piawaian tersebut.

Sebelum pindaan dibuat berdasarkan piawaian MFRS 141, semua perbelanjaan penanaman semula dan pra-tanaman baru yang terjadi daripada pembersihan tanah ke tahap matang, dipermodalkan sebagai aset biologi dan dilunaskan berdasarkan tempoh matang kehidupan ekonomi berguna tanaman.

Setelah menerima pindaan berdasarkan piawaian MFRS 141, Syarikat dan Kumpulannya dikehendaki mengukur hasil tanaman secara berasingan daripada aset biologi penghasil. Perbelanjaan penanaman semula dan pra-tanaman baru dikelaskan sebagai aset biologi penghasil dan akan diambil kira sama seperti hartanah, loji dan peralatan, manakala, hasil yang tumbuh pada tumbuhan pembawa berada dalam skop piawaian MFRS 141 dan dinilai pada nilai saksama. Pelarasan yang terhasil diiktiraf berbanding pendapatan tertahan.

Peralihan kepada MFRS 141 tersebut mempunyai kesan kewangan kepada penyata-penyata kewangan Syarikat dan Kumpulannya. Justeru, sebahagian daripada angka-angka perbandingan, terutamanya pada peringkat Kumpulan Majlis, telah diklasifikasikan dan dinyatakan semula untuk diselaraskan dengan persembahan tahun kewangan semasa.

## 31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS

Ini merupakan penyata-penyata kewangan peralihan Majlis yang pertama dibentangkan menggunakan rangka kerja piawaian perakaunan MPSAS, di mana, penyata-penyata kewangan sebelum ini telah disediakan menggunakan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan di Malaysia.

Berdasarkan piawaian perakaunan sebelum ini, Majlis telahpun menyediakan penyata-penyata kewangannya mengikut asas akruan. Peralihan kepada MPSAS telah menyebabkan berlaku beberapa pindaan ke atas polisi-polisi perakaunan sedia ada, yang boleh memberi kesan ke atas penyata-penyata kewangan Majlis. Bagaimanapun, MPSAS 33 telah memberikan relief pengecualian dalam tempoh peralihan sebagaimana dinyatakan pada perenggan 36-134 MPSAS 33.

Majlis telah mengambil peluang ke atas pengecualian-pengecualian tersebut, sewaktu menyediakan penyata-penyata kewangannya sehingga tempoh peralihan berakhir. Pengecualian yang diterima guna, sama ada memberi kesan atau tidak, ke atas persembahan yang saksama dan pematuhan kepada MPSAS dinyatakan seperti berikut –

(i) Pengecualian yang memberi kesan terhadap persembahan yang saksama dan pematuhan kepada MPSAS dalam tempoh peralihan adalah seperti berikut;

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

**31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (SAMBUNGAN)**

(a) Kos pinjaman

Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung oleh Majlis berhubung dengan dana yang dipinjam dan diakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan. Kaedah ini mendiskaunkan dengan tepat anggaran bayaran tunai masa hadapan melalui jangka hayat liabiliti kewangan kepada amaun bawaan bersih liabiliti tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan kos pinjaman bagi setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak. Majlis mengambil peluang ke atas peruntukan peralihan yang memberikan relief selama tempoh tiga tahun untuk mengakaunkan kos pinjaman mengikut terma pengolahan alternatif dibenarkan seperti diamalkan sebelum pemakaian MPSAS, tertakluk kepada kepada ketetapan mengenai pemakaian piawaian tersebut seperti dinyatakan pada Nota 2.c. di atas.

(b) Keuntungan ke atas pembiayaan kepada kakitangan

Majlis mengiktiraf semua keuntungan yang akan diperoleh daripada pembiayaan kepada kakitangan pada ketika mengiktiraf pembiayaan tersebut. MPSAS 9, Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran menghendaki supaya aliran masuk keuntungan diiktiraf berdasarkan nilai saksama yang ditentukan dengan mendiskaunkan kesemua penerimaan masa hadapan menggunakan kadar faedah tertaksir. Majlis mengambil peluang ke atas peruntukan peralihan yang memberikan relief selama tempoh tiga tahun untuk mengakaunkan keuntungan ke atas pinjaman kepada kakitangan mengikut terma pengolahan alternatif dibenarkan seperti diamalkan sebelum pemakaian MPSAS.

(c) Peruntukan Manfaat Kakitangan

Majlis tidak mengklasifikasi Ganjaran Tamat Kontrak, Gantian Cuti Rehat sebagai liabiliti kerana Majlis mempunyai obligasi untuk membayar kepada kakitangannya apabila mereka menamatkan perkhidmatan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. MPSAS 25 Manfaat Kakitangan menghendaki supaya manfaat ini diiktiraf sebagai liabiliti kepada Majlis, di mana, liabiliti yang boleh diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan dilaporkan pada jumlah yang dijangka dibayar, manakala, liabiliti jangka panjang pula dilaporkan sebagai Nilai Kini Aliran Tunai Keluar Masa Hadapan. Majlis mengambil peluang ke atas peruntukan peralihan yang memberikan relief selama tempoh tiga tahun untuk mengakaunkan manfaat kakitangan mengikut terma pengolahan alternatif dibenarkan seperti diamalkan sebelum pemakaian MPSAS.

(ii) Pengecualian yang tidak memberi kesan terhadap persembahan yang saksama dan pematuhan kepada MPSAS dalam tempoh peralihan adalah seperti berikut;

(a) Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan – (*deemed cost*)

Hartanah akan dinilaikan semula mengikut harga pasaran dan akan direkod semula pada Penyata Kedudukan Kewangan pada harga pasaran. Majlis mengambil peluang ke atas peruntukan peralihan yang memberikan relief selama tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga hartanah ini boleh dinilai semula.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (SAMBUNGAN)

(b) Aset dan liabiliti kewangan yang dilupuskan
Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset dan liabiliti kewangannya yang telah dilupuskan sebelum ini menggunakan piawaian perakaunan terdahulu apabila beralih kepada rangka kerja MPSAS. Jika, sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dilupuskan di bawah piawaian perakaunan yang terdahulu, maka, Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(c) Anggaran perakaunan
Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan peruntukan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip.

(d) Pengiktirafan pendapatan
Majlis akan menggunapakai Asas Akruan sebagai asas perekodan transasksi pendapatan. Namun bergitu, terdapat sebahagian transaksi pendapatan yang mengguna pakai Asas Terimaan.

Pengiktirafan pendapatan dinyatakan seperti berikut:

| Pendapatan Majlis | Asas Perekodan |
|---|---|
| **Hasil daripada Urus niaga Pertukaran** | |
| Sewaan dan pajakan harta | Asas Akruan |
| Keuntungan dan perolehan pelaburan | Asas Akruan |
| Dividen atas pelaburan | Asas Akruan |
| Perolehan daripada pelupusan aset | Asas Terimaan |
| **Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran** | |
| Zakat | Asas Terimaan |
| Wakaf | Asas Terimaan |
| Terimaan amanah dan/atau khairat | Asas Terimaan |
| Hasil faraid | Asas Terimaan |
| Derma atau sumbangan | Asas Terimaan |
| Pelbagai hasil dan baitulmal am | Asas Terimaan |

(ii) Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata-penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2018, selepas mengambilkira peruntukan dan pertukaran dasar-dasar perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut;

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

## 31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (SAMBUNGAN)

### Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2018

| | Piawaian Yang Diluluskan di Malaysia 31.12.2017 | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS 1.1.2018 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **ASET** | | | |
| **Aset bukan semasa** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3,598,974 | 293,007 | 3,891,981 |
| Hartanah pelaburan | 68,450,406 | (48,575) | 68,401,831 |
| Aset tak ketara | 766,584 | (1,199) | 765,385 |
| Aset dalam kemajuan | 4,512,071 | 208,509 | 4,720,580 |
| Perbelanjaan kemajuan tanaman | - | - | - |
| Pelaburan dalam subsidiari | 20,000,000 | - | 20,000,000 |
| Pelaburan saham | 1,573,520 | - | 1,573,520 |
| Pelaburan sekuriti lain | 14,992,829 | (1,999,986) | 12,992,843 |
| Pembayaran balik cukai | - | - | - |
| Aset cukai tertunda | - | - | - |
| **Jumlah aset bukan semasa** | 113,894,384 | (1,548,244) | 112,346,140 |
| **Aset semasa** | | | |
| Inventori | - | - | - |
| Penghutang | 1,095,583 | (3,621) | 1,091,962 |
| Pelbagai penghutang | 1,350,312 | (28,698) | 1,321,614 |
| Deposit dengan institusi kewangan berlesen | 151,400,000 | - | 151,400,000 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 10,866,492 | (329,683) | 10,536,809 |
| **Jumlah aset semasa** | 164,712,387 | (362,002) | 164,350,385 |
| **JUMLAH ASET** | 278,606,771 | (1,910,246) | 276,696,525 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (SAMBUNGAN)

**Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2018 (sambungan)**

| | Piawaian Yang Diluluskan di Malaysia 31.12.2017 | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS 1.1.2018 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **DANA DAN LIABILITI** | | | |
| **DANA** | | | |
| Kumpulan wang baitulmal | 187,573,213 | 7,867,016 | 195,440,229 |
| Rizab lain | 51,193,798 | (1) | 51,193,797 |
| **Jumlah dana** | 238,767,011 | 7,867,015 | 246,634,026 |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | |
| Pinjaman jangka panjang | 16,621,606 | - | 16,621,606 |
| **Liabiliti semasa** | | | |
| Pinjaman jangka pendek | 1,565,576 | - | 1,565,576 |
| Pemiutang | 20,966,155 | (9,470,848) | 11,495,307 |
| Pelbagai pemiutang | 686,423 | (306,413) | 380,010 |
| **Jumlah liabiliti semasa** | 23,218,154 | (9,777,261) | 13,440,893 |
| **JUMLAH DANA DAN LIABILITI** | 278,606,771 | (1,910,246) | 276,696,525 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

## 31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (SAMBUNGAN)

**Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan Zakat pada 1 Januari 2018**

| | Piawaian Yang Diluluskan di Malaysia 31.12.2017 RM | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu RM | MPSAS 1.1.2018 RM |
|---|---|---|---|
| **KUTIPAN ZAKAT** | | | |
| Zakat Fitrah | 8,565,235 | - | 8,565,235 |
| Zakat Harta | 96,898,109 | (7,524) | 96,890,585 |
| Zakat Perniagaan | 58,167,340 | - | 58,167,340 |
| Zakat Tanaman | 2,588,325 | - | 2,588,325 |
| Keuntungan bank dan pendapatan lain | 4,585,544 | - | 4,585,544 |
| **Jumlah kutipan zakat kasar** | 170,804,553 | (7,524) | 170,797,029 |
| Tolak: Pengagihan zakat secara wakalah | (18,012,287) | - | (18,012,287) |
| **Jumlah kutipan zakat bersih** | 152,792,266 | (7,524) | 152,784,742 |
| Tolak: | | | |
| **AGIHAN ASNAF** | | | |
| Amil | 21,891,041 | (241,179) | 21,649,862 |
| Fakir dan Miskin | 86,884,227 | (1,196,434) | 85,687,793 |
| Muallaf | 6,779,350 | - | 6,779,350 |
| Ghorimin | 1,230,517 | - | 1,230,517 |
| Ibnu Sabil | 664,631 | - | 664,631 |
| Fisabilillah | 33,441,935 | (44,232) | 33,397,703 |
| **Jumlah agihan zakat** | 150,891,701 | (1,481,845) | 149,409,856 |
| **(Kurangan) / Lebihan dana zakat bagi tahun** | 1,900,565 | 1,474,321 | 3,374,886 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

### 31. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (SAMBUNGAN)

**Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal pada 1 Januari 2018**

| | Piawaian Yang Diluluskan di Malaysia 31.12.2017 | Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu | MPSAS 1.1.2018 |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pendapatan operasi | 13,680,877 | (3,620) | 13,677,257 |
| Campur: | | | |
| Pendapatan-pendapatan lain: | | | |
| - Sumbangan Kerajaan Negeri | 100,000 | - | 100,000 |
| - Pelbagai pendapatan | 714,986 | - | 714,986 |
| - Pendapatan tertunda | 181,025 | - | 181,025 |
| - Hibah simpanan semasa | 72,555 | - | 72,555 |
| **Jumlah pendapatan** | 14,749,443 | (3,620) | 14,745,823 |
| Tolak: | | | |
| Perbelanjaan pentadbiran: | | | |
| - Emolumen | 3,012,885 | 654 | 3,013,539 |
| - Bekalan dan perkhidmatan | 3,960,638 | 6,157 | 3,966,795 |
| - Pembangunan ummah | 1,203,574 | - | 1,203,574 |
| - Perbelanjaan lain | 2,065,024 | (6,982) | 2,058,042 |
| - Susut nilai | 144,603 | - | 144,603 |
| **Jumlah perbelanjaan** | 10,386,724 | (171) | 10,386,553 |
| **Lebihan pendapatan bagi tahun** | 4,362,719 | (3,449) | 4,359,270 |

# PENYATA **TADBIR URUS KORPORAT**

- ANGGOTA MAIPk
- SETIAUSAHA MAIPk
- PERSIDANGAN MAIPk
- JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN OLEH MAIPk
- KEHADIRAN ANGGOTA PERSIDANGAN MAIPk TAHUN 2018
- KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA BAITULMAL DAERAH TAHUN 2018

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) percaya bahawa prinsip amalan terbaik tadbir urus dapat mengukuh serta meningkatkan pengurusan organisasi ke arah yang lebih baik. MAIPk komited melaksanakan prinsip amalan terbaik tadbir urus dalam seluruh aspek pengurusan organisasi. Ia bukan sahaja membantu memperkukuhkan kredibiliti organisasi, bahkan ia akan merangsang imej serta reputasi organisasi. Pengamalan prinsip terbaik tadbir urus juga dapat menyediakan jaminan kepada para pelanggan (stakeholder) serta memperkukuhkan kepercayaan pelanggan kepada peranan yang dijalankan oleh MAIPk. Bagi memenuhi prinsip amalan terbaik tadbir urus berteraskan ketelusan dan kebertanggungjawaban, MAIPk melaporkan setiap aktiviti yang dijalankan sehingga 31 Disember 2018 berdasarkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

## ANGGOTA MAIPk

Komposisi Anggota MAIPk

Pada 31 Disember 2018, MAIPk dianggotai seramai 24 orang yang terdiri daripada;

- seorang Yang Dipertua;
- seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam;
- enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak; dan
- tidak lebih daripada 20 anggota lantikan lain yang sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam Hukum Syarak.

## SETIAUSAHA MAIPk

Setiausaha MAIPk merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk. Di samping itu, Setiausaha MAIPk bertanggungjawab bagi memastikan Persidangan MAIPk dilaksanakan dengan sempurna serta membantu Yang Dipertua dan Anggota MAIPk menjalankan peranan masing-masing. Setiausaha MAIPk juga menjadi pemudahcara bagi pelaksanaan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk antara institusi-institusi agama Islam di bawah MAIPk.

## PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA ANGGOTA MAIPk

Merujuk kepada subseksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Yang Dipertua dan anggota-anggota lain yang dilantik selain seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang pertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam, enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

## PERSIDANGAN MAIPk

MAIPk diterajui oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. MAIPk berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan selaras dengan hukum syarak. Persidangan MAIPk telah dijalankan sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2018. Agenda untuk setiap Persidangan MAIPk beserta kertas-kertas mesyuarat, laporan penuh dan dokumen sokongan daripada Pengurusan MAIPk diedarkan kepada Anggota-Anggota MAIPk sebelum tarikh mesyuarat. Ini membolehkan Anggota-Anggota MAIPk mempunyai masa yang mencukupi bagi mengkaji perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam Persidangan MAIPk. Di samping itu, Anggota-Anggota MAIPk mempunyai akses penuh kepada semua maklumat yang berkaitan dengan urusan organisasi bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara berkesan. Berikut disenaraikan rekod kehadiran Anggota-Anggota MAIPk ke Persidangan MAIPk pada tahun 2018 :

# KEHADIRAN ANGGOTA PERSIDANGAN MAIPk TAHUN 2018

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin** | Yang Dipertua | 5/5 | 100 |
| 2 | **YB. Dato Drs. Mohd Nizar bin Haji Zakaria** (tamat pada 25 Mei 2018) | Ahli | 2/2 | 100 |
| 3 | **YB. Tuan Haji Asmuni bin Awi** (dilantik bermula 1 Jun 2018) | Ahli | 3/3 | 100 |
| 4 | **YB. Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan** (tamat pada 25 Mei 2018) | Ahli | 0/2 | 0 |
| 5 | **YB. Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman** (dilantik bermula 22 Oktober 2018) | Ahli | 0/1 | 0 |
| 6 | **YB. Dato' Rohana binti Abd Malek** | Ahli | 5/5 | 100 |
| 7 | **YB. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal** (tamat pada 8 Oktober 2018) | Ahli | 3/3 | 100 |
| 8 | **YB. Dato' Abu Bakar bin Haji Said** (dilantik bermula 5 Jun 2018) | Ahli | 3/3 | 100 |
| 9 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria** | Ahli | 4/5 | 80 |
| 10 | **YAA. Dato' Haji Asa'ari bin Haji Mohd. Yazid** | Ahli | 5/5 | 100 |
| 11 | **YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin** | Ahli | 5/5 | 100 |
| 12 | **YABhg. Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain** | Ahli | 3/5 | 60 |
| 13 | **YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini** | Ahli | 4/5 | 80 |
| 14 | **YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed** | Ahli | 4/5 | 80 |
| 15 | **YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang** | Ahli | 5/5 | 100 |
| 16 | **YBhg. Dato' Dr. Afifi al-Akiti** | Ahli | 4/5 | 80 |
| 17 | **YDH. Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari** | Ahli | 4/5 | 80 |
| 18 | **YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi** | Ahli | 3/5 | 60 |
| 19 | **YDH. Toh Seri Maharajalela Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd. Ghani** | Ahli | 4/5 | 80 |
| 20 | **YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin** | Ahli | 5/5 | 100 |
| 21 | **YDH. CP Dato' Pahlawan Hasnan bin Hassan** | Ahli | 2/5 | 40 |
| 22 | **YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi** (dilantik 1 Januari 2018) | Ahli | 5/5 | 100 |
| 23 | **Tuan Haji Mohd Hanid bin Abdullah Sani** (dilantik 1 Januari 2018) | Ahi | 3/5 | 60 |
| 24 | **YBhg. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir** (dilantik bermula 1 Januari 2018) | Ahli | 4/5 | 80 |
| 25 | **YBrs. Tuan Haji Md Suaid bin Din** (dilantik bermula 1 Mac 2018) | Ahli | 4/4 | 100 |
| 26 | **YBrs. Profesor Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz** (dilantik bermula 1 Mac 2018) | Ahli | 4/4 | 100 |
| 27 | **YDH. Toh Seri Lela Paduka Dr. Khalid bin Ismail** (dilantik bermula 1 Jun 2018) | Ahli | 3/3 | 100 |
| 28 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed** (tamat pada 1 Ogos 2018) | Setiausaha | 3/3 | 100 |
| 29 | **YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman** (dilantik bermula 16 Ogos 2018) | Setiausaha | 2/2 | 100 |

## Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh MAIPk

Persidangan MAIPk telah memberikan tanggungjawab tertentu kepada jawatankuasa-jawatankuasa di bawah MAIPk yang melaksanakannya menurut terma-terma rujukan yang diberikan dengan jelas. Jawatankuasa-jawatankuasa utama adalah seperti berikut:

## Jawatankuasa Fatwa

Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Menyediakan nas-nas mengenai sesuatu hukum berhubungan dengan apa-apa isu atau permasalahan agama yang berbangkit, serta mengeluarkan fatwa mengenainya.
- Menasihati MAIPk dalam memutuskan perkara berkaitan pentadbiran agama seperti penentuan asnaf Fakir dan Miskin, perakuan permohonan mendirikan masjid, surau dan solat Jumaat, memperakukan pelantikan Imam dan Bilal, penentuan sempadan kariah, pentauliahan mengajar agama serta mengawasi penularan ajaran sesat di kalangan masyarakat Islam di negeri Perak.

Pada tahun 2018, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat (4) kali. Jawatankuasa ini telah membincangkan 34 isu dan persoalan. Berikut merupakan senarai keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak :-

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran Mesyuarat | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**<br>*Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan* | Pengerusi | 4/4 | 100 |
| 2. | **YBrs. Tuan Haji Zamri bin Hashim**<br>*Timbalan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 3. | **YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Hussin**<br>*Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 4. | **YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 5. | **S.F Tuan Haji Mohd Suaid bin Din**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 6. | **YBrs. Tuan Haji Mat Dali bin Ghazali**<br>*Pesara Guru* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 7. | **YBhg. Prof. Dr. Jamil bin Hashim**<br>*Pensyarah Kanan, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 8. | **YBhg. Prof. Madya Dr. Haji Ahmad Husni bin Haji Hasan**<br>*Pensyarah Kanan, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 9. | **YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz bin Abdul Khir**<br>*Pensyarah Kanan, Universiti Islam Malaysia (UIM)* | Ahli | 2/4 | 50 |
| 10. | **YBhg. Prof. Madya Dr. Lukman bin Abdul Mutalib**<br>*Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 11. | **Tuan Haji Ustaz Kamaruddin bin Adam**<br>*Ketua Penolong Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan* | Setiausaha | 4/4 | 100 |

## Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Memproses permohonan bagi kajian dan penggubalan Undang-Undang Syariah berkaitan.
- Mengkaji dan menyediakan peruntukan Undang-Undang Syariah berkaitan untuk penggubalan.
- Menggubal mana-mana Undang-Undang Syariah bagi memenuhi kehendak Persidangan Majlis Agama Islam dan'Adat Melayu Perak.
- Membawa sebarang penggubalan dan pindaan Undang-Undang Syariah berkaitan ke Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak untuk kelulusan.
- Menyempurnakan proses pewartaan Undang-Undang Syariah yang diluluskan oleh Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dan Dewan Perundangan Negeri Perak.

Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah:

| Bil | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | **YB Dato' Rohana binti Abd. Malek**<br>*Penasihat Undang-Undang Negeri Perak* | Pengerusi |
| 2. | **YABhg SS Tan Sri Dato Seri Dr. Hj. Harussani bin Hj. Zakaria**<br>*Mufti Negeri Perak* | Ahli |
| 3. | **YBhg Dato' Hj. Asa'ari bin Hj. Mohd Yazid**<br>*Ketua Hakim Syarie Negeri Perak* | Ahli |
| 4. | **YBhg Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin**<br>*Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli |
| 5. | **YBhg Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd Ghani**<br>*Ahli Dewan Negara* | Ahli |
| 6. | **YBhg Dato' Hj. Zainul Rijal bin Abu Bakar**<br>*Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia* | Ahli |
| 7. | **YBhg. Dato' Dr Amiruddin bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha |

## Jawatankuasa Audit

Bidang Tugas & Tanggungjawab

- Menyemaktimbal penyata-penyata kewangan Majlis bagi memastikan ia benar-benar telah disediakan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang dipersetujui serta peraturan-peraturan kewangan yang lazim berkuatkuasa bagi agensi kerajaan, mengikut mana yang diterima pakai;
- Mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan Majlis dan juruaudit luar mengenai:-
  - (i) perubahan-perubahan yang dicadangkan ke atas polisi perakaunan;
  - (ii) kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan transaksi-transaksi yang signifikan dan luar biasa, di mana pendekatan yang berbeza adalah munasabah untuk diaplikasikan;
  - (iii) pematuhan ke atas piawaian perakaunan;
  - (iv) pelarasan yang timbul berikutan proses pengauditan dan transaksi pihak berkaitan; dan
  - (v) semua anggaran (estimates) atau pertimbangan perakaunan (accounting judgements) oleh pihak Pengurusan Majlis yang mungkin material dan boleh memberi kesan kepada pelaporan kewangan.
- Menyemak transaksi pihak berkaitan (related party transactions) dan menimbangkan sama ada pendedahan mengenai perkara ini telah dibuat secukupnya di dalam penyata kewangan.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak empat (4) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Audit :

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **YDH Toh Seri Lela Paduka Dr. Khalid bin Ismail**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*<br>(Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit bermula 28.7.2018 | Pengerusi | 2/2 | 100 |
| 2. | **YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 2/2 | 100 |
| | (Pengerusi Jawatankuasa Audit bermula 5.1.2018 hingga 28.7.2018) | Ahli | 2/2 | 100 |
| 3. | **YBhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 4. | **YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 5. | **YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Mer Roslan bin Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 6. | **YBhg. Dato' Dr Amiruddin bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*<br>(Setiausaha sehingga 31 Julai 2018) | Setiausaha | 2/2 | 100 |
| 7. | **YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*<br>(Dilantik sebagai Setiausaha 1 Ogos 2018) | Setiausaha | 2/2 | 100 |

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Bidang Tugas & Tanggungjawab

Jawatankuasa Pengurusan Risiko diperturunkan kuasa oleh MAIPk berkaitan semua aktiviti pengurusan risiko merangkumi aspek pematuhan strategi, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak bagi pihak MAIPk dan bertanggung jawab kepada MAIPk.

- Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.
- Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.
- Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.
- Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Pengurusan MAIPk.
- Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada MAIPk.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak dua (2) kali seperti yang digariskan dalam terma rujukan. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko :

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 2/2 | 100% |
| 2. | **YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 2/2 | 100% |
| 3. | **YBhg. Dato' Haji Asád bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 2/2 | 100% |
| 4. | **YBhg. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/2 | 50 |
| 5. | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*<br>(Tamat lantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Julai 2018) | Setiausaha | 1/1 | 100 |
| 6. | **YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman**<br>*Timbalan Ketua Eksekutif Pengurusan, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 1/1 | 100 |

## Jawatankuasa Pendidikan Tahfiz Negeri Perak Darul Ridzuan

Bidang Tugas & Tanggungjawab:

- Mengkaji keadaan status berkenaan jenis, kandungan, organisasi, tatacara dan kaedah kurikulum yang digunapakai dan ditawarkan di semua institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dalam negeri Perak Darul Ridzuan;
- Mengkaji organisasi dan tatacara pentadbiran dan pengurusan sekolah sekolah tahfiz dalam negeri Perak dan membuat perakuan-perakuan bagi memantapkan lagi perjalanan pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah tahfiz;
- Menyemak dan memperakukan kurikulum pendidikan tahfiz serta garis panduan tatacara pelaksanaannya di semua institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dalam negeri Perak; dan
- Memperakukan kursus pengajian yang mempunyai nilai tinggi bagi memantapkan lagi institusi tahfiz di negeri Perak untuk melahirkan insan "yang harmonis dan bersepadu" selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak sekali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pendidikan Tahfiz Negeri Perak Darul Ridzuan :

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd Nordin**<br>*Yang DiPertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 1/1 | 100 |
| 2 | **Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi al-Akiti**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Timbalan Pengerusi | 1/1 | 100 |
| 3 | **YBhg. Profesor Dato Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff**<br>*Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)* | Ahli | 0/1 | 0 |
| 4 | **YB. Dato' Drs. Mohd Nizar bin Hj. Zakaria**<br>*Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam, Pembangunan Sahsiah Negeri Perak* | Ahli | 0/1 | 0 |
| 5 | **YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin**<br>*Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Setiausaha | 1/1 | 100 |
| 6 | **YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof**<br>*Timbalan Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah* | Ahli | 0/1 | 0 |
| 7 | **YBhg. Prof. Dr. Muhammad Bukhairi Lubis**<br>*Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 8 | **YBhg. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 9 | **YBhg. Dr. Ahmad Yunus bin Kasim**<br>*Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah* | Ahli | 0/1 | 0 |
| 10 | **A.F. Tuan Haji Mohd Nasar bin Kordi**<br>*Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli | 0/1 | 0 |
| 11 | **A.F. Ustaz Azmi bin Ahmad**<br>*Pensyarah, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)* | Ahli | 1/1 | 100 |

## Jawatankuasa Pengurusan Wakaf

Bidang Tugas & Tanggungjawab:

- Membantu MAIPk mentadbir urus perkara berkaitan wakaf di Negeri Perak.
- Membantu MAIPk menjalankan kewajipan atau melaksanakan kuasa-kuasanya berhubung dengan wakaf. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf bertindak bagi pihak MAIPk dan bertanggungjawab kepada MAIPk.
- Memantau semua harta dan hasil Tabung Amanah Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) dan membuat keputusan berkaitan perbelanjaan dan pelaburan dana WPAR.
- Meneliti cadangan pembangunan wakaf serta memberi pertimbangan dan kelulusan kepada sesuatu cadangan pembangunan wakaf.
- Menyelia dan memantau pelaksanaan pembangunan wakaf MAIPk termasuk projek atau program di bawah WPAR.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak sekali (1). Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pengurusan Wakaf :

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **YABhg. Tan Sri Dato`Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin**<br>*Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 1/1 | 100 |
| 2. | **YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajuddin**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 3. | **YBhg. Dato` Seri Mohd Annuar bin Zaini**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 4. | **YABhg. Dato` Seri Zainal Adzam bin Abd Ghani**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 5. | **YBhg Dato' Profesor Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof**<br>*Timbalan Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah* | Ahli | 0/1 | 0 |
| 6. | **YDH Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Haji Ahmad**<br>*Orang Besar Jajahan Daerah Muallim* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 7. | **YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani**<br>*Ahli Korporat* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 8 | **YM Raja Halinuddin bin Raja Halid**<br>*Pejuang Wakaf* | Ahli | 1/1 | 100 |
| 9. | **YBhg. Dato' Dr Amiruddin bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 1/1 | 100 |

## Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

Bidang Tugas & Tanggungjawab:

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan kes baru atau kes rayuan, di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah tidak melebihi RM1juta.
- Meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal tidak melebihi RM1 juta.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak dua puluh dua (22) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi:-

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YBhg. Dato' Dr Amiruddin bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*<br>(Tamat pada 31 Julai 2018) | Pengerusi | 14/14 | 100 |
| 2 | **YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman** | Pengerusi | 8/8 | 100 |
| | *Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk*<br>(Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Ogos 2018) | Ahli | 12/14 | 85.7 |
| 3 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria**<br>*Mufti Kerajaan Negeri Perak* | Ahli | 3/22 | 13.6 |
| 4 | **YABhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin**<br>*Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak.* | Ahli | 9/22 | 40.9 |
| 5 | **YABhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**<br>*Ahli Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 10/22 | 45.5 |
| 6 | **YABhg. Dato' Haji As'ad bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 19/22 | 86.4 |
| 7 | **YBrs.Tuan Haji Md Suaid bin Din**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 7/22 | 31.8 |
| 8 | **Puan Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan),*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 16/22 | 72.7 |
| 9 | **Encik Rohizan bin Omar**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 20/22 | 90.9 |
| 10 | **Encik Ariff bin Apandi**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Kewangan,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 17/22 | 77.3 |
| 11 | **Encik Suhaimi bin Yusoff**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 19/22 | 86.4 |
| 12 | **Encik Ahmad Nazim bin Md. Tajuri**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 17/22 | 77.3 |
| 13 | **Encik Mohd Saufi bin Ibrahim**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan Korporat dan Perancangan Strategik,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 8/22 | 36.4 |
| 14 | **Encik Bakri bin Lee**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 21/22 | 95.5 |

## Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

Bidang Tugas & Tanggungjawab:

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan kes baru di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah tidak melebihi RM30,000 dan tidak termasuk mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan permohonan bantuan.

Sepanjang tahun 2018, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak lapan belas (18) kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan :

| Bil | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 18/18 | 100 |
| 2 | **Puan Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan),*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 8/18 | 44.5 |
| 3 | **Tuan Haji Zamri bin Hashim**<br>*Timbalan Mufti Negeri Perak,* | Ahli | 5/18 | 27.8 |
| 4 | **Ustaz Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim**<br>*Timbalan Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak.* | Ahli | 10/18 | 55.6 |
| 5 | **Tuan Haji Ab Rahman Thobroni bin Haji Mohd Mansor**<br>*Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak* | Ahli | 9/18 | 50 |
| 6 | **Encik Abdul Razak bin Che Embi**<br>*Ketua Penolong Pengarah,*<br>*Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak* | Ahli | 14/18 | 77.8 |
| 7 | **Encik Rohizan bin Omar**<br>*Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 14/18 | 77.8 |
| 8 | **Encik Ariff bin Apandi**<br>*Pengurus Besar Bahagian Kewangan,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 13/18 | 72.2 |
| 9 | **Encik Ahmad Nazim bin Md. Tajuri**<br>*Pengurus Besar Bahagian Pemasaran*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu PeraK* | Ahli | 9/18 | 50 |
| 10 | **Encik Suhaimi bin Yusoff**<br>*Pengurus Besar Bahagian Pengurusan*<br>*& Pembangunan Mal & Wakaf,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 13/18 | 72.2 |
| 11 | **Encik Mohd Saufi bin Ibrahim**<br>*Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat*<br>*dan Perancangan Strategik,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 5/18 | 27.8 |
| 12 | **Encik Bakri bin Lee**<br>*Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 18/18 | 100 |

## Jawatankuasa Baitulmal Daerah

### 1. DAERAH KUALA KANGSAR

**PENGERUSI**
YABHG. ORANG KAYA TEMENGGONG PADUKA TUAN DATO' SERI HAJI MOHD FATHIR @ FADZIR BIN HAJI WAN HUSSAIN
*ORANG BESAR JAJAHAN KUALA KANGSAR*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. ENCIK AHMAD MUNIR BIN ISHAK
*PEGAWAI DAERAH, PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA KANGSAR.*

### 2. DAERAH TAIPING DAN SELAMA

**PENGERUSI**
YABHG. ORANG KAYA MENTERI PADUKA TUAN DATO' WAN MOHD ISA BIN DATO' HAJI WAN MOHD RAZALLI
*ORANG BESAR JAJAHAN LARUT MATANG DAN SELAMA*

**PENGERUSI BERSAMA**
ENCIK MOHAMED AKMAL BIN DAHALAN
*PEGAWAI DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA*

### 3. DAERAH BAGAN SERAI

**PENGERUSI**
YDH. TOH MAHARAJA INDERA, DATO HAJI KHAIRUDDIN BIN ARSHAD
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH KERIAN*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN MOHD SABLI BIN BAKRI
*PEGAWAI DAERAH KERIAN*

### 4. DAERAH TELUK INTAN

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA-KAYA LAKSAMANA RAJA MAHKOTA DATO' HJ MEOR REDWAN BIN MAHAYUDIN
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH HILIR PERAK*

**PENGERUSI BERSAMA**
PUAN MARLIA BINTI MOHD BELIA
*PEGAWAI DAERAH HILIR PERAK*

### 5. DAERAH PENGKALAN HULU, GERIK, DAN LENGGONG

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR MUDA, DATO MEOR ROSLAN BIN DATO' SERI MEOR AHMAD RASHIDI
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH HULU PERAK*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. TUAN ZULHISHAM BIN AHMAD SHUKORI
*PEGAWAI DAERAH HULU PERAK*

### 6. DAERAH IPOH DAN BATU GAJAH

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA PANGLIMA KINTA SERI AMAR BANGSA DIRAJA DATO' AB WAHAB BIN DATO' SERI AZIZUL HASSAN.
*ORANG BESAR JAJAHAN KINTA*

**PENGERUSI BERSAMA**
PUAN HAZIZAH BINTI SITUN
*PEGAWAI DAERAH KINTA*

### 7. DAERAH MUALLIM

**PENGERUSI**
YDH. TOH PADUKA SETIA DATO IR DR SAFRY KAMAL BIN HJ AHMAD
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH MUALLIM*

**PENGERUSI BERSAMA**
ENCIK SHAMSUL RIDZUAN BIN IDRIS
*PEGAWAI DAERAH MUALLIM*

### 8. DAERAH TAPAH

**PENGERUSI**
YDH. TOH PADUKA INDERA DATO' MAT RASID BIN AYOB
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH BATANG PADANG*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN HAJI MOHAMMAD YUSOFF BIN ABUSTAN
*PEGAWAI DAERAH BATANG PADANG*

### 9. DAERAH SERI ISKANDAR DAN KAMPONG GAJAH

**PENGERUSI**
YABHG ORANG KAYA-KAYA SETIA BIJAYA DIRAJA HAJI MOHD GHAZALI B. HAJI ABDUL RAHMAN
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH PERAK TENGAH*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN MUHAMAD GHOPRAN BIN YEOP HAMZAH
*PEGAWAI DAERAH PERAK TENGAH*

### 10. DAERAH KAMPAR

**PENGERUSI**
YDH. TOH SEDEWA RAJA DATO' HAJI ABDUL TALIB BIN ABD FAHMI
*ORANG BESAR JAJAHAN KAMPAR*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN KHAIRUL ANWAR BIN RAMLI
*PEGAWAI DAERAH KAMPAR*

### 11. DAERAH MANJUNG

**PENGERUSI**
TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B) DATO SHAHARUDIN BIN HJ. NAZARI
*ORANG BESAR JAJAHAN MANJUNG*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. DATO' MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANIP
*PEGAWAI DAERAH MANJUNG*

### 12. DAERAH BAGAN DATUK

**PENGERUSI**
YDH TOH SERI LELA PADUKA DR. KHALID BIN ISMAIL
*ORANG BESAR JAJAHAN BAGAN DATUK*

## KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA BAITULMAL DAERAH TAHUN 2018

| BIL | BILANGAN MESYUARAT | IPOH DAN BATU GAJAH | KUALA KANGSAR | SELAMA | TAIPING | BAGAN SERAI | P. HULU GERIK LENGGONG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | JKBD KALI KE-01/2018 | 25/01/2018 | 23/01/2018 | 25/01/2018 | 25/01/2018 | 22/01/2018 | 24/01/2018 |
| 2 | JKBD KALI KE-02/2018 | 27/02/2018 | 03/03/2018 | 23/02/2018 | 23/02/2018 | 21/02/2018 | 27/02/2018 |
| 3 | JKBD KALI KE-03/2018 | 29/03/2018 | 12/03/2018 | 29/03/2018 | 29/03/2018 | 29/03/2018 | 28/03/2018 |
| 4 | JKBD KALI KE-04/2018 | 25/04/2018 | 19/04/2018 | 26/04/2018 | 26/04/2018 | 26/04/2018 | 26/04/2018 |
| 5 | JKBD KALI KE-05/2018 | 30/05/2018 | 27/06/2018 | 04/06/2018 | 04/06/2018 | 16/05/2018 | 21/05/2018 |
| 6 | JKBD KALI KE-06/2018 | 03/07/2018 | 23/07/2018 | 27/07/2018 | 27/07/2018 | 29/06/2018 | 06/07/2018 |
| 7 | JKBD KALI KE-07/2018 | 01/08/2018 | 28/08/2018 | 30/08/2018 | 30/08/2018 | 02/08/2018 | 25/08/2018 |
| 8 | JKBD KALI KE-08/2018 | 27/08/2018 | 28/09/2018 | 23/10/2018 | 23/10/2018 | 07/09/2018 | 07/09/2018 |
| 9 | JKBD KALI KE-09/2018 | 27/09/2018 | 18/10/2018 | 30/10/2018 | 30/10/2018 | 18/10/2018 | 28/09/2018 |
| 10 | JKBD KALI KE-10/2018 | 31/10/2018 | 23/11/2018 | 23/11/2018 | 23/11/2018 | 03/12/2018 | 30/10/2018 |
| 11 | JKBD KALI KE-11/2018 | 27/11/2018 | 18/12/2018 | 30/11/2018 | 30/11/2018 | 26/12/2018 | 23/11/2018 |
| 12 | JKBD KALI KE-12/2018 | 28/12/2018 | | 26/12/2018 | 26/12/2018 | | 28/12/2018 |

| TELUK INTAN | TAPAH | MUALLIM | SERI ISKANDAR | KAMPONG GAJAH | KAMPAR | MANJUNG | PARIT BUNTAR | BAGAN DATUK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 01/01/2018 | 25/01/2018 | 23/01/2018 | 24/01/2018 | 24/01/2018 | 25/01/2018 | 23/01/2018 | 22/01/2018 | 29/03/2018 |
| 25/01/2018 | 23/02/2018 | 27/02/2018 | 28/03/2018 | 28/03/2018 | 28/02/2018 | 22/02/2018 | 21/02/2018 | 30/04/2018 |
| 22/02/2018 | 29/03/2018 | 23/03/2018 | 25/04/2018 | 25/04/2018 | 28/03/2018 | 29/03/2018 | 29/03/2018 | 31/05/2018 |
| 21/03/2018 | 26/04/2018 | 27/04/2018 | 07/06/2018 | 07/06/2018 | 25/04/2018 | 25/04/2018 | 26/04/2018 | 03/07/2018 |
| 24/04/2018 | 28/06/2018 | 31/05/2018 | 27/07/2018 | 27/07/2018 | 28/05/2018 | 23/05/2018 | 16/05/2018 | 13/08/2018 |
| 24/05/2018 | 09/08/2018 | 25/07/2018 | 07/09/2018 | 07/09/2018 | 13/07/2018 | 29/06/2018 | 29/06/2018 | 30/08/2018 |
| 27/06/2018 | 28/08/2018 | 29/08/2018 | 27/09/2018 | 27/09/2018 | 26/07/2018 | 25/07/2018 | 02/08/2018 | 28/09/2018 |
| 23/07/2018 | 28/09/2018 | 24/09/2018 | 30/11/2018 | 30/11/2018 | 29/08/2018 | 29/08/2018 | 07/08/2018 | 30/11/2018 |
| 27/10/2018 | 18/10/2018 | 26/10/2018 | 01/12/2018 | 01/12/2018 | 26/09/2018 | 02/10/2018 | 18/10/2018 | 28/12/2018 |
| 30/11/2018 | 21/11/2018 | 26/11/2018 | 26/12/2018 | 26/12/2018 | 01/11/2018 | 01/11/2018 | 03/12/2018 | |
| 26/12/2018 | 05/12/2018 | 18/12/2018 | | | 29/11/2018 | 21/11/2018 | 26/12/2018 | |
| | | 28/12/2018 | | | 27/12/2018 | 24/12/2018 | | |

## Perhubungan Dengan Juruaudit

MAIPk telah mewujudkan hubungan yang wajar dan telus dengan Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) selaku juruaudit berkanun MAIPk. JANM telah melaporkan kepada pihak pengurusan MAIPk melalui mesyuarat sekurang kurangnya setahun sekali berkenaan penemuan-penemuan mereka terhadap pengurusan kewangan tahunan MAIPk untuk perhatian dan tindakan pihak pengurusan MAIPk. Laporan JANM terhadap kedudukan kewangan dan urusan kendalian MAIPk serta perkara-perkara yang didedahkan dalam Penyata Kewangan MAIPk bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah dizahirkan menerusi Sijil Ketua Audit Negara yang dibentangkan pada muka surat 55-61.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- PENGENALAN
- ULASAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN
- LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO
- PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

## PENGENALAN

Penyataan ini disediakan berpandukan Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Penerbit Tersenarai (Garis Panduan) yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Garis Panduan ini memberi panduan kepada syarikat-syarikat bagi mematuhi perenggan 15.26(B) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Prinsip 6 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada Mac 2012. Sebagai sebuah badan berkanun, tidak ada keperluan bagi Pengurusan MAIPk untuk mematuhi garis panduan tersebut. Bagaimanapun, Pengurusan MAIPk berpegang teguh kepada ketetapan untuk mengikuti amalan urus tadbir yang baik dan telah memilih untuk mematuhinya mengikut framework pelaporan Pengurusan MAIPk. Penyataan ini menggariskan jenis dan skop sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan MAIPk sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan ini.

## TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

MAIPk menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Pengurusan MAIPk, MAIPk memainkan peranan fungsi pengawasan dan memastikan pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi mengekalkan tadbir urus yang baik.

MAIPk bertanggungjawab ke atas pengawasan risiko utama dan menitikberatkan pengurusan risiko di setiap operasi dan proses Pengurusan MAIPk. MAIPk juga memperakui bahawa sistem kawalan dalaman yang mantap dapat memastikan pencapaian objektif Pengurusan MAIPk tidak terjejas, operasi yang berkesan dan cekap, pelaporan kewangan yang andal, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai serta perlindungan aset Pengurusan MAIPk yang wajar. MAIPk memperakui sistem kawalan dalaman yang direka bentuk oleh Pengurusan MAIPk adalah bertujuan untuk menangani dan mengurangkan risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian mandat dan objektif Pengurusan MAIPk.

Semakan terhadap keberkesanan, integriti dan kesempurnaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan MAIPk merupakan satu proses bersepadu dan berterusan. Proses ini melibatkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan, Audit Dalaman dan Khidmat Perundingan serta Juruaudit Luaran.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja Pengurusan Risiko Pengurusan Majlis adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Risiko Australia / New Zealand (AS/NZS 4360:2004). Rangka kerja Pengurusan Risiko menggariskan tadbir urus dan struktur, proses serta tanggungjawab pengurusan risiko di seluruh Pengurusan MAIPk. Rangka kerja ini juga memberi satu instrumen untuk membuat unjuran dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran operasi luaran dan dalaman Pengurusan MAIPk.

Struktur pengawasan Pengurusan Risiko memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut kecenderungan risiko Pengurusan MAIPk.




Unit Perancangan Strategik dan Risiko juga bertindak sebagai sekretariat kepada Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Sebagai sekretariat, Unit Perancangan Strategik dan Risiko bertanggungjawab bagi pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan polisi dan prosedur pengurusan risiko. Unit Perancangan Strategik dan Risiko menyokong pengurusan dengan menjalankan aktiviti pengurusan risiko, menyediakan penilaian keupayaan pengurusan risiko dan memberi cadangan yang sesuai bagi penambahbaikan, jika diperlukan.

# ULASAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## JAWATANKUASA

MAIPk telah menubuhkan beberapa jawatankuasa-jawatankuasa yang bertindak dan mengamalkan urus tadbir yang baik, telus dan berakauntabiliti serta berintegriti. Setiap jawatankuasa memainkan peranan sebagai pandu arah, pemantau dan menyediakan khidmat nasihat kepada operasi agar bergerak pada landasan dasar dan polisi yang telah ditetapkan MAIPk. Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat secara langsung dengan kawalan dalaman adalah Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit. Namun terdapat juga jawatankuasa-jawatankuasa kerja induk yang terlibat secara tidak langsung dengan kawalan dalaman seperti Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Akaun, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Lantikan dan Jawatankuasa Tatatertib.

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Peranan utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah membantu pengurusan dalam memastikan kelancaran dan keteguhan kerangka kerja pengurusan risiko bagi mendepani segala rintangan untuk mencapai objektif organisasi. Terma Rujukan dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko dijelaskan secara terperinci di muka surat 117 hingga muka surat 118 pada Laporan Tahunan ini.

## JAWATANKUASA AUDIT

Peranan utama Jawatankuasa Audit adalah menilai keperluan dan keberkesanan kerangka kerja kawalan dalaman Pengurusan MAIPk termasuklah memastikan perlaksanaan polisi kawalan, dan memantau integriti kawalan dalaman serta sistem pengurusan informasi menerusi fungsi Audit Dalam. Pada masa yang sama, jawatankuasa menyelia laporan kewangan Pengurusan MAIPk bagi memastikan ia dibentang dengan tepat dan menggambarkan status prestasi kewangan Pengurusan MAIPk yang sebenar serta mematuhi undang-undang dan kehendak standard penyediaan laporan kewangan.

## PENGURUSAN

Pihak Pengurusan mengambil maklum bahawa tanggungjawab mereka dalam melaksanakan proses mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko serta kawalan dalaman memerlukan ketelitian dan masa bagi langkah pembetulan yang perlu diambil.

Pengurusan memberi jaminan kepada MAIPk bahawa pengurusan risiko dan kawalan dalaman diuruskan dengan baik dan berkesan. Pengurusan telah melaksanakan proses-proses yang diperlukan seperti:

- Mengenalpasti dan menganalisa insiden risiko di MAIPk dan menilai pencapaian objektif serta menetapkan strategi
- melaksana kerangka kerja pengurusan risiko dan memantau agar tersusun mengikut strategi ditetapkan
- Mengenalpasti perubahan akibat kewujudan risiko, mengambil tindakan yang sewajarnya serta segera mendapatkan perhatian MAIPk.

**a) Persekitaran Kawalan**
Persekitaran kawalan adalah merujuk kepada struktur organisasi dan budaya kerja yang diterapkan oleh Pengurusan MAIPk bersama pekhidmat-pekhidmat untuk mengekalkan sokongan organisasi terhadap kawalan dalaman yang efektif. Komitmen Pengurusan MAIPk untuk membina dan mengekalkan keberkesanan kawalan dalaman adalah melalui struktur organisasi, jawatankuasa-jawatankuasa kerja, nilai korporat (muafakat, akrab, integriti, profesionalisme dan kesederhanaan), etika kerja, objektif organisasi dan polisi-polisi yang ditetapkan.

**b) Penilaian Risiko**
Penilaian Risiko adalah proses mengenalpasti dan menganalisa risiko yang mengganggu gugat usaha merealisasikan objektif organisasi. Mengurus risiko adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, proses-proses interaksi melibatkan langkah-langkah yang teliti dan teratur sentiasa dititikberatkan dalam setiap keputusan atau ketetapan yang hendak diputuskan. Pekhidmat juga dibenarkan dan digalakkan agar mengenalpasti risiko di persekitaran tempat kerja masing-masing. Malah, pekhidmat diminta menilai tahap keberkesanan kawalan dalaman yang dipraktiskan.

**c) Aktiviti Kawalan**
Yang dimaksudkan oleh aktiviti kawalan adalah merujuk kepada prosedur yang membantu Pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan lancar dan baik.

**d) Informasi dan Komunikasi**
Maklumat-maklumat penting yang dikenalpasti, diambil perhatian dan dibincangkan dalam medium yang bersesuaian. Walaupun tidak menjadi polisi komunikasi yang rasmi, MAIPk mengamalkan komunikasi secara terbuka. Komunikasi terbuka ini adalah budaya yang mampu memotivasi pekhidmat untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Dimensi-dimensi komunikasi diterap dengan baik bagi memastikan keperluan dan kehendak pelanggan dapat ditangani serta memperlihatkan komunikasi yang berkesan. Dengan itu, maklumbalas tahap perkhidmatan juga adalah dialu-alukan demi proses penambahbaikan perkhidmatan.

**e) Pemantauan**
Memantau keberkesanan kawalan dalaman adalah satu kewajiban bagi setiap jabatan. Penilaian secara berkala dilaksanakan sebagai komitmen berterusan termasuklah pelaporan kewangan setiap suku tahun, pelaporan pencapaian petunjuk prestasi utama serta pelaporan etika dan tingkah laku semua pekhidmat.

# LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

## KEAHLIAN

Keahlian Jawatankuasa adalah dilantik oleh MAIPk dari kalangan ahli-ahli MAIPk yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan risiko. Ahli-ahli tersebut adalah seperti berikut:

| BIL | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1 | YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini | Pengerusi |
| 2 | YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed | Ahli |
| 3 | YBhg. Dato' Haji Asád bin Awang | Ahli |
| 4 | YBhg. Tuan Haji Dr. Mohd Fahmi bin Abdul Khir | Ahli |
| 5 | YBrs. Dr. Amiruddin bin Muhamed (sehingga 31 Julai 2018) | Setiausaha |
| 6. | YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman (bermula 01 Ogos 2018) | Setiausaha |

## RINGKASAN TERMA RUJUKAN

Terma Rujukan memantapkan kedudukan kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Kunci utama peranan dan tanggungjawab jawatankuasa diringkaskan seperti berikut:

i. Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.
ii. Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.
iii. Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.
iv. Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktivi pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh MAIPk.
v. Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada MAIPk.

# LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO

## RISIKO OPERASI

Pada tahun 2018, pelaksanaan beberapa aktiviti diteruskan sebagai pelan tindakan bagi menangani risiko-risiko operasi yang dikenalpasti melalui isu-isu perjawatan dan keselamatan teknologi maklumat.

## OPERASI PERJAWATAN

Jawatankuasa bersama pengurusan MAIPk memberi perhatian yang sangat serius berkaitan isu perjawatan yang menjadi antara elemen penting bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan yang terbaik. Justeru, satu kajian awal tentang keperluan perjawatan MAIPk dilaksanakan. Kajian tersebut memberi fokus kepada situasi perjawatan semasa dan keperluan perjawatan untuk tempoh 10 tahun akan datang.

## KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Hampir keseluruhan proses kerja di MAIPk bergantung dengan sistem teknologi maklumat. Maka, keselamatan sistem, maklumat dan data-data perlu dipastikan. Selain menggunakan ´encrypted email', keberkesanan Disaster Recovery Plan (DRP) juga dipantau dengan teliti. Pihak pengurusan mengambil tindakan berkaitan kekerapan semakan Server Pendua dengan menjalankan semakan mengikut jadual yang telah disediakan.

## RISIKO KEWANGAN

Pematuhan pekeliling / perbendaharaan diteruskan menjadi keutamaan sebagai risiko kewangan pada tahun 2018.

## PEMATUHAN PEKELILING / PERBENDAHARAAN

Penumpuan pada kali ini adalah bagi mengelak atau mencegah daripada berlakunya risiko ketidakpatuhan dasar dan peraturan-peraturan percukaian.

Amalan pemulangan bayaran zakat di MAIPk mematuhi dasar dan peraturan-peraturan percukaian yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pemulangan bayaran zakat hanya dibenarkan kepada sektor korporat dan institusi pendidikan. Langkah-langkah kawalan sedia ada sentiasa diberi perhatian dan ia masih terkawal.

# PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

## RISIKO REPUTASI

Risiko reputasi bukan sahaja boleh terjadi sekiranya masyarakat kurang yakin dan kurang memberi sambutan terhadap produk-produk yang dilancarkan oleh MAIPk. Malah, ia mungkin akan berlaku impak daripada penyataan media oleh pekhidmat MAIPk mahupun masyarakat sekeliling.

## PENYATAAN MEDIA

Pada tahun 2018 juga, SOP Pengurusan Media dibangunkan oleh pengurusan dan diperakukan oleh MAIPk sebagai panduan dan alat bantu kepada pasukan media yang dilantik untuk menjalankan tanggungjawab mengendalikan isu-isu yang timbul daripada facebook, instagram, youtube dan portal. Penyataan-penyataan media berbentuk tohmahan dan liputan negatif perlulah ditangani dengan bijak serta mematuhi tindakan yang sepatutnya mengikut turutan prosedur yang ringkas, tepat dan mudah difahami.

Pengurusan Hartanah Baitulmal / Wakaf Risiko-risiko yang terlibat berkaitan hartanah wakaf /baitulmal adalah melibatkan pengagihan hasil wakaf / projek-projek MAIPk sebagai pemegang amanah wakaf, perkongsian ilmu wakaf, pencerobohan / penerokaan / usaha haram, status pemilikan perwakafan yang tidak sempurna, kerancakan pembangunan wakaf dan baitulmal yang kurang memberansangkan, penambahan stok-stok hartanah yang kurang agresif dan sistem kutipan sewaan yang kurang efisyen.

Setiap risiko yang disenaraikan dinilai dan disediakan pelan tindakan yang bersesuaian bagi memastikan impaknya pada tahap minimum. Namun, tanah wakaf dan baitulmal terbiar disebabkan oleh tanah-tanah yang tidak berpotensi untuk disewakan dan dimajukan, diberi perhatian oleh Pengurusan MAIPk memandangkan risiko ini mempunyai tahap risiko yang tinggi dan menjejaskan reputasi MAIPk dengan kadar impak yang besar.

## RUMUSAN

Kejayaan perlaksanaan Pengurusan Risiko di MAIPk adalah bergantung kepada penerimaan disiplin pengurusan risiko. Sebagai penghargaan, MAIPk akan sentiasa menguruskan risiko dengan baik dan memperteguhkan disiplin serta memartabatkan pengurusan risiko kepada tahap yang lebih baik. Pengurusan risiko adalah proses yang dinamik dan memerlukan kepada pemantauan secara berterusan bagi memastikan keberkesanannya.

## PENGENALAN

Pada tahun 2018, MAIPk terus memberikan penekanan kepada Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP). Pengurusan risiko kecemasan (ERM) sentiasa meletakkan usaha-usaha mitigasi bagi memastikan daya pulih perkhidmatan-perkhidmatan utama dalam tahap terbaik walaupun berlaku sebarang bencana.

## PKP UNTUK PELANGGAN

Antara hala tuju PKP pada tahun ini, MAIPk membuat semakan terhadap Pelan Kesinambungan Perkhidmatan khusus pada skop pelanggan. Ia merujuk kepada kesesuaian keperluan penyampaian perkhidmatan dengan peredaran masa. Maka ia melibatkan perlaksanaan analisa terhadap rantaian nilai pelanggan. Berdasarkan analisa yang dilaksanakan, MAIPk memastikan keutuhan sistem-sistem secara optima, proses kerja yang mesra pelanggan dan efisyen serta kepelbagaian rangkaian yang berkesan. Perkara-perkara tersebut adalah bersandarkan keupayaan dalaman dan penambahbaikan yang berterusan di peringkat operasi.

## PKP UNTUK PENGURUSAN PERUBAHAN

Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan dibuat semakan dan diuji secara berkala bagi memastikan penggunaan teknologi adalah yang terkini dan bersesuaian dengan perubahan keperluan perkhidmatan serta perubahan keperluan perundangan. MAIPk juga sentiasa memberikan kesedaran kepada semua pekhidmat berkaitan kesinambungan perkhidmatan. Pasukan Kecemasan Bencana (ERT), Pasukan Pemulihan Bencana (DRT) dan Pasukan Komunikasi Krisis (CCT) yang ditubuhkan sentiasa disiap siagakan dengan pelan yang lengkap dan komprehensif sebagai panduan tindakan.

## HALA TUJU MASA HADAPAN

Kegagalan MAIPk menyedia dan menyampaikan perkhidmatan akibat kegagalan sistem operasi bukan sahaja akan memberi impak kepada pelanggan tetapi juga akan memperlihatkan kepincangan MAIPk dalam menyempurnakan objektif organisasi. Sebagai usaha memitigasi risiko ini, MAIPk sentiasa melaksanakan penambahbaikan dan meningkatkan pelan PKP serta program-programnya.

Sesungguhnya, MAIPk percaya komitmen jitu yang diberikan dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kemandirian dapat menyumbang kepada skala yang besar terhadap kestabilan organisasi.

# SOROTAN **AKTIVITI TERAS**

SEPANJANG TAHUN 2018

## SORATAN AKTIVITI TERAS SEPANJANG TAHUN 2018

1. MAJLIS PENGANUGERAHAN WATIKAH LANTIKAN ANGGOTA MAIPk TAHUN 2018 – 2020 DI IPOH PADA 4 JANUARI 2018.
2. EXECUTIVE TALK YANG DIPERTUA MAIPk 2018 DI IPOH PADA 01 FEBRUARI 2018.
3. LEMBAGA TABUNG HAJI SERAH ZAKAT RM3.9 JUTA DI IPOH PADA 28 FEBRUARI 2018
4. MAJLIS AGIHAN WAKAF SARAAN DI IPOH PADA 20 FEBRUARI 2018
5. MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN BINA RUMAH MAYBANK ISLAMIC DENGAN KERJASAMA MAIPk, DI IPOH PADA 21 FEBRUARI 2018.
6. MAJLIS PELANCARAN GERAKAN KESEDARAN HIBAH PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN DI IPOH PADA 1 MAC 2018.
7. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH KUALA KANGSAR PADA 7 MAC 2018
8. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH MANJUNG PADA 21 MAC 2018
9. MAIPk TERIMA SIJIL SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015 DI IPOH PADA 23 MAC 2018
10. PROGRAM WAQAF PERAK AR-RIDZUAN KEPADA GURU-GURU MATEMATIK DI TELUK INTAN PADA 28 MAC 2018
11. PROGRAM RAMAH MESRA BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI PAUNG DI SIMPANG PULAI PADA 30-31 MAC 2018
12. 114 ORANG PELAJAR DERMASISWA MAIPk BERANGKAT DARIPADA KLIA KE MESIR PADA 1 APRIL 2018 DAN 8 APRIL 2018
13. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPk TAHUN PENILAIAN 2017 DI KIDR PADA 10 APRIL 2018
14. MAIPk BEKERJASAMA DENGAN JPN LAKSANA PROGRAM SAHSIAH UNGGUL INSAN TERBILANG (SUIT) DI MERU PADA 11 APRIL 2018
15. PENYAMPAIAN SKIM BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL DI IPOH PADA 12 APRIL 2018
16. 19 ORANG ANAK ASNAF IKUTI PROGRAM CERTIFIED ACCOUNTING TECHNICIAN (CAT) DAN ASSOCIATION OF CHERTERED ACCOUNTANTS (ACCA) DI IPOH PADA 12 APRIL 2018
17. PROGRAM JEJAK NIAGA DAERAH KG. GAJAH DAN TAPAH PADA 17 APRIL DAN 18 APRIL 2018
18. PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN BERJUMLAH RM20,558,228.67 DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR PADA 19 MEI 2018
19. PROGRAM ZIARAH RAMADAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA ASNAF DAERAH KUALA KANGSAR PADA 24 MEI 2018
20. PERBINCANGAN DAN BENGKEL PENYEDIAAN DERAF GARIS PANDUAN PANEL PENYEDIA PERKHIDMATAN HIBAH (PERAK) 2018 DI IPOH PADA 23-24 MEI 2018
21. PROGRAM ZIARAH RAMADAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA ASNAF DAERAH BATU GAJAH PADA 30 MEI 2018
22. 31,849 ASNAF TERIMA BANTUAN AIDILFITRI BERJUMLAH RM7.6 JUTA DI IPOH PADA 1 JUN 2018
23. PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN BERJUMLAH RM14,064,610.82 DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR PADA 2 JUN 2018
24. ZIARAH RAMADAN DAN MAJLIS BERBUKA PUASA KPE MAIPk DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI BESWOK POS YUM SUNGAI SIPUT (U) DI SUNGAI SIPUT (U) PADA 4 JUN 2018
25. PENYERAHAN BANTUAN AIDILFITRI DAN SAGUHATI JAWATANKUASA ZAKAT DAN FITRAH DAERAH HILIR PERAK DI TELUK INTAN PADA 6 JUN 2018
26. MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI DAERAH KERIAN DI PARIT BUNTAR PADA 7 JUN 2018

27. PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN BERJUMLAH RM4,503.149.20 DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR PADA 9 JUN 2018

28. MAJILS PENYERAHAN KABIN GUNTING RAMBUT DAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI DAERAH SELAMA PADA 11 JUN 2018

29. AGIHAN DUIT RAYA BERJUMLAH RM197,650 KEPADA ANAK YATIM DAN PELAJAR TAHFIZ MTQ SWASTA DI CHEMOR PADA 6 JULAI 2018

30. PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN MAIPk DAERAH SELAMA PADA 11 JULAI 2018

31. PENYAMPAIAN BANTUAN TUJUH BUAH RUMAH BAHARU MAIPk DI KAMPUNG ORANG ASLI POS GEDONG BIDOR PADA 18 JULAI 2018

32. GERAKAN KESEDARAN HIBAH PERINGKAT DAERAH TAPAH PADA 19 JULAI 2018

33. ZIARAH MAHABBAH MASYARAKAT ORANG ASLI SG. CHIONG, TASIK BANDING GERIK DI GERIK PADA 20-21 JULAI 2018

34. MESYUARAT SEKRETARIAT PENGURUSAN ZAKAT NEGERI-NEGERI (SPZN) DI IPOH PADA 23-25 JULAI 2018

35. DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN DEWAN PENGINAPAN MAHASISWA MAIPk DI KUALA KANGSAR PADA 26 JULAI 2018

36. MAJLIS PERPISAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk, YBHG. DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED DI IPOH PADA 31 JULAI 2018

37. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH SELAMA PADA 20 OGOS 2018

38. ZIARAH KASIH ASNAF DI DAERAH MUALLIM PADA 20 OGOS 2018

39. MAIPk TERIMA SIJIL TANPA TEGURAN DARIPADA JABATAN AUDIT NEGARA DI IPOH PADA 27 OGOS 2018

40. MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN ZAKAT MAIPk PARIT BUNTAR PADA 28 OGOS 2018

41. ZIARAH MAHABBAH DI MAIPk TAPAH PADA 7 SEPTEMBER 2018

42. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH PARIT BUNTAR PADA 13 SEPTEMBER 2018

43. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH PENGKALAN HULU PADA 18 SEPTEMBER 2018

44. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH GERIK PADA 19 SEPTEMBER 2018

45. PROGRAM JEJAK ASNAF DI BAGAN SERAI PADA 31 SEPTEMBER 2018

46. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH SERI ISKANDAR PADA 17 OKTOBER 2018

47. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH KAMPUNG GAJAH PADA 17 OKTOBER 2018

48. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH BAGUN DATUK PADA 18 OKTOBER 2018

49. PROGRAM DAKWAH PERDANA DI PANGKALAN TLDM LUMUT DI LUMUT PADA 25-26 OKTOBER 2018

50. MAJLIS MESRA MAIPk BERSAMA ORANG BESAR JAJAHAN NEGERI PERAK DI IPOH PADA 31 OKTOBER 2018

51. PROGRAM JEJAK ASNAF DI DAERAH MUALLIM PADA 1 NOVEMBER 2018

52. CERAMAH PERDANA "KEBERKATAN HARTA DALAM MEMBENTUK KELUARGA SAKINAH" DI KAMPAR 12 NOVEMBER 2018

53. TOUR FORUM PERDANA "HARTA KITA HAK KITA KAWAN ATAU LAWAN" DI IPOH PADA 10-13 NOVEMBER 2018

54. TAKLIMAT GARIS PANDUAN PROSEDUR PENDAFTARAN PANEL-PANEL PENYELIA PERKHIDMATAN HIBAH DI IPOH PADA 23 NOVEMBER 2018

55. DUN PERAK LULUS CADANGAN PINDAAN ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004 DI IPOH PADA 5 DISEMBER 2018

56. MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA NGO ISLAM NEGERI PERAK, PERSATUAN MUBALIGH ISLAM NEGERI PERAK, PUSAT JAGAAN, RUMAH ANAK YATIM DI IPOH PADA 6 DISEMBER 2018

57. SUMBANGAN DANA ZAKAT KEPADA MAJLIS KANSER NASIONAL DAN YAYASAN INSTITUT JANTUNG NEGARA DI IPOH PADA 27 DISEMBER 2018



MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA
KEBAWAH
DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA
KANGSAR PADA 2 JUN 2018

# KERATAN
# **AKHBAR 2018**

• KERATAN AKHBAR JANUARI - DISEMBER 2018

# 1 JANUARI

SINAR HARIAN • JUMAAT 5 JANUARI 2018 17

Sinar PERAK Ajenye Ye!

EDITOR: WAN ROSIDA WAN HAMAD PENOLONG EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN

## Aset umat Islam tak produktif

- Foto: Bernama



Sultan Nazrin Shah (tengah) bergambar kenangan bersama anggota-anggota majlis yang baharu. Turut sama Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir (duduk; empat, kiri).-Bernama

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

**IPOH** - Nilai harta dan kekayaan umat Islam di negara ini berada pada tahap lebih rendah berbanding bukan Islam, titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Baginda bertitah, lebih merisaukan apabila dianggarkan RM60 bilion nilai aset umat Islam di negara ini, kini bersifat tidak produktif.

Menurut baginda, berdasarkan sembah maklum kepadanya, nilai aset terbabit berada dalam akaun bank dan insurans yang tidak dituntut, malah ada aset yang beku disebabkan masalah faraid setelah berlakunya kematian pemilik aset.

"Majlis Agama Islam hendaklah menggerakkan langkah aktif, menyelesaikan masalah sedang dihadapi umat Islam ini terutama membantu menghindar masalah daripada terus membesar," titah baginda sempena majlis pengurniaan watikah Yang Dipertua dan ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk), ahli jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Hakim-hakim Mahkamah Syariah Perak di Kompleks Islam Darul Ridzuan, semalam.

Baginda menitahkan, Maipk bersama Jabatan Agama Islam Perak (Jaipk) dengan kerjasama seluruh masjid dan surau serta pelbagai agensi lain menganjurkan program mendidik umat Islam melakukan hibah.

"Taklimat mengenai hibah hendaklah dianjurkan secara berjadual di seluruh negeri," titah baginda.

Baginda memuji perkembangan Maipk yang memperlihatkan prestasi program zakat cemerlang apabila kutipan zakat meningkat daripada RM57.96 juta pada 2008 kepada RM167.43 pada 2017 dengan purata pertumbuhan 11 peratus setahun.

Menurut baginda, pencapaian itu membuktikan keberkesanan melaksanakan pelbagai program menyedarkan ummah akan tanggungjawab berzakat, baik dalam kalangan individu mahupun badan-badan perniagaan yang kepimpinannya diterajui umat Islam.

"Jumlah kutipan zakat yang diperoleh satu indikator yang menunjukkan kejayaan umat Islam meningkatkan pendapatan dan keuntungan dalam pelbagai urus niaga diceburi.

"Modul bantuan yang lebih inovatif perlu diperkenalkan agar berupaya beri impak berkesan hingga berjaya mengeluarkan golongan penerima daripada kepompong kemiskinan," kata baginda.

Dalam titah ucapan, Sultan Nazrin turut menyarankan Mahkamah Syariah meneliti dan menghalusi tahap pendedahan prosiding kes-kes syariah yang boleh diizinkan untuk paparan umum sebagai langkah menjaga maruah dan aib seseorang insan.

Jelas baginda, prosiding di Mahkamah Syariah terutama berkaitan isu-isu keluarga dan peribadi hendaklah memastikan bahawa nama baik anggota keluarga, ibu bapa dan anak-anak dilindungi daripada disensasikan.

"Menjaga maruah, aib dan nama seseorang insan adalah sebahagian daripada komponen keadilan. Perbuatan mensensasikan prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah secara terbuka, hendaklah diteliti dan diperhalusi kesesuaiannya agar selaras dengan semangat yang dianjurkan Islam yang melarang manusia daripada diaibkan kepada khalayak ramai," titah baginda.

## Maipk agih RM1.5 juta zakat

SH. 1/1/2018



Amiruddin bersama penerima zakat pada program berkenaan, kelmarin.

**IPOH** - Sejumlah RM1.5 juta dana wakaf diagihkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) kepada masjid, surau, tanah perkuburan dan tadika Islam di negeri ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Maipk Mohd Haidi Sulaiman berkata, agihan berkenaan adalah sebahagian matlamat serta objektif Maipk bagi membantu kesemua institusi tersebut khususnya dalam menampung kos pengurusan dan pengendaliannya.

Menurutnya, agihan berkenaan secara tidak langsung juga dapat meringankan beban terutamanya bagi institusi yang tidak mempunyai sumber pendapatan serta dana dalam soal urus tadbir institusi masing-masing.

"Agihan ini dibuat hasil daripada dana wakaf yang terkumpul dan digunakan untuk menampung perbelanjaan termasuk kerja-kerja baik pulih dan lain-lain.

"Institusi-institusi ini juga boleh memohon daripada pihak berkuasa negeri bagi tujuan sama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Pembangunan Islam Maipk tahun 2017 di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2, Kompleks Darul Ridzuan, kelmarin.

Majlis disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Maipk, Datuk Dr Amiruddin Muhamed.

Mohd Haidi berkata, agihan zakat berkenaan adalah yang terakhir bagi 2017 dan akan dijana semula pada 2018 kelak.

"Agihan berkenaan akan tetap dilakukan secara berkala untuk menyampaikan sumbangan kepada pihak yang memerlukan.

"Contohnya, bagi agihan zakat kepada pelajar kita akan laksanakan mengikut permohonan," katanya lagi.

SH. 6/1/2018

## Maipk junjung titah Sultan Nazrin

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

**IPOH** - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) akan berbincang bersama agensi terlibat dalam masa terdekat mencari alternatif terbaik menyelesaikan masalah pemilikan harta dalam kalangan umat Islam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Amiruddin Muhamed berkata, masalah berkenaan perlu diatasi segera sebelum ia menjadi lebih kronik pada masa hadapan sepertimana dititahkan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, semalam.

"Kita akan adakan mesyuarat penyelarasan berhubung perkara berkenaan dalam masa terdekat.

"Kita ambil serius dan ambil berat titah tuanku itu dan dengan izin ALLAH, kita akan mesyuarat penyelarasan nanti berhubung perkara itu," katanya.

Sultan Nazrin pada majlis pengurniaan watikah Yang Dipertua dan ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk), ahli jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Hakim-hakim Mahkamah Syariah Perak, kelmarin menitahkan agar Maipk bersama Jabatan Agama Islam Perak (Jaipk) dengan kerjasama seluruh masjid dan surau serta pelbagai agensi lain menganjurkan program mendidik umat Islam melakukan hibah.

Dianggarkan RM60 bilion nilai aset umat Islam di negara ini, kini tidak produktif yang berada dalam akaun bank dan insurans yang tidak dituntut, malah ada aset yang beku disebabkan masalah faraid setelah berlakunya kematian pemilik aset.

Terdahulu Amiruddin menyempurnakan Majlis Menandatangani Perjanjian Usahama Pembangunan Dana Wakaf Maipk dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).



Amiruddin (kiri) setelah menandatangani Perjanjian Usahama Pembangunan Dana Wakaf Maipk dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).

ISNIN 08.01.18 UTUSAN MALAYSIA

# Maybank Islamic, MAIPk bina bot wakaf



**WAN MAIZURA WAN ZAHARI (kiri) dan Dr. Amiruddin Mohamed (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan Nor Shahrizan Sulaiman dan Munawwaruzzaman Mahmud (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

**KUALA LUMPUR 7 Jan.** - Maybank Islamic Bhd. menandatangani perjanjian usaha sama Tabung Pembangunan Wakaf dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) untuk membangunkan projek bot wakaf di negeri itu.

Menurut Maybank Islamic, bot yang dibeli melalui projek wakaf sumbangan Islam akan diserahkan kepada persatuan nelayan dan disewa kepada nelayan membolehkan mereka menangkap ikan di perairan dalam seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

Katanya, perjanjian itu adalah yang pertama dimeterai di bawah inisiatif dana myWakaf.

"Sebanyak enam institusi perbankan Islam akan bekerjasama dalam menyediakan perkhidmatan perbankan untuk memudahkan penyumbang memberikan wang tunai untuk pembangunan projek wakaf," katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Perjanjian usahasama pembangunan dana wakaf itu telah disaksikan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Nor Shahrizan Sulaiman; Ketua Pengurusan Shariah Maybank Islamic, Munawwaruzzaman Mahmud; Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Datuk Dr. Amiruddin Mohamed dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Wan Maizura Wan Zahari.

Mengulas tentang kerjasama itu, Presiden Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Datuk Mohd. Redza Shah Abdul Wahid berkata, dana berkenaan mampu menjadi pemangkin sosio-ekonomi.

Jelas beliau, ia menyediakan saluran untuk pengumpulan dana wakaf yang cekap dan berkesan melalui institusi perbankan Islam yang berkaitan memberi tumpuan kepada empat sektor iaitu pemerkasaan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan pelaburan.

"Ia akan memberikan pendekatan yang lebih telus dan kod tadbir urus yang mampu menamakan keyakinan dalam kalangan penyumbang," katanya.

Tahun lepas, sebanyak enam institusi perbankan Islam, iaitu Affin Islamic Bank, Bank Islam, Bank Rakyat, Bank Muamalat Malaysia, Maybank Islamic dan RHB Islamic Bank menandatangani perjanjian kerjasama strategik dana wakaf untuk menyediakan pengantaraan berasaskan nilai kepada pengguna.

---

Jumaat, 5 Januari 2018 BH

[FOTO BERNAMA]



***Sultan Nazrin pada majlis penganugerahan** watikah lantikan 22 Ahli MAIPk bagi sesi 2018-2020, sembilan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan 10 Hakim Mahkamah Syariah Perak di Ipoh, semalam.*

# Milikan harta, kekayaan umat Islam rendah

Sultan Perak gesa atasi segera masalah sebelum meruncing

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]



***Sultan Nazrin menyampaikan watikah pelantikan Ahli MAIPk** kepada Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.*

**Oleh Jalal Ali Abdul Rahim**
jalal@bh.com.my
Ipoh

Isu pemilikan harta dan kekayaan umat Islam di negara ini yang lebih rendah berbanding bukan Islam, serta masalah aset umat Islam bernilai puluhan bilion ringgit yang tidak produktif, perlu ditangani segera.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, bertitah pemilikan harta dan kekayaan umat Islam di negara ini lebih rendah berbanding bukan Islam, sekali gus memerlukan usaha segera bagi mengelak masalah itu semakin 'membesar.'

"Keadaan lebih merisaukan apabila beta disembah maklum, dianggarkan RM60 bilion nilai aset umat Islam bersifat tidak produktif, berada dalam akaun bank dan insurans yang tidak dituntut selain aset beku disebabkan masalah faraid setelah berlakunya kematian pemilik aset," titah baginda.

Sultan Nazrin meminta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) menggerakkan langkah aktif menyelesaikan masalah aset umat Islam yang tidak produktif.

Baginda menyarankan MAIPK dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dengan kerjasama seluruh masjid dan surau, agensi kerajaan, swasta serta media menganjurkan program besar-besaran mendidik umat Islam melakukan hibah.

**Teliti prosiding kes syariah**

Sultan Nazrin bertitah demikian pada majlis penganugerahan watikah lantikan 22 Ahli MAIPk bagi sesi 2018-2020, sembilan Ahli Jawatankuasa Fatwa Perak dan 10 Hakim Mahkamah Syariah Perak di sini, semalam.

Sementara itu, baginda meminta Mahkamah Syariah meneliti tahap pendedahan prosiding kes yang boleh dipaparkan kepada umum supaya tidak bertentangan semangat dianjurkan Islam yang melarang diaibkan di khalayak ramai.

"Perbuatan mensensasikan prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah secara terbuka, perlu diteliti dan diperhalusi kesesuaiannya.

"Prosiding di Mahkamah Syariah terutama berkaitan isu keluarga dan peribadi perlu memastikan nama baik anggota keluarga, ibu bapa dan anak terjamin dilindungi daripada disensasikan," titah baginda.

Baginda mengingatkan, nilai murni mengutamakan hikmah, bijaksana, sopan dan tertib dianjurkan Islam juga perlu sentiasa dicerminkan dalam tindak tanduk dilakukan atas nama Islam.

Titah Sultan Perak, budaya kerja pegawai dan penguat kuasa agama perlu berpaksikan nilai murni itu dan Islam, mesti diurus penuh hikmah, bijaksana serta penuh sopan dan tertib bagi memelihara nama baik agama tidak dicemari.

Sultan Nazrin juga meminta Jawatankuasa Fatwa membaca senario dan memahami tuntutan semasa bagi menyediakan ruang selesa kepada generasi muda berinteraksi mendapatkan penerangan lanjut mengenai latar belakang, asas serta rasional supaya sesuatu fatwa dikeluarkan dapat difahami, dihormati dan dipatuhi.

Baginda bertitah, generasi muda kini dibekalkan kemudahan mendapatkan pelbagai sumber ilmu dan bahan rujukan, termasuk melalui kemudahan teknologi untuk dijadikan perbandingan.

"Generasi muda tidak mudah menghadam sesuatu perkara dilontarkan kepada mereka, sebaliknya mereka menyelidik, berani menyoal dan sedia berhujah," titah baginda.

Pada majlis sama, Sultan Perak berkenan menerima cek zakat perniagaan bernilai keseluruhan RM2,687,420.96 daripada empat pihak, sebelum menyerahkannya kepada Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Dr wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Baginda juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama pembangunan dana wakaf MAIPk di antara MAIPk dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia.

---

SH, 2/1/2018

# Pemberimilikan elak salah guna tanah wakaf

**IPOH** - Bayaran premium bagi pemberimilikan tanah wakaf di negeri ini diharapkan dapat memberi manfaat khususnya bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran.

Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri, Rumaizi Baharin @ Md Daud berkata, pemberian dalam bentuk hak milik kekal selama-lamanya itu akan memudahkan lagi pelbagai urusan berkaitan termasuk pengawalan terhadap tanah berkenaan.

Menurutnya, proses berkenaan berterusan dari semasa ke semasa selaras dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk mengisytiharkan semua tanah wakaf yang diberi milik dijadikan sebagai kawasan rizab Melayu di bawah Seksyen 3 (i) Enakmen Rizab Melayu.

"Menurut Enakmen Wakaf (Perak) 2015, di bawah subseksyen 7(1), menyatakan bahawa setiap wakaf hendaklah didaftarkan atas nama Maipk dan Seksyen 27(1) enakmen yang sama turut menyatakan bahawa Maipk hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal bagi tanah tersebut.

"Tanah-tanah tersebut termasuk tapak wakaf khas masjid, surau, institusi pendidikan Islam, tanah perkuburan Islam dan wakaf am," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, pemberimilikan itu juga dapat elak salah guna kuasa mana-mana pihak selain penggunaan tanpa kawalan dan kebenaran.

Sementara itu, satu penyerahan cek berjumlah RM964,390 sebagai bayaran premium tanah bagi pemberimiliikan tanah wakaf telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maipk Datuk Dr Amiruddin Muhamed.

Rumaizi berkata, penyerahan cek berkenaan adalah sebagai bayaran bagi peringkat pertama yang melibatkan pemberimilikan 947 lot tanah dengan keluasan 996 hektar.



Rumaizi (kiri) menerima cek daripada Amiruddin.

---

SH, 5/1/2018




Amiruddin (dua,kiri) menyerahkan replika cek kepada Mat Lazim (dua, kanan).

# Wang zakat bantu pelajar

## Maipk salur RM3.75 juta baucar bantuan persekolahan

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

Baucar bantuan persekolahan 2018 daripada Majlis Agama Islam Perak (Maipk) berjumlah RM3.75 juta diharap mampu memberikan manfaat kepada pelajar kurang berkemampuan termasuk anak yatim di sekitar negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Maipk, Datuk Dr Amiruddin Muhamed berkata, baucar hasil daripada wang zakat yang disalurkan orang ramai itu dilihat mencukupi dalam usaha membantu pelajar berkenaan menjelang sesi persekolahan baharu yang akan bermula esok.

"Kita yakin, jumlah baucar hasil daripada sumbangan wang zakat ini dapat memberikan manfaat terutamanya kepada pelajar yang kurang berkemampuan seperti di rumah anak yatim, asnaf yang melibatkan fakir miskin dan juga mualaf.

"Selain itu, agihan zakat ini juga akan diberikan kepada golongan berkenaan sebagaimana yang dikenal pasti oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di daerah masing-masing," katanya.

**Info**
Kesemua penerima dikenal pasti pihak PPD di daerah masing-masing

Amiruddin berkata demikian setelah menyempurnakan majlis Penyerahan Peruntukan Akhir Baucar Bantuan Persekolahan Bagi Tahun 2018 di Pejabat Pendidikan Larut Matang dan Selama, semalam.

Pada majlis itu, Amiruddin menyerahkan baucar berkenaan kepada Pengarah Pendidikan Negeri, Datuk Mat Lazim Idris.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri, Mohd Rosli Ahmad.

Difahamkan, peruntukan wang zakat sebanyak RM3.75 juta itu akan diagihkan kepada 12 PPD di sekitar negeri.

Sinar Harian, 27/2/2018

# Jangan salah tafsir

*Ulama, umara saling membantu laksana tanggungjawab terhadap ummah*

NORMAWATI ADNAN

IPOH

Ulama dan umara iaitu kepemimpinan dalam pemerintahan tidak harus disalah tafsir sebagai dua golongan yang terpisah dengan tanggapan salah bahawa punyai tanggungjawab berbeza.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, Islam tidak memisahkan kuasa agama dengan kepimpinan duniawi dan tidak pula memisahkan kuasa pemimpin daripada agama.

Menurut baginda, ulama adalah pemimpin tak formal, berakar dalam masyarakat dan menjadi teladan kerana keluasan ilmu, keperibadian dan keikhlasan, manakala umara diamanahkan secara berstruktur, memiliki bidang kuasa tertentu berlandaskan undang-undang untuk mengurus dan memimpin masyarakat.

"Peranan ulama dan umara adalah untuk saling membantu dan bekerjasama melaksanakan tanggungjawab terhadap ummah.

"Imam al-Ghazali ada mengingatkan, agama merupakan dasar dan pemimpin negara adalah penjaganya, sesuatu yang tidak memiliki dasar pasti akan binasa, dan sesuatu yang tidak memiliki penjaga pasti akan musnah.

"Di sisi ALLAH, ulama dan umara ada tugas dan tanggungjawab bersama kerana ilmu harus digunakan dengan ikhlas dan jujur, tegas lagi berani sementara kuasa pula diuruskan dengan adil dan saksama, beramanah lagi berintegriti," titah baginda ketika berkenan merasmikan program Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah 2018 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Aman Jaya, Casuarina@Meru, semalam.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa.

FOTO BERNAMA



SULTAN NAZRIN

Sultan Nazrin bertitah, sejarah mencatatkan dalam kalangan pemimpin Islam yang memiliki nama-nama besar, mereka tidak terpisah daripada bimbingan ulama.

Antaranya, Khalifah Harun al-Rasyid bersama Yahya ibn Khalid Al-Barmak, Shalahuddin Al Ayyubi bersama Bahauddin bin Shaddad dan Sultan Muhammad Al Fatih dengan bimbingan Aq Samsuddin dan Syeikh al-Kurani.

Bagaimanapun kata baginda, telah berlaku dalam sejarah, ulama dan umara turut tergelincir daripada landasan kerana tarikan duniawi.

"Imam al-Ghazali memperingatkan kerosakan umara berlaku kerana kerosakan para ulama. Adalah menjadi kebiasaan bagi ulama untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar tanpa mengambil kira sangat tentang kekejaman pemerintah. Mereka rela menjadi syahid dan oleh kerana keikhlasan itu orang mudah menjadi lembut dan terbuka untuk menerima nasihat mereka.

"Tetapi sekarang, lidah para ulama telah menjadi kelu kerana diikat oleh kepentingan. Kalaupun mereka bercakap, mereka tidak akan berjaya kerana pembawaan hidup mereka sendiri berbeza dengan apa yang dicakapkan.

"Sesungguhnya rakyat rosak kerana pemerintah, dan pemerintah rosak kerana ulama, sementara ulama pula rosak kerana tamak harta dan pangkat," kata baginda.

Sinar Harian, 23/2/2018

# Tingkatkan urus waqaf

*Langkah untuk kurangkan kelemahan*

KUALA LUMPUR

Institusi waqaf perlu mewujudkan rangka kerja tadbir urus bagi mengukuhkan amalan tadbir urus dalam infrastruktur waqaf serta menyusun strategi lebih meluas untuk memperkasa penggunaan harta waqaf sebagai platform kewangan sosial Islam.

Sultan Perak Sultan Nazrin Shah bertitah, rangka kerja itu mungkin boleh meliputi spesifikasi jelas tentang peranan serta tanggungjawab pemegang amanah dan pihak berkuasa harta waqaf dalam melaksanakan tugas masing-masing secara luhur demi kepentingan dan manfaat para penderma serta waris.

Baginda bertitah langkah itu penting kerana halangan paling besar terhadap pembangunan sistem waqaf dipercayai berpunca daripada kelemahan dalam pengurusan institusi akibat peraturan dan mekanisme pengawasan yang terhad sifatnya.

"Beta percaya, tadbir urus dalaman pihak berkuasa waqaf tidak boleh diabaikan saama sekali dan perlu ada kawalan dalaman secukupnya termasuk protokol pengurusan risiko serta audit secara tetap," tegas baginda ketika menyampaikan titah diraja bertajuk 'Waqaf: Meraih Kepercayaan Bagi Kelestarian Ekonomi Sosial' pada Forum Pendidikan Tinggi 2018: Pembangunan Semula Waqaf di sini, semalam.



Sultan Nazrin Shah diiringi Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (kiri) di Forum Pendidikan Tinggi (HEF) 2018.

Forum dua hari itu, yang bermula semalam, antara lain membincangkan tentang penggunaan waqaf untuk membiayai pendidikan tinggi dan pembangunan sosial. - *Bernama*

# Upsi perkasa peranan wakaf

## Lancarkan dana Wakaf Al-Mursyidin bagi pembinaan Kompleks Pondok Bitara, Akademik Pendidikan Upsi


Wan Zahir ketika melakukan gimik pelancaran pungutan dana wakaf Al-Mursyidin.



Mohd Abdul Nasir menyerahkan wakaf daripada keluarga Abdul Latif.

ISMANIZA AHMAD

Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) melancarkan dana Wakaf Al-Mursyidin bagi pembinaan Kompleks Pondok Bitara dan Akademik Pendidikan Upsi sebagai platform baharu untuk menggerakkan program kebajikan kepada warganya secara lebih meluas.

Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Dr Wan Zahid Mohd Noordin berkata, mekanisme wakaf untuk pembinaan kedua-dua projek ini merupakan satu inisiatif bagi memperkasakan peranan wakaf dalam institusi pendidikan di negara ini.

Menurutnya, penubuhan Pondok Bitara adalah mewujudkan sebuah institusi yang berteraskan pembelajaran sepanjang hayat bagi melahirkan generasi cemerlang, dinamik dan progresif sekali gus akan memberikan manfaat besar kepada masyarakat khususnya rakyat negeri Perak.

"Akademik Pendidikan Upsi pula berperanan untuk menjadi sekolah cemerlang dalam pembangunan insan melalui persekitaran pembelajaran berteraskan budaya penyelidikan.

"Dengan matlamat pendidikan untuk menjadi sebuah sekolah contoh yang komited kepada amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik, sistematik dan futuristik bermula pada tahap rendah hingga menengah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Wan Zahid berkata, usaha penubuhan dana wakaf itu adalah inisiatif dan inovasi baharu dalam usaha universiti untuk memperoleh pendapatan alternatif bagi pembangunan pusat-pusat pengajian di universiti ini.

Katanya, pembinaan untuk kedua-dua projek tersebut dijangka akan bermula pada tahun 2020.

Menurutnya, usaha ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan peranan wakaf dan endowment untuk penjanaan kewangan universiti.

"Pihak universiti juga berterima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk), Datuk Dr Amirrudin Muhamed yang bersedia melantik Upsi sebagai mutawalli wakaf yang pertama di negeri Perak," katanya.

Pada majlis sama, Upsi turut menerima sumbangan zakat daripada Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM 80,000 dan sumbangan wakaf pertama daripada keluarga Abdul Latif Abu Bakar berjumlah RM35,000.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Upsi, Profesor Datuk Dr Noraini Idris, Pengarah Pusat Islam Upsi, Dr Mohd Abdul Nasir Abdul Latif dan Ketua, Deposit dan Pengurusan Tunai Bank Islam, Zury Rahimee Zainal Abiden.


EDITOR: WAN SURYANA TON MOHAMAD PENOLONG EDITOR: PUPE RAHAIZAD DARSONO & ZURAIMEE ZAINAL

# Wajib agih duit sumbangan

*Mufti tegaskan jawatankuasa masjid perlu amanah urus dana*

SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Duit sumbangan masjid yang dikhususkan untuk tujuan khairat mesti diagihkan kepada orang yang memerlukan.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, jawatankuasa masjid perlu amanah dalam menguruskan dana masjid tersebut.

"Kalau (dana masjid) hanya disimpan begitu sahaja jadi jawatan kuasa tidak amanah, kecualilah dana masjid dikhaskan untuk pembaikan dan saraan sahaja. Itu tak ada masalah.

"Tapi kalau buat khairat wajib disampaikan. Kalau untuk khairat boleh untuk diberikan kepada kariah yang memerlukan. Kalau orang susah kena bagi," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Agihan Wakaf Saraan Negeri Perak anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) di Komplek Islam Darul Ridzuan, di sini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Maipk, Datuk Dr Amiruddin Muhamed berkata, kebanyakan ahli jawatankuasa masjid masih keliru penggunaan duit sumbangan tersebut sama ada boleh digunakan untuk tujuan lain atau hanya penyelenggaraan masjid.


Harussani (duduk, kiri) dan Amiruddin (duduk, tengah) bersama-sama penerima manfaat agihan Wakaf Saraan Maipk.

> *"Kalau untuk khairat boleh untuk diberikan kepada kariah yang memerlukan. Kalau orang susah kena bagi."*
> - Harussani

Mengenai Majlis Penyampaian Agihan Wakaf Saraan Negeri Perak, beliau berkata, pada kali ini seramai 31 penerima manfaat terdiri daripada masjid, surau, tanah perkuburan dan institusi pendidikan diberikan peruntukan dengan jumlah keseluruhan RM299,952.

Katanya, pada tahun lalu sahaja, hampir RM1 juta diperuntukkan kepada 283 penerima di seluruh Perak.

"Pemberian agihan ini kita buat empat kali setahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Disember.

"Penerima-penerima manfaat ini merupakan jawatankuasa yang dilantik bagi menguruskan masjid, surau, tanah perkuburan dan institusi pendidikan di kariah masing-masing," katanya.

SINAR HARIAN • JUMAAT 2 MAC 2018 19

Sinar PERAK Ajenye Yel

EDITOR: WAN SURYANA TON MOHAMAD PENOLONG EDITOR: PUPE RAHAIZAD DARSONO & ZURAIMEE ZAINAL

# Gerak usaha kesedaran hibah

*Sultan Nazrin mahu hibah disebar luas*

SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan agar hibah dijadikan sebagai salah satu kaedah pelengkap kepada sistem pengurusan pengagihan harta.

Menurut baginda, harta pusaka yang terbeku kerana tidak dapat diagihkan atas beberapa faktor mendatangkan kerugian kepada waris.

Baginda bertitah, apabila harta itu terkumpul menjadi jumlah yang begitu besar ia turut menjadi satu kerugian amat besar kepada umat Islam.

"Majoriti umat Islam, ketara bukan sahaja kurang memberi perhatian, malah kurang pengetahuan tentang urusan pembahagian harta pusaka. Akibatnya, harta ditinggal mencetuskan masalah setelah pemilik harta meninggal dunia. Selain hukum faraid, hibah ialah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah pembahagian harta.

"Hibah membolehkan seseorang Islam menetapkan agihan hartanya ketika dia masih hidup, yang dapat menghindarkan daripada berlakunya perbalahan di kalangan waris selepas kematian," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah Peringkat Negeri Perak di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini, semalam.

Foto: Bernama



*"Hendaklah dijadikan sasaran agar negeri Perak akan tercapai indeks sifar masalah dalam urusan agihan harta..."*

*- Sultan Nazrin*

Menurut baginda, Gerakan Kesedaran Hibah itu diadakan selepas menitahkan agar Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) menggerakkan langkah aktif bagi membantu menangani masalah yang sedang dihadapi bermula dengan memperkenalkan pendekatan pencegahan, agar masalah melibatkan nilai harta pusaka yang terbeku dan belum diwariskan dapat dibendung daripada terus membesar.

Sultan Nazrin bertitah, dianggarkan RM60 bilion nilai harta pusaka di Malaysia berbentuk tanah dan rumah belum diwariskan sementara RM6.6 bilion yang berada di dalam akaun bank dan insuran belum dituntut setelah berlakunya kematian pemilik aset.

"Ada kalanya harta yang ditinggalkan, beralih daripada status aset menjadi liabiliti kepada pelbagai pihak, antaranya disebabkan pinjaman atau hutang yang belum diselesaikan, cukai yang tersangkut, dokumen hak milik dijadikan cagaran atau dokumen hak milik tidak dapat dikesan kerana tempat disimpan, hanya diketahui oleh si mati.

"Selagi urusan harta tidak diselesaikan, rungutan waris dan rungutan jiran tetangga, mungkin menjadi satu tanggungjawab dunia yang mengheret nama si mati, yang telah berada di alam barzakh," titah baginda.

Sehubungan itu, Sultan Nazrin mengarahkan semua ketua jabatan, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan pelbagai agensi di negeri ini menggerakkan usaha ke arah kesedaran hibah tersebut.

Menurut baginda, gerakan menyedarkan dan memperkenalkan masyarakat mengenai hibah perlu diperluas ke semua masjid, surau, pelbagai institusi latihan serta badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan sukarela.

"Usaha memberi penerangan memperkenalkan hibah, hendaklah diperluaskan ke semua daerah dan jajahan di negeri Perak, hingga sampai ke mukim dan kampung, dilakukan secara berterusan dan secara berkesinambungan. Hibah, telah Beta titahkan dijadikan tema khutbah Jumaat di semua masjid di negeri Perak, pada minggu hadapan.

"Hendaklah dijadikan sasaran, agar di negeri Perak Darul Ridzuan, akan tercapai indeks sifar masalah, dalam urusan pengagihan harta selepas kematian.

"Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak bersama Jabatan Agama Islam negeri Perak, hendaklah menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat mengenai hibah di peringkat negeri dan di peringkat daerah serta jajahan; diikuti dengan melatih pegawai-pegawai di semua masjid di negeri Perak, agar memiliki pengetahuan untuk memberi khidmat nasihat yang tepat mengenai hibah kepada ahli kariah masing-masing," titah baginda.

Ms.20 • Jumaat, 2 Mac 2018 BH

→DASAR&PENTADBIRAN

# Hibah selesai masalah harta pusaka

Mampu hindar perbalahan sesama waris: Sultan Nazrin

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]




*Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah pada majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah Peringkat Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh, semalam.*

**Oleh Shaarani Ismail**
shaarani@nstp.com.my

Ipoh

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, amalan hibah memberi manfaat terutama dalam menyelesaikan beberapa pertikaian berkaitan harta pusaka.

Titah baginda, hibah memudahkan urusan perpindahan milik dan ia hendaklah dilihat sebagai antara kaedah pelengkap kepada sistem pengurusan pengagihan harta.

"Hibah membolehkan seseorang Islam menetapkan agihan hartanya ketika dia masih hidup, yang dapat menghindarkan daripada berlakunya perbalahan dalam kalangan waris selepas kematian," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah Peringkat Perak di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah negeri, Datuk Mohd Nizar Zakaria dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin.

Justeru, Sultan Nazrin bertitah, Gerakan Kesedaran Hibah yang dilancarkan diharap dapat memenuhi lima matlamat utama yang disasarkan, iaitu pertama, memperkenal dan menyedarkan umat Islam mengenai hibah, dan yang keduanya menghindar atau meminimumkan umat Islam daripada menghadapi masalah agihan harta pusaka selepas kematian pemilik harta.

**Agih harta dengan cepat**

"Ketiga, membantu agar harta pusaka dapat diagih dengan cepat dan tepat supaya boleh segera digunakan oleh penerima untuk menjana kegiatan ekonomi.

"Keempat, membimbing dan menggalakkan umat Islam melakukan hibah ketika masih hidup, dan kelima membantu memperkenal platform mengenai urusan menyediakan dokumen hibah melalui perkhidmatan profesional," titah baginda.

Baginda bertitah, majoriti umat Islam hari ini bukan sahaja kurang memberi perhatian, malahan kekurangan pengetahuan mengenai urusan pembahagian harta pusaka.

"Akibatnya, harta yang ditinggalkan mencetuskan masalah setelah pemilik harta meninggal dunia, selain daripada hukum faraid, hibah ialah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah pembahagian harta," titah baginda.

SINAR HARIAN • SELASA 10 APRIL 2018

PRU14 #kuasarakyat

# Elak bangkit isu sensitif

FOTO: BERNAMA



Sultan Nazrin Shah menyampaikan titah pada Istiadat Menzahirkan Pengumuman Pembubaran Dun Perak ke-13 di Istana Iskandariah, semalam.

*Sultan Nazrin beri peringatan pemimpin politik hadapi PRU14*

SAIFULLAH AHMAD, RIDAUDDIN DAUD

KUALA KANGSAR

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengingatkan semua pihak supaya mengamalkan budaya demokrasi secara matang bagi menghadapi PRU kali ini.

Baginda bertitah, berdasarkan pengalaman 13 kali PRU sebelum ini, semua pihak perlu mempamerkan kebijaksanaan dalam berpolitik.

Titah baginda lagi, parti-parti politik terutama pemimpin perlu bertanggungjawab dengan mengutamakan aspek keselamatan, ketenteraman awam dan perpaduan masyarakat.

"Dalam hasrat dan usaha mahu mendapatkan sokongan pengundi, isu sensitif menyentuh agama, kaum, budaya dan bahasa yang boleh menjejaskan hubungan harmoni serta perpaduan hendaklah tidak disensasikan hingga ke peringkat berpotensi mencetuskan sentimen permusuhan dan rasa kebencian antara warga.

"Pada setiap masa wajib dipelihara dan wajib dipastikan, tidak diucap sebarang perkataan, dan tidak dilakukan sebarang perbuatan yang boleh mencetuskan persengketaan antara warga.

"Keselamatan negara dan ketenteraman awam terlalu berharga untuk dikorbankan disebabkan matlamat politik jangka pendek," titah baginda pada Istiadat Menzahirkan Pengumuman Pembubaran Dewan Negeri Perak ke-13 di Istana Iskandariah, semalam.

Sultan Nazrin turut bertitah agar tugas pasukan keselamatan tidak dibebani sepanjang berlangsungnya PRU, dengan mencetuskan perkara yang boleh menjejas ketenteraman awam.

Baginda bertitah, pihak penguatkuasaan undang-undang perlu mengambil tindakan tegas dan pantas terhadap sebarang perbuatan daripada mana-mana pihak yang boleh menjejas ketenteraman awam.

"Integriti pihak penguat kuasa undang-undang perlu dipelihara dengan mempamerkan amalan penguatkuasaan berlandaskan undang-undang secara adil, yang tidak memihak dan tidak mempamerkan sikap partisan kepada mana-mana kumpulan, dan berpegang kepada prinsip kesetiaan kepada raja dan negara.

"Beta menyeru kepada semua pihak dan setiap warga untuk membantu menjamin berlangsungnya proses pilihan raya dalam keadaan aman dan tenteram, berteraskan semangat meluhurkan perlembagaan, mendaulatkan undang-undang, serta kesopanan dan kesusilaan.

"Apa juga penentuan yang menjadi pilihan rakyat, berpeganglah kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan, bahawa segala yang berlaku dan tidak berlaku, dan apa juga pencapaian atau tidak pencapaian rancangan, adalah di bawah penentuan Ilahi," titah baginda.

Sementara itu, baginda turut bertitah agar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan tugas secara profesional, telus dan berintegriti memastikan kelangsungan PRU tidak dipertikaikan.

"Pilihan raya adalah proses yang memberi hak dan peluang kepada warga untuk memilih kerajaan. Hak dan peluang warga ini wajib dihormati, wajib dihargai dan tidak dinafikan," titah baginda.

# 5 MEI

## Jelajah Baitulmal perjelas pengurusan zakat

Sinar Harian, 27 Mei 2018

**PARIT BUNTAR** - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) melancarkan program jelajah penerangan melibatkan 15 lokasi di seluruh Kerian bermula 1 Ramadan lalu demi membetulkan persepsi masyarakat mengenai fungsi Baitulmal dalam menguruskan zakat.

Pegawai Baitulmal Daerah Kerian, Mohammad Razif Mokhtar berkata, inisiatif penganjuran program jelajah penerangan fungsi Baitulmal penting bagi memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap keberkesanan sistem pengurusan zakat diuruskan Baitulmal.

Menurutnya, program jelajah itu ditumpukan kepada warga pekerja agensi kerajaan, swasta dan pentadbiran masjid-masjid dan sehingga kini sudah tujuh lokasi sudah disinggahi Maipk.

"Melalui program ini, Maipk menggunakan kaedah penerangan secara hati ke hati dan terus kepada peserta program bagi memberi ruang



MOHAMMAD RAZIF

kepada mereka bertanyakan apa jua kemusykilan berkaitan kaedah kutipan, agihan dan pengurusan wang zakat oleh Baitulmal.

"Kami bersyukur program ini menampakkan keberkesanan apabila sebahagian besar peserta yang sebelum ini agak skeptikal dengan fungsi Baitulmal, kini mula memahami bagaimana wang zakat mereka diagihkan untuk dimanfaatkan lapan golongan asnaf dikenal pasti kami," katanya kepada media di sini, semalam.

Mohammad Razif berkata, Maipk menggalakkan orang ramai untuk terus memberi kepercayaan kepada Baitulmal dalam menguruskan sistem kutipan zakat bagi memastikan wang itu dapat disalurkan kepada lapan golongan asnaf dalam satu jangka masa panjang.

"Apabila ada pihak bertindak menyalurkan zakat secara individu dan agih kepada asnaf tertentu setahun sekali, bagaimana pula dengan nasib asnaf itu untuk lebihan sebelas bulan lagi?

"Pengagihan bantuan zakat dan sumbangan kewangan kepada asnaf akan kurang efektif jika disalurkan secara persendirian.

"Atas sebab itu, Baitulmal masih merupakan agensi terbaik untuk diberi tanggungjawab menguruskan zakat demi kepentingan asnaf untuk jangka masa panjang," katanya.

Mohammad Razif berkata, setakat ini, kadar kutipan zakat di daerah Kerian semakin meningkat saban tahun, membuktikan tahap kesedaran masyarakat untuk membayar zakat kepada Baitulmal masih tinggi.

Sinar Harian, 28 Mei 2018



Amiruddin berkata sesuatu kepada sebahagian asnaf pada majlis berkenaan.

## MAIPk mahu lahir lebih ramai usahawan

**IPOH** – Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) berharap dapat membantu melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan asnaf pada masa hadapan menerusi program pemerkasaan ekonomi bersama golongan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maipk, Datuk Dr Amiruddin Muhamed berkata, program yang dilaksanakan bersama golongan asnaf selama beberapa tahun sebelum ini berjaya melahirkan ramai usahawan yang berjaya.

Justeru menurutnya, program itu akan diteruskan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan daripada golongan asnaf negeri ini dan sekali gus membantu mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

"Program-program ini sangat berjaya. Pada 2017 lalu ada 100 lebih asnaf yang dah keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Melihatkan kejayaan ketara setiap tahun kita tambahkan lagi peruntukan. Kita boleh tambah bilangan asnaf dan mungkin pada masa hadapan taraf kemiskinan di negeri ini berada pada tahap paling minimum. Itu harapan kita," katanya.

Amirudin berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Perasmian dan Penyerahan Bantuan Modal Perniagaan Usahawan Asnaf Maipk 2018 di Dewan Al-Ghazali Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR), baru-baru ini.

Difahamkan pada program berkenaan, bantuan modal berjumlah RM820,000 diagihkan kepada 80 asnaf dari sekitar negeri.

Malah katanya, ada asnaf yang kini dijadikan anak angkat oleh agensi besar seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Jabatan Perikanan dan lain-lain.

20 SELASA 29 MEI 2018 • SINAR HARIAN

BERITA NEGERI



Mohamad Noornizam dan Siti Salmah.

## Program pemerkasaan asnaf beri manfaat

**IPOH** - Rata-rata golongan usahawan yang lahir daripada program pemerkasaan asnaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk), menyifatkan program berkenaan banyak memberikan manfaat dan berjaya mengubah hidup masing-masing.

Bagi usahawan makanan, Mohamad Noornizam Mohd Ayub, 36, kesemua program berkenaan banyak membantu dirinya dalam bidang perniagaan yang diceburi.

Malah menurutnya, program dianjurkan Maipk itu juga banyak mengubah kehidupannya terutamanya dari segi pendapatan berbanding dahulu.

"Program yang dianjurkan berjaya mengubah hidup saya. Asalnya, saya hanya kutip botol, cari surat khabar lama.

"Namun atas nasihat rakan, saya mula berniaga dan memohon bantuan modal daripada Maipk. Memang bantuan ini bantu saya untuk sampai ke tahap ini," katanya kepada *Sinar Harian.*

Mohamad Noornizam berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Perasmian dan Penyerahan Bantuan Modal Perniagaan Usahawan Asnaf Maipk 2018 di Dewan Al-Ghazali Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR), kelmarin.

Difahamkan pada program berkenaan, bantuan modal berjumlah RM820,000 diagihkan kepada 80 asnaf dari sekitar negeri.

Sementara itu, seorang lagi usahawan, Siti Salmah Mukhtar berkata, dia nekad menaiki motosikal untuk menghadiri majlis berkenaan bagi mendapatkan bantuan modal berkenaan.

Kata ibu tunggal lima anak ini lagi, bantuan modal berkenaan penting baginya untuk meneruskan perniagaan rempeyek yang diusahakannya selama ini.

"Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Maipk. Bantuan modal ini akan saya gunakan untuk perniagaan saya dan hasilnya bolehlah saya gunakan untuk menyara anak-anak saya," katanya.

# 6 JUN

Sinar Harian, 8/6/2018

## Perkasa Jakim, bukan bubar



Harussani (tengah) menyerahkan sumbangan bantuan Aidilfitri kepada seorang penerima fakir miskin.

PARIT BUNTAR – Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria bersetuju dengan cadangan kerajaan pusat untuk mengkaji semula peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) hanya dalam konteks memperkasakan fungsinya dan bukan dibubarkan.

Menurutnya, peranan Jakim yang ditubuhkan sejak zaman pentadbiran Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad buat kali pertama amat besar dalam menyelaraskan pentadbiran institusi keagamaan di peringkat pusat dan negeri-negeri.

Harussani berkata, peranan sedia ada dimainkan Jakim ketika ini sudah cukup baik dan sekiranya terdapat cadangan pembubaran badan itu, pihaknya bimbang hubungan penyelarasan di antara kerajaan pusat dan negeri-negeri akan terputus.

"Sekiranya kajian semula (oleh kerajaan pusat) bertujuan memperkasakan peranan Jakim, (cadangan) itu memang sesuai kerana peranan Jakim amat penting.

"Jakim berperanan membawa penyelarasan dalam pentadbiran Islam di antara peringkat pusat dan negeri.

"Jika Jakim tidak ada dan dibubarkan, setiap majlis agama Islam di setiap negeri akan membawa diri dan akhirnya berkemungkinan boleh mengeluarkan fakta bercanggah dalam sesuatu perkara," katanya pada majlis penyampaian bantuan Aidilfitri kepada fakir miskin sumbangan Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng, semalam.

Harussani berkata, sudah tiba masanya peranan Jakim benar-benar diperkasakan sebagai jambatan utama penyelarasan satu pertemuan muktamad di antara semua majlis agama Islam di peringkat pusat dan negeri bagi penganjuran satu muzakarah dalam menentukan fatwa hendak dibuat selaras diguna pakai oleh semua majlis agama Islam di setiap negeri.

Dalam perkembangan lain, Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng menyumbangkan RM60,000 bantuan Aidilfitri kepada sejumlah 166 penerima fakir miskin di daerah Kerian.

## Pertahan institusi diraja

Sinar Harian, 12/6/2018

*Bidang kuasa raja dan sultan lebih luas, peranannya perlu dihormati*

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PARIT BUNTAR

Institusi diraja dan hak istimewa orang Melayu di negara perlu dipertahankan dan dipelihara semua pihak tanpa ada sebarang rasa prejudis sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, sejak negara dituntut merdeka dari tangan penjajah, perkara berkaitan kewajiban memelihara institusi diraja dan hak istimewa orang Melayu adalah merupakan aspek utama yang tetap kekal dalam Perlembagaan Negara dan terpakai sehingga kini.

Menurutnya, sekiranya terdapat cubaan pihak tertentu menghapuskan institusi diraja di bawah payung Majlis Raja-raja Melayu untuk digantikan kepada kerajaan republik, perkara itu tidak betul dan bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

"Setiap pentadbir dan pendasar kerajaan perlu memahami kepentingan menjaga kedaulatan institusi diraja dan mereka bukan boleh main lepas cakap untuk mengkritik institusi itu.

"Di sebalik pelbagai kritikan terhadap institusi tertinggi negara itu, rakyat perlu menyedari peranan Majlis Raja-raja Melayu cukup tinggi.

"Cuma peranan istimewa itu tidak kelihatan kepada tatapan utama dan hanya digunakan dalam menangani urusan pentadbiran tertinggi negara dan negeri," katanya pada sidang media pada majlis penyerahan sumbangan Aidilfitri kepada fakir miskin oleh Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng, semalam.



Harussani (duduk) menerima cenderahati daripada Tan Sri Fng Ah Seng.

Turut hadir Pengarah Urusan Epic Valley Holding Sdn Bhd, Tan Sri Fng Ah Seng.

Harussani menegaskan bidang kuasa raja juga melangkaui bidang kuasa Majlis Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri apabila sebarang perkara dibangkitkan dan diluluskan dalam mesyuarat exco perlu dirujuk terlebih dahulu kepada institusi itu.

"Atas sebab itu, peranan dan fungsi institusi diraja perlu dihormati semua pihak kerana bidang kuasa raja dan sultan lebih luas daripada yang kita fikirkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Harussani turut memberi pencerahan terhadap cadangan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik meminta pembiayaan pendidikan bagi orang kurang upaya (OKU) ditanggung baitulmal meskipun tidak tergolong dalam senarai lapan asnaf, sebelum ini.

Menurutnya, cadangan pemberian zakat kepada OKU bagi tujuan pendidikan hanya dibolehkan jika OKU itu tergolong dalam lapan kumpulan asnaf terbabit.

"Kalau OKU itu termasuk lapan asnaf, kita bagi dan pengagihan zakat tidak boleh keluar dari asas lapan kumpulan asnaf.

"Kalau dana dikumpulkan baitulmal banyak, itu lain. Namun, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Negeri Perak (Maipk) perlu menyediakan RM21 juta peruntukan zakat untuk membiayai pengajian pelajar ke luar negara.

"Kalau semata-mata OKU tetapi berkemampuan atau anak orang kaya, individu itu masih tidak layak," katanya.

## Segera bayar zakat fitrah

Sinar Harian, 9/6/2018

*Maipk peruntuk RM817,000 bantu asnaf di Hilir Perak dan Bagan Datuk*

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID

TELUK INTAN

Umat Islam dinasihatkan supaya menyegerakan pembayaran zakat fitrah di bulan Ramadan sebelum tamat tempoh serta mengelakkan kesesakan apabila membayar saat akhir.

Pegawai Baitulmal Daerah Hilir Perak, Zul-Azri Hosaini berkata, bayaran zakat yang dibuat dengan kadar segera dapat membantu golongan yang layak menerima zakat berkenaan lebih-lebih lagi untuk sambutan Aidilfitri.

"Kepada mereka yang suka membayar zakat fitrah saat akhir saya menyeru supaya dapatlah ia dilakukan dengan kadar segera dikhuatiri anda terlupa atau terlepas tempoh bayaran akibat sikap suka bertangguh.

"Pembayaran awal dapat mengelakkan berlakunya kesesakan apabila ramai yang mencari amil untuk membuat bayaran di saat akhir," katanya kepada *Sinar Harian* selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Orang Besar Jajahan (OBJ) serta penyampaian Cek Saguhati Jawatankuasa Fitrah dan Bantuan Raya Kepada Asnaf, di Masjid Daerah Sultan Idris II, Teluk Intan, baru-baru ini.



Zul-Azri (dua, kiri) melihat Shaharudin (tiga, kiri) menyampaikan replika cek kepada salah seorang wakil masjid sambil disaksikan Shahrunaim (empat, kiri).

Turut hadir pada program berkenaan adalah OBJ Manjung yang juga pemangku OBJ Hilir Perak Lt Kol (B) Datuk Shaharudin Nazari bersama Pegawai Daerah Hilir Perak, Shahrunaim Radzali.

Sementara itu mengulas mengenai bantuan dan sumbangan yang disampaikan pada majlis berkenaan, Zul-Azri berkata sebanyak RM817,000 wang zakat diagihkan kepada penerima-penerima bantuan fakir miskin Ramadan dan saguhati jawatankuasa zakat fitrah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) bagi daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

"Sebanyak RM208,000 wang diagihkan kepada 832 penerima di bawah penerima bantuan bulanan Maipk yang dimasukkan ke dalam akaun bank mereka atau boleh diambil secara tunai di pejabat Baitulmal Teluk Intan.

"Bagi penerima bantuan melalui masjid yang dipilih oleh kariah masjid, RM275,000 diperuntukkan kepada 1,100 penerima dari Daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datuk," katanya.

Menurut Zul-Azri, Maipk juga turut memperuntukkan RM126,000 bagi saguhati jawatankuasa zakat dan fitrah melibatkan Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk dengan jumlah masing-masing bernilai RM63,000.

"Untuk penerima bantuan bulanan Maipk dan bantuan melalui masjid setiap fakir miskin ini akan menerima wang RM250 seorang bagi membantu meringankan beban menyambut raya.

"Manakala saguhati jawatankuasa zakat dan fitrah akan diberikan RM1,500 setiap masjid untuk diagihkan sama rata kepada ahli-ahli jawatankuasa," katanya.

Tambahnya, Maipk berharap agar sumbangan itu dapat meringankan beban golongan berkenaan serta digunakan sebaik mungkin.

# Negara bangsa dipolemikkan

Sinar Harian, 25/11/2018



Sultan Nazrin berkenan merasmikan Sambutan 135 Tahun Muzium Perak di Muzium Perak, semalam.

***Menyebabkan usaha membinanya tidak perlihatkan impak diimpikan***

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

TAIPING

Prinsip negara bangsa yang semakin dipolitik dan dipolemikkan menyebabkan usaha membinanya tidak memperlihatkan impak keberkesanan diimpikan.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, negara bangsa adalah konsep kenegaraan yang memperoleh pengesahan politik satu entiti bagi satu-satu bangsa dalam sebuah wilayah berdaulat.

Baginda bertitah, negara bangsa ialah komuniti politik, di mana warganya terangkum dalam sebuah wilayah mempunyai simbol-simbol kewibawaan, yang dijadikan asas untuk memupuk nilai-nilai patriotisme, kebanggaan dan jati diri.

"Membina negara bangsa adalah satu proses yang kompleks, proses rumit dan berterusan, semakin bertambah usia negara, warga bagaikan semakin lebih terpisah.

"Pelbagai istilah penyatuan diperkenalkan, slogan direka cipta, pelbagai logo dilakar, pelbagai lirik dikumandangkan, namun masih tidak memperlihatkan impak keberkesanan menurut yang diimpikan.

"Malah slogan ke arah membentuk warga bersatu padu dalam sebuah negara merdeka akhir-akhir ini, lebih banyak menimbulkan keraguan, lebih mengundang kontroversi, semakin dipolemikkan, semakin dipolitikkan, perkembangan ini sangatlah membimbangkan," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian ketika menyempurnakan Sambutan Ulang Tahun ke-135 Muzium Perak di Jalan Taming Sari di sini, semalam.

Turut mengiringi baginda, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Pengerusi Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah.

Sementara itu, Sultan Nazrin bertitah, institusi muzium berada dalam kedudukan yang dapat memperkenalkan langkah dan kegiatan, membina warga bersatu padu serta memiliki akar kesetiaan kukuh kepada negara.

Titah baginda, koleksi artifak hanyalah objek kaku sekiranya dipamerkan atau disimpan tanpa penceritaan yang digarap rapi, berasaskan penyelidikan teliti.

"Muzium tidak harus dikagumi kerana artifak, ciri estetika atau aura misterinya, tetapi hendaklah mempamerkan bahan dan mempersembahkan urutan peristiwa berupaya membangkitkan nostalgia silam.

"Oleh itu, muzium hendaklah berupaya memenuhi keperluan latar belakang pengunjung yang pelbagai, berfikiran lebih kritikal, serta memiliki tahap literasi dan pengharapan lebih tinggi.

"Artifak kaku dan mati wajib dihembuskan nafas, agar artifak itu dapat dihidupkan, berupaya berinteraksi, dirangkaikan, serta memberi pengertian dengan kehidupan semasa," titah baginda.

Muzium Perak ialah muzium tertua dan pertama di Semenanjung Malaysia, diasaskan pada 1883 melalui idea dicetuskan oleh Residen Inggeris, Sir Hugh Low dan siap pada 1910.

Mengikut statistik Jabatan Muzium Malaysia, ketika ini terdapat 189 muzium di seluruh negara, di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pelbagai agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi pendidikan serta swasta.

Setelah 135 tahun, bangunan Muzium Perak telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Daftar Warisan Kebangsaan dalam kategori bangunan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

# Pemimpin pengaruhi negara

Sinar Harian, 21/11/2018

***Pemimpin tidak amanah mengakibatkan ummah berada dalam sengsara***

NURUL RIDUAN
NOR ASHAHA

PUTRAJAYA



Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat mencemar duli menghadiri Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2018, semalam.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, pemimpin tidak amanah dan tidak berintegriti akan mengakibatkan ketenteraman awam terjejas, kestabilan politik tergugat dan ummah berada dalam sengsara.

Titah baginda, kemiskinan ummah akan menjadi lebih buruk apabila pemimpin lebih mengutamakan agenda membina kekayaan material dengan mengambil dan menidakkan hak ummah secara tidak adil serta melalui kaedah yang meragukan.

Baginda bertitah, kekayaan material yang diperoleh secara mencurigakan akan melahirkan individu kaya secara mendadak tanpa dilengkapi kekayaan minda, kekayaan intelek, kekayaan ilmu dan kekayaan rohani.

"Kekayaan mendadak merupakan kekayaan palsu, yang sangat sementara sifatnya, sekadar melahirkan budaya bermewah-mewah, bermegah-megah, serta budaya yang melakukan banyak pembaziran.

"Akibatnya, berlaku ketirisan sumber, pembangunan yang tempang, serta kadar pengangguran, kadar penghijrahan, kadar penyeludupan, kadar jenayah dan kadar rasuah yang tinggi, disusuli pelbagai penyakit sosial.

"Akhirnya ketenteraman awam terjejas, kestabilan politik tergugat dan ummah bertambah derita kerana terperangkap dalam putaran ganas penderitaan," demikian titah baginda pada sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Titah baginda, kesejahteraan bangsa dan kemakmuran sesebuah negara dipengaruhi sifat dan akal bicara pemimpin.

Baginda bertitah, ulama besar, umara yang berwibawa dan peniaga yang jujur akan lahir dalam negara yang pemimpinnya memiliki sifat takwa, serta menghayati kebesaran Ilahi.

"Jika pemimpin senantiasa insaf akan tanggungjawab lebih besar kepada ALLAH, akan sejahteralah hidup ummah dan makmurlah (sesebuah) negara.

"Khazanah negara akan diurus secara telus, sumber negara akan diagihkan secara saksama, dan kekayaan negara tidak akan dibazirkan. Kepentingan majoriti ummah akan lebih diutamakan,"

Dalam masa sama baginda bertitah, masalah ummah hari ini berpunca daripada ketiadaan integriti oleh mereka yang diamanahkan dengan kuasa dan krisis tercetus kerana perebutan membina kekayaan secara tidak telus.

"Malah turut berlakunya perebutan kuasa, kerana kuasa dilihat sebagai saluran atau konduit untuk membina kekayaan diri, kekayaan keluarga dan kekayaan kroni.

"Budaya hipokrasi melemahkan tiang integriti kerana berlaku amalan 'pepat di luar rencong di dalam,' kerana benarkan 'gunting selesa dalam lipatan,'" titah baginda.

Sementara itu, baginda bertitah, tema sambutan Menyantuni Umat Membawa Rahmat dipilih bagi menyemarakkan roh 'Rahmata Lil Alamin,' roh yang menegaskan Islam ialah agama perdamaian, penuh kelembutan serta kasih sayang, dan tidak mengizinkan kekerasan, keganasan dan kebencian.

Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim turut berangkat pada majlis sambutan itu. Hadir sama, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa.

SINAR HARIAN • SABTU 8 DISEMBER 2018

NASIONAL

# 'Melayu terperangkap'

FOTO: BERNAMA



Sultan Nazrin berangkat tiba pada majlis yang diadakan di Bandar Hilir, Melaka, semalam.

## Perlumbaan menconteng arang sesama sendiri

"Umat Melayu Islam sedang terperangkap dalam perlumbaan menconteng arang sesama sendiri, masing-masing ghairah menepuk air di dulang, dan airnya semakin terpercik ke muka sendiri." - Sultan Nazrin

NOR FARHANA YAACOB

MELAKA TENGAH

Semangat ukhuwah dalam kalangan umat Melayu kini dilihat semakin terhakis hingga lemah jati diri dan hanyut dalam perlumbaan kebendaan.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, agama Islam berjaya menyatukan umat Melayu dan membina ukhuwah sehingga muncul sebagai umat yang kuat, namun hari ini ia sedang mabuk dilambung gelombang persaingan kuasa.

Titah baginda, budaya berpolitik yang berlaku di bumi warisan bangsa ini telah menjelmakan ketaksuban baharu, menghidupkan budaya asabiah, menganjurkan pemikiran lebih mengutamakan kesetiaan kepada kumpulan daripada kepentingan menerima kebenaran.

"Umat Melayu Islam sedang terperangkap dalam perlumbaan menconteng arang sesama sendiri, masing-masing ghairah menepuk air di dulang, dan airnya semakin terpercik ke muka sendiri," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah pada Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Melaka (Maim) dan Majlis Pentauliahan Pelantikan Hakim di Banda Hilir, di sini, semalam. Hadir sama, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob dan Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari.

Sultan Nazrin bertitah, ilmuwan Islam, Ibnu Khaldun meninggalkan catatan mengenai peristiwa perpecahan politik dan perebutan kuasa di Afrika Utara dan Andalusia hingga mengakibatkan kejatuhan tamadun serta pemerintahan Islam.

Titah baginda, Ibnu Khaldun menyaksikan kesediaan pemerintah melakukan apa sahaja untuk memastikan kuasa berada di tangan mereka, termasuk memperalatkan ulama.

"Ulama pada era kegemilangan Islam bersifat jujur dan ikhlas. Sebahagiannya kerana tergoda dengan harta, jawatan dan gelaran bertukar, dan membenarkan diri menjadi pemanfaatan bagi kepentingan peribadi umara tertentu," titah baginda.

Menyingkap kembali titah Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah semasa lawatan rasmi ke Melaka pada 12 hingga 14 Julai 1990 sebagai Yang di-Pertuan Agong Kesembilan, Sultan Nazrin bertitah, rakyat Melaka seharusnya berbangga dengan sejarah dan kegemilangan empayar Melaka.

"Aspek keagungan Kesultanan Melaka pada zaman silam sebagai pusat perdagangan, kebudayaan dan penyebaran Islam harus dijadikan unsur penggalak mencapai kecemerlangan masa depan," titah baginda.

Pada majlis itu, seramai 21 penerima Watikah Pelantikan Hakim Syarie dan Pendaftar, terdiri daripada lima Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

SINAR HARIAN • SABTU 29 DISEMBER 2018

NASIONAL

# Perluas fungsi majlis agama



Sultan Nazrin Shah (tiga, kanan) berkenan bergambar bersama Hakim dan Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, semalam.

## Bebas sebarang agenda politik kepartian yang dianggap berpihak dan berat sebelah

SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Majlis Agama Islam perlu berfungsi sebagai dewan pemikiran dan pentadbiran Islam di bawah naungan, pengawasan dan pemantauan langsung Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, Majlis Agama Islam berperanan sebagai jambatan penghubung antara umat Islam dengan raja pemerintah, antara umat Islam dengan kerajaan pilihan rakyat, dan antara umat Islam dengan warga bukan Islam.

Titah baginda, kesetiaan ahli majlis yang telah diperkenankan lantikan adalah kepada takhta Yang di-Pertuan Agong.

"Titah perkenan baginda wajib diperoleh sebelum sesuatu dasar, arahan dan kegiatan mengenai Islam mahu dilaksanakan. Ahli Majlis Agama Islam wajib melakukan perekayasaan, membawa minda keluar, merangka rancangan dan tindakan lebih substantif demi kemuliaan sinar Islam, selain membela martabat umat Islam.

"Peranan Majlis Agama Islam wajib diluaskan, dimerdekakan daripada minda lama yang dengan sengaja disempitkan Inggeris. Ia hendaklah ditakrif secara bijak, disuntik dengan tenaga pemikiran dan tenaga pelaksana berwibawa untuk menghasilkan idea bernas dan program dinamik," titah baginda pada Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Hakim serta Pendaftar Mahkamah Syariah Pulau Pinang di sini, semalam.

Sultan Nazrin bertitah, walau apapun senario politik yang berlaku di dalam negara, selagi tindak-tanduk Majlis Agama Islam tidak bercanggah dengan semangat Perlembagaan, negara hendaklah mengiktiraf Majlis Agama Islam.

"Majlis Agama Islam perlu menggalas tanggungjawab sebagai instrumen penyatuan ummah dan bebas daripada sebarang agenda politik kepartian, yang dianggap berpihak dan berat sebelah, supaya peranannya dilihat neutral dan dapat diterima tanpa prejudis serta prasangka oleh majoriti umat Islam," titah baginda.

Baginda bertitah, Majlis Agama Islam adalah institusi bukan politik yang bertanggungjawab secara langsung kepada Yang di-Pertuan Agong atas peranan baginda sebagai ketua agama negeri.

Sultan Nazrin bertitah, Majlis Agama Islam berada dalam kedudukan yang boleh memenuhi dua peranan iaitu dalam perkara tidak bercanggah dengan semangat Perlembagaan.

"Selain itu, dalam perkara yang tidak menderhakai tujuh wasiat Raja-raja Melayu, Majlis Agama Islam sewajarnya memenuhi peranan pelengkap, bekerjasama dengan kerajaan yang dipilih secara demokratik.

"Peranan kedua, dalam perkara bercanggah dengan semangat asal Perlembagaan, dan berunsur menderhakai tujuh wasiat Raja-raja Melayu, Majlis Agama Islam berlandaskan prinsip, wajib secara tegas, menolak serta menentang.

"Majlis perlu segera menyembahkan kepada perhatian Yang di-Pertuan Agong, demi mempertahankan syiar Islam dan menjamin ummah tidak berakhir dengan nasib berdagang di bumi sendiri," titah baginda.

Terdahulu, Sultan Nazrin turut berkenan mengurniakan watikah kepada 14 anggota Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang serta 25 hakim dan pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

2 UTUSAN MALAYSIA • SABTU 8 DISEMBER 2018

UTUSAN MALAYSIA • SABTU 08 DISEMBER 2018



SULTAN NAZRIN SHAH berkenan bergambar kenangan selepas majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Hakim-hakim dan Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Melaka di Bandar Hilir, semalam. Turut hadir Mohd. Khalil Yaakob dan Adly Zahari (duduk tiga dari kanan). - BERNAMA

# Sultan Nazrin kecewa Melayu makin lemah

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 7 DIS.

TIMBALAN Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menzahirkan kekecewaan terhadap sikap orang Melayu yang kini dilihat beransur-ansur lemah, hilang semangat ukhuwah dan jati diri hanya kerana bersaing merebut kuasa.

Titah baginda, orang Melayu telah terperangkap dalam perlumbaan menconteng arang sesama mereka sehingga masing-masing ghairah menepuk air di dulang dan airnya semakin terpercik ke muka sendiri.

"Budaya berpolitik yang sedang berlaku di bumi warisan bangsa ini telah menjelmakan ketaksuban baharu, menghidupkan budaya asabiah.

"Ia juga menganjurkan pemikiran yang lebih mengutamakan kesetiaan kepada kumpulan daripada kepentingan menerima kebenaran, mencanai minda yang lebih mementingkan kumpulan, daripada kelangsungan ummah yang lebih menyeluruh," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian ketika berkenan menyampaikan watikah kepada Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Hakim Mahkamah dan Pendaftar Mahkamah Syariah Melaka di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Pada majlis tersebut, baginda berkenan menganugerahkan watikah kepada 15 Ahli MAIM dan 21 Hakim Mahkamah dan Pendaftar Mahkamah Syariah negeri ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Dr. Mohd. Khalil Yaakob; Ahli Jemaah Pemangku Raja Perak, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Tan Sri Dr. Mohd. Zahidi Zainuddin dan Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari.

Titah Sultan Nazrin, Islam telah membina umat Melayu yang berdisiplin, amanah, jujur, luhur dan ikhlas sehingga dapat membina ukhuwah menjadi teguh dan muncul sebagai umat yang kuat.

"Tetapi hari ini umat Melayu kelihatan beransur lemah, kerana umat Melayu telah kehilangan semangat ukhuwah, umat Melayu telah lemah jati diri, umat Melayu semakin hanyut dalam perlumbaan kebendaan, umat Melayu semakin mabuk dilambung gelombang persaingan kuasa," titah Sultan Nazrin.

Sehubungan itu, baginda mengingatkan agar peristiwa yang berlaku di zaman Ibnu Khaldun yang mencatatkan perpecahan politik dan perebutan kuasa yang amat dahsyat di Afrika Utara dan Andalusia sehingga mengakibatkan kejatuhan tamadun dan pemerintahan Islam tidak berlaku.

Ibnu Khaldun menyaksikan kesediaan pemerintah melakukan apa sahaja untuk memastikan kuasa berada di tangan mereka, termasuk memperalatkan para ulama.

Baginda bertitah, ulama yang pada era kegemilangan Islam, bersifat jujur, ikhlas namun sebahagiannya telah tergoda dengan kemegahan harta, jawatan dan gelaran sehingga bertukar serta membenarkan diri menjadi pemanfaatan bagi kepentingan peribadi umara tertentu.

Ms.6 2 Disember 2018 BH AHAD

→ISU

# 'Usah jadi dalang cetus permusuhan'

Sultan Nazrin gesa rakyat tidak buat provokasi antara kaum, agama

[FOTO BERNAMA]



*Sultan Nazrin bersama penerima Anugerah Tuanku Canselor, Munazzahah Zulkifli (tiga dari kiri) dan bapanya, Zulkifli Abu (dua dari kanan) serta ibunya, Maznah Ismail selepas majlis Istiadat Konvokesyen Ke-11 USAS di Dewan Jubli Perak , Kuala Kangsar, semalam. Turut sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (dua dari kiri).*

Kuala Kangsar

Pemangku Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Shah mengingatkan rakyat terutama pemimpin supaya tidak menjadi dalang melakukan provokasi yang boleh menyalakan puntung kebencian dan permusuhan antara rakyat berbilang kaum serta agama di negara ini.

Baginda yang juga Sultan Perak menzahirkan rasa dukacita kerana suasana harmoni yang menjadi budaya rakyat negara ini sejak sekian lama mahu dimusnahkan disebabkan persaingan politik.

"Terdapat sebahagian pemimpin politik memilih bersifat riak dengan kemenangan, manakala sebahagian yang kalah bersifat berdendam.

"Pihak yang menang perlu mengamalkan budaya terpuji merendah diri, manakala yang tewas mengamalkan budaya menerima penentuan Ilahi secara terhormat," titah baginda pada Istiadat Konvokesyen Ke-11 Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di sini, semalam yang menyaksikan 1,303 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Konvokesyen kali ini menyaksikan julung kalinya USAS yang dinaik taraf sebagai universiti daripada Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) pada Jun 2016 melahirkan penerima Ijazah Doktor Falsafah yang pertama iaitu Dr Ahmad Zaki Hasan yang menamatkan pengajian dalam Falsafah Usuluddin.

## Terus pupuk penyatuan rakyat

Sultan Nazrin bertitah, kebijaksanaan pengasas negara ini membangunkan negara dengan rakyat berjaya disatukan perlu terus dipupuk supaya negara yang aman, tenteram, harmoni dan makmur dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

"Ada negara menghadapi konflik hingga hancur musnah kerana perselisihan berpunca daripada perbezaan mazhab, berlainan agama dan ada yang berpisah kerana tuntutan autonomi wilayah serta ada yang berbunuhan kerana perbezaan ideologi politik.

"Malaysia memiliki semua komponen untuk dijadikan bahan mencetuskan konflik. Namun, pemimpin terdahulu memilih tidak berkonflik," titah baginda.

Sultan Nazrin juga mengingatkan graduan menggunakan pengetahuan mereka menjadi warga berilmu yang berfikiran rasional, tidak mudah diracuni minda untuk mencetuskan persengketaan berdasarkan emosi, arif mengelak diri daripada diperalatkan orang berfikiran cetek serta tidak berwawasan jauh.

Sementara itu, baginda yang juga Canselor USAS turut berkenan mengurniakan watikah pelantikan Pro Canselor USAS yang pertama kepada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin.

Mohd Zahidi, 78, adalah bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pengajian Pertahanan dan Strategik daripada Universiti Quaid-I-Azam, Islamabad, Pakistan.

Beliau dilantik Ahli Dewan Negara Perak pada 25 November 2006 oleh Sultan Perak ketika itu, Almarhum Sultan Azlan Shah.

Pada 19 April 2014, Mohd Zahidi dianugerahkan Darjah Tertinggi Perak iaitu Darjah Kebesaran Seri Paduka Seri Sultan Azlan Shah Perak Yang Amat Dimulai yang membawa gelaran Datuk Seri Diraja. BERNAMA

# Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

1/ Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.

2/ Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.

3/ Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.

4/ Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.

5/ Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.

6/ Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.

7/ Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



# DIREKTORI

**IBU PEJABAT**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak
Tel : 05-2084000 | Faks : 05-2414257

---

**BAGAN SERAI**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Bagan Serai
Jalan Matang Buluh, 34300 Bagan Serai, Perak
No Tel : 05-721 2926 | No Faks : 05-721 9862

**BATU GAJAH**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Batu Gajah, No. 27, Lorong Mat Saman
31000 Batu Gajah, Perak
No Tel : 05-365 1290 | No Faks : 05-365 3504

**KAMPUNG GAJAH**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Kampung Gajah
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Daerah Kampung Gajah,
Jalan Tanjung Tualang, 36800 Kampung Gajah, Perak
No Tel : 05-631 2208 | No Faks : 05-631 3078

**TAIPING**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Taiping
Jalan Muzium Hulu, 34000 Taiping, Perak
No Tel : 05-806 6564 | No Faks : 05-805 8048

**MUALLIM**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Muallim
Jalan Rumah Rehat, 35800 Slim River, Perak
No Tel : 05-452 0653 | No Faks : 05-452 6221

**TAPAH**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Tapah, Lot 569, Jalan Bukit 35000 Tapah, Perak
No Tel : 05-401 4858 | No Faks : 05-401 0490

**KUALA KANGSAR**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Kuala Kangsar
Jalan Raja Chulan, 33000 Kuala Kangsar, Perak
No Tel : 05-776 8371 | No Faks : 05-777 3400

**KAMPAR**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Kampar, Lot 105 dan 106 Jalan Idris,
31900 Kampar, Perak
No Tel : 05-465 1143 | No Faks : 05-465 1151

**UTC PERAK**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Unit Pusat Transformasi Bandar
Lot LB 29 Urban Transformation Centre (UTC)
Off Jalan Dato' Onn Jaafar, 30300 Ipoh, Perak
No Tel : 05-241 3375/241 2349 | No Faks : 05-241 3380

**TELUK INTAN**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Teluk Intan
Kompleks Tadbir Agama Islam, Jalan Raja Musa
36000 Teluk Intan, Perak
No Tel : 05-621 6194 | No Faks : 05-621 2263

**PARIT BUNTAR**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Parit Buntar
JKR 1540N Jalan Persiaran Permai, Taman Kerian Permai
34200 Parit Buntar, Perak
No Tel : 05-716 7090 | No Faks : 05-716 2141

**LENGGONG**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Lenggong, Jalan Alang Iskandar,
33400 Lenggong, Perak
No Tel : 05-767 8869 | No Faks : 05-767 8542

**SELAMA**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Selama, Lot 463, Jalan Wan Mohd Razally,
34100 Selama, Perak
No Tel : 05-839 3744 | No Faks : 05-839 1064

**PENGKALAN HULU**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Agama Daerah Pengkalan Hulu
Jalan Tasek, 33100 Pengkalan Hulu, Perak
No Tel : 05-477 8077 | No Faks : 05-477 8917

**MANJUNG**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Manjung, No.7 dan 7A, Persiaran PM 3/6
Pusat Bandar Seksyen 3, 32040 Seri Manjung, Perak
No Tel : 05-688 6957 | No Faks : 05-688 7599

**GERIK**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Gerik, Jalan Haji Meor Yahaya,
33300 Gerik, Perak
No Tel : 05-791 3755 | No Faks : 05-791 4502

**SERI ISKANDAR**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Seri Iskandar, No.3 dan 3A Jalan PP7,
Bandar Universiti, 32610 Seri Iskandar, Perak
No Tel : 05-366 5310 | No Faks : 05-366 3445

**BAGAN DATUK**
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Daerah Bagan Datuk, Lot 34, Pekan Selekoh
38200 Selekoh, Perak
No Tel : 05-6480028 | No Faks : 05-6480257

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak

05.208.4000

05.241.4257

korporat@maiamp.gov.my